

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 52

Selasa

12 Oktober 2004

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2005

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.24	(Halaman 25)
Maksud B.25	(Halaman 34)
Maksud B.26	(Halaman 93)
Maksud B.27	(Halaman 130)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2005

Jawatankuasa:-

Maksud P.24	(Halaman 25)
Maksud P.25	(Halaman 34)
Maksud P.26	(Halaman 93)
Maksud P.27	(Halaman 130)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 12 Oktober 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Soalan No.1-Y.B. Tuan Bernard S. Maraat (Pensiangan) tidak hadir]

2. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menentukan Malaysia akan menjadi negara yang 'crime free' dan selamat dan memberi keyakinan terhadap pelabur asing, pelancong dan pelajar antarabangsa.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian sememangnya sentiasa berusaha bagi menentukan negara Malaysia ini menjadi sebuah negara yang 'crime free', dengan izin, selamat dan meyakinkan, tidak hanya kepada para pelabur asing, pelancong dan pelajar-pelajar antarabangsa, malahan kepada semua pihak yang berkenaan terutamanya kepada rakyat negara ini sendiri.

Kerjasama dari semua pihak dan masyarakat amatlah penting bagi merealisasikan hasrat ini bagi pihak kementerian, khususnya pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Antara langkah yang boleh diambil adalah seperti berikut:-

- (i) mengambil tindakan pencegahan yang berterusan dengan bantuan masyarakat serta tindakan penyiasatan yang telus dan berkesan di mana mereka yang melakukan kesalahan akan dihadapkan ke muka pengadilan;
- (ii) memberi panduan dan nasihat dari segi keselamatan kepada mereka yang bermasalah supaya mereka ini tidak bertindak secara melulu dan bersendirian;

- (iii) mengambil tindakan berterusan terhadap sindiket-sindiket haram yang menjadikan kegiatan haram dan maksiat seperti judi, pelacuran, kegiatan penghasilan dan pengedaran VCD lucah dan haram serta kegiatan pengedaran dadah;
- (iv) mengambil tindakan berterusan terhadap ahli-ahli kongsi gelap dan kumpulan-kumpulan samseng yang bertindak ganas terhadap masyarakat seperti melakukan ugutan jenayah, penculikan dan kesalahan mencederakan orang;
- (v) memperhebatkan usaha mencegah kemasukan pendatang tanpa izin dan menangkap pendatang-pendatang tanpa izin yang berada di negara ini untuk dihantar balik;
- (vi) melaksanakan rondaan cegah jenayah yang berterusan di kawasan yang berkemungkinan berlakunya kegiatan jenayah;
- (vii) mempertingkatkan tahap kecekapan mekanisme atau sistem pencegahan jenayah seperti kereta peronda, operasi pencegahan jenayah dan lain-lain;
- (viii) kempen-kempen keselamatan kepada orang ramai agar sentiasa berwaspada bagi mengelakkan diri dari menjadi mangsa penjenayah; akhirnya
- (ix) mempergiatkan usaha menghapuskan pengedar dan penagih dadah.

Sekian, terima kasih.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu sama ada kementerian ini akan menjalankan Kempen Penanaman Nilai-nilai Murni di seluruh masyarakat kita di Malaysia, oleh kerana apabila saya bertugas sebagai Pengetua Sekolah, tiap-tiap hari dan tiap-tiap minggu kita menekankan nilai-nilai murni dan ini yang kita tanam kepada guru-guru serta murid-murid. Kita nampak di sekolah amalan nilai murninya ada tetapi apabila saya keluar dari persekitaran sekolah *cultural shock* saya ialah melihat nilai-nilai murni yang telah saya tanamkan di persekitaran sekolah ini sungguh berkurangan di dalam masyarakat kita di Malaysia ini. *So, it was a cultural shock for me.*

Jadi, adakah kementerian bercadang untuk menanamkan nilai-nilai ini supaya seluruh Malaysia bertindak sebagaimana murid-murid sekolah semuanya menghormati antara satu sama lain, semuanya berpegang teguh kepada nilai-nilai murni. Sekian.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, penanaman nilai-nilai murni adalah usaha semua pihak dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri atau agensi-agensinya yang tertentu. Bagi pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, khususnya pihak Polis Diraja Malaysia memang kita ingin memupuk kesedaran berkenaan dengan pencegahan jenayah dan juga nilai-nilai murni seperti di mana ada tanggungjawab bersama kita untuk mengatasi dan pencegahan jenayah. Ini adalah tanggungjawab kita semua. Selain daripada itu, penanaman nilai-nilai murni ini juga khas dijalankan oleh agensi-agensinya yang tertentu dan kementerian-kementerian lain. Sekian, terima kasih

Datuk Abdul Ghafur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah tajuk yang menarik kerana kita dapati soalan '*crime free*' jadi, kita mendapat jawapan daripada kementerian dengan sembilan cadangan yang dibuat.

'*Crime free*' ini ertinya tidak ada jenayah. Saya fikir perkara ini kalau kita tidak bersungguh-sungguh dan kerajaan tidak bersungguh-sungguh mungkin kita tidak dapat mencapai '*crime free*' kerana kita nampak di Sabah dan Sarawak lautannya begitu luas, contoh yang saya boleh berikan ialah di daerah Tawau.

Tawau ini berhadapan dengan satu Pulau Sebatik di mana Pulau Sebatik ini dipunyai oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia. Jadi, penjenayah apabila mahu datang, dia datang *midnight* dia balik pagi kerana tidak ada pengawalan yang cukup, kerana polis, tentera dan polis marin tidak cukup untuk mengawal pantai ini. Mungkin kita ada agensi-agensinya untuk mencegah penyeludup-penyeludup tetapi tidak cukup. Adakah kementerian berfikir untuk menambah semua anggota untuk mengawal pantai-pantai kita? Kalau tidak '*crime free*' ini hanyalah tinggal slogan sahaja kerana kita tidak dapat '*crime free*' yang sebenarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Timbalan Yang di-Pertua, sebutan '*crime free*' yang dibawa oleh soalan yang asal itu adalah bermakna kita cuma mengadakan satu situasi di mana keselamatan memang terkawal dan memang rakyat merasa selesa apabila bergaul atau berjalan di mana-mana.

Walau bagaimanapun, tujuan atau sasaran kementerian dan polis adalah supaya indeks jenayah ini diturunkan sebanyak 5% setahun dan ini adalah satu

sasaran. Dan mengikut perangkaan jenayah atau indeks jenayah, nampaknya kemungkinan walaupun setakat ini, indeks jenayah kalau dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu itu memang lebih kurang sama, tetapi memang menjadi satu sasaran untuk mengurangkan indeks jenayah sebanyak 5%. Kerajaan dan pihak polis sememangnya sentiasa menjalankan operasi-operasi yang tertentu khasnya di sepanjang pantai ataupun perairan Sabah supaya pendatang-pendatang asing dan orang-orang yang tidak diingini yang ingin melakukan jenayah seperti itu dapat dikurangkan serta bekerjasama dengan agensi-agensi lain, dan setakat ini baru-baru ini telah menubuhkan dan telah lulus satu Akta Maritim supaya kita dapat bersama-sama dengan agensi lain untuk mencegah atau mengurangkan indeks jenayah ini. Sekian, terima kasih.

3. **Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bercadang untuk menyediakan sistem 'cable trench' atau terowong kabel bagi jalan-jalan di Kuala Lumpur untuk mengelakkan penggalian jalan raya berulang kali setiap kali kabel baru hendak diletakkan.

Menteri Wilayah Persekutuan [Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad]: Tuan Yang di-Pertua, DBKL tidak bercadang menyediakan sistem terowong kabel kerana buat masa ini semua *reserved* jalan dipenuhi dengan *public utility* yang sedia ada dan ia memerlukan ruang yang besar untuk dilaksanakan. Untuk mengurangkan masalah kesesakan atau penggalian jalan raya, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur cuba memperkenalkan sistem yang dipanggil *trenchless technology* yang sekarang sudah pun mula digunakan di bandar raya.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan tahniah sebab pertama kali saya melihat Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen berada di Dewan ini. Terima kasih.

Kita di Kuala Lumpur ini sering kali kita melihat kadang-kadang jalan itu baru sahaja habis diturap, esoknya atau kadang-kadang tidak sempat esoknya ada pihak-pihak lain yang mula mengorek jalan. Jadi, dengan itu tidakkah wajar sekarang ini, memandangkan kita ada bercadang mengadakan *trenchless system* ini, satu unit penyelaras diwujudkan di mana sekiranya jalan hendak diturap, mereka memberitahu kepada semua mereka yang suka mengorek jalan ini dan jalan itu akan diturap. Dan

sekiranya jalan itu sudah diturap tidak akan diusik sekurang-kurangnya enam bulan atau hingga setahun. Saya rasa eloklah pihak DBKL memikirkan untuk mengadakan unit penyelaras seperti sedemikian.

Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, sistem yang ada buat masa kini ialah di mana semua penggalian oleh mana-mana elemen agensi kerajaan ataupun swasta mesti menghantar permohonan kepada Jabatan Kejuruteraan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, di mana jabatan akan menyelaraskan kesemua kerja-kerja ini setelah melihat lokasi, tempat dan sebagainya.

Selepas itu, setelah siap semua penggalian, kerja-kerja menampal semula jalan mesti dilaksanakan. Yang menjadi masalah ialah, apabila pihak kontraktor ada yang tidak menampal ataupun membuat jalan itu semula dengan baik dan terpaksa DBKL membetulkannya kembali menggunakan wang deposit yang diberikan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Tuan Yang di-Pertua, saya melalui Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Syed Putera, Jalan Raja Laut dan sebagainya dua tiga minggu yang lalu, saya dapati bahawa kesesakan lalu lintas di pusat bandar itu antaranya disebabkan oleh jalur kuning tempat laluan bas dan teksi itu. Jadi dua *line* kereta yang biasa itu sudah penuh sesak dan line bas dan teksi itu kosong tidak boleh kita lalui. Kenapa tidak Dewan Bandaraya memikirkan untuk mengubah jadikan jalur kuning itu berputus-putus supaya kalau tiada bas dan teksi kita boleh masuk ke situ. Kalau ada bas dan teksi, kita beri laluan seperti kita bagi laluan seperti ambulans. Minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Utama Mohd Isa bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, tujuan buat jalur kuning itu ialah untuk memudahkan kenderaan awam seperti bas dan teksi menggunakannya tetapi kalau Yang Berhormat cadang supaya buat putus-putus bila ada kenderaan lain masuk kita lagi kelam kebut. Itu sebab dinamakan jalur kuning, laluan kuning khusus, kalau tidak ada kenderaan lain, bas dan teksi tidak lalu, biarlah dia kosong kerana kita memang hendak menyuruh bas dan teksi sahaja yang lalu di kawasan itu memudahkan para penumpang.

4. Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sokongan kerajaan terhadap persetujuan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai apa yang dikatakan penyerahan kedaulatan kepada kerajaan sementara Iraq seolah-olah kita menghalalkan pencerobohan Amerika dan

sekutunya ke atas Iraq yang menyebabkan terbunuhnya beribu umat Islam yang tidak berdosa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Terima kasih Yang Berhormat dari Gua Musang kerana sudi mengemukakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, sokongan kerajaan terhadap penyerahan kedaulatan oleh Amerika Syarikat melalui Coalition Provisional Authority (CPA) dengan izin kepada kerajaan sementara Iraq Interim Government of Iraq (IGI) dengan izin adalah perlu dilihat dari aspek positif yang bakal diperolehi oleh rakyat Iraq. Penyerahan kedaulatan tersebut adalah suatu permulaan proses politik ke arah pembentukan sebuah kerajaan Iraq yang sah dan berdaulat serta mendapat mandat dari rakyat jelata melalui pilihan raya yang dijadualkan berlangsung pada Januari 2005.

Sokongan ini tidak bermakna Kerajaan Malaysia menghalalkan pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq. Kerajaan Malaysia tetap dan sentiasa konsisten dengan pendiriannya menentang pencerobohan ini dan sentiasa menyokong prinsip multilateralisme di mana penglibatan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) adalah penting dalam proses peralihan politik dan pembangunan semula negara tersebut adalah amat penting dan mustahak. Terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai Iraq. Bagaimanakah keadaan masalah kesihatan rakyat di Iraq dan apakah keperluan perkhidmatan perubatan dan kesihatan akibat peperangan di Iraq ini? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat doktor daripada Ampang. Akibat sekatan perdagangan ke atas Iraq sejak 14 tahun dahulu, sektor kesihatan di Iraq terjejas teruk. Kemusnahan hospital dan pusat kesihatan akibat peperangan telah menjejaskan kemudahan perkhidmatan perubatan kepada rakyat Iraq. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, setakat ini terdapat 172 hospital dan 1,500 pusat perkhidmatan kesihatan premier di mana 72% daripadanya adalah dalam keadaan memerlukan kerja-kerja baik pulih segera. Rakyat Iraq sekarang sangat memerlukan bantuan-bantuan perkhidmatan perubatan dan kesihatan seperti berikut iaitu sumbangan kewangan untuk membaik pulih unit-unit kecemasan di hospital dari segi fizikal dan teknikal. Mereka memerlukan bekalan perubatan iaitu *medical supply* dan *life saving drug* dengan izin dan mereka memerlukan kursus serta

latihan-latihan dalam bidang pengurusan hospital, perancangan kesihatan, tromotologi dan radioterapi dan akhir sekali pasukan perubatan yang terdiri dari pakar-pakar perubatan dalam aspek-aspek re-constructive surgery, 'cardiacforlogy' surgery, vascular surgery adalah penting dan diperlukan hingga sekarang. Terima kasih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kita tahu bahawa sehingga hari ini kita dengar berpuluh-puluh kematian tiap-tiap hari disebabkan oleh letupan-letupan bom yang mengorbankan banyak manusia yang tidak berdosa. Selain dari itu kita juga mendengar dari masa ke semasa berlakunya pemenggalan kepala terutama ke atas orang-orang yang ditawan. Kalau kita lihat, kita harus prihatin dengan masalah kemanusiaan ini kerana kebanyakan orang yang terlibat ini adalah mereka yang tidak berdosa. Selain dari itu kita lihat implikasinya ialah bukan sahaja di Iraq, implikasinya juga mengaitkan orang-orang Islam kerana ini juga memberi refleksi kepada orang Islam dalam bentuk keganasan dan sebagainya dikaitkan dengan keganasan.

Soalan saya, Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan sebagai pemimpin OIC apakah langkah-langkah segera yang dapat kita lakukan untuk menangani masalah yang sungguh meruncing ini? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih kepada Yang Berhormat Gombak kerana mengemukakan soalan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta negara kita sekarang ini telah pergi ke merata dunia sebagai Presiden OIC untuk menekankan berapa pentingnya rakyat Iraq dan masyarakat antarabangsa memberi sokongan kepada kerajaan sementara Iraq supaya memastikan pilihan raya yang bakal dijadualkan berlangsung pada Januari 2005 ini dapat dilaksanakan mengikut jadual kerana kalau pilihan raya ini tidak dapat diadakan, kemudaratan dan kesengsaraan akan berterusan di negara Iraq.

Jadi sebagai menjawab soalan Yang Berhormat, sama-samalah kita mengharapkan supaya masalah kemanusiaan itu dapat diselesaikan segera melalui pengembalian maruah dan kedaulatan rakyat dan negara Iraq ataupun dengan izin *restoration of dignity* oleh negara Iraq. Proses penyerahan semula mengikut jadual tanpa gangguan daripada mana-mana pihak adalah penting dan mustahak agar normality dengan izin kembali wujud semula di negara Iraq. Sekian, terima kasih.

5. Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyak jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan pada tahun ini di seluruh negara dari segi perbelanjaan pembangunan, biasiswa, one-off dan baucer tuisyen yang telah dikeluarkan mengikut negeri dalam tahun 2004.

Menteri Pelajaran [Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah perbelanjaan tahun 2004 bagi perbelanjaan pembangunan biasiswa, one-off serta baucer tuisyen yang dikeluarkan adalah seperti berikut, perbelanjaan pembangunan tahun 2004 berdasarkan kepada laporan Jabatan Akauntan Negara sehingga 30 Julai berjumlah kira-kira RM1.34 bilion. Jumlah perbelanjaan untuk biasiswa atau bantuan kewangan yang terdiri daripada biasiswa kecil Persekutuan dan biasiswa kelas persediaan universiti (PKPU) ialah kira-kira RM182.5 juta. Bantuan one-off sebanyak RM120 kepada pelajar miskin pula adalah bertujuan untuk membeli pakaian dan peralatan sekolah sebelum sesi persekolahan dan bagi tahun 2004 peruntukan diluluskan ialah RM120,705,840 untuk 1,005,382 orang murid.

Skim baucar tuisyen diperkenalkan dalam tahun 2004 dan kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM205 juta. Skim ini adalah untuk membantu pelajar-pelajar dan keluarga miskin untuk mendapatkan tuisyen bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Kadar bayaran bagi setiap mata pelajaran ialah RM10 untuk tempoh selama 9 bulan bagi setiap tahun.

Mengenai persoalan untuk kita menyenaraikan bantuan-bantuan tambahan ini mengikut negeri, Tuan Yang di-Pertua, senarainya terlalu panjang, mungkin dapat saya bekalkan kepada Yang Berhormat secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri Pelajaran kita. Sekarang kita negara maju, ramai yang datang melawat, soalan saya telah diajukan, betapa gembiranya rakyat mendengar. Terima kasih dan tahniah saya pada semua Menteri terutama sekali Naib yang telah hadir pada pagi ini. Tahniah dan syabas. [*Tepuk*] Ramai Menteri dan Timbalan hari ini.

Soalan saya, sekarang kita bicara terutama di luar bandar mengenai baucer tuisyen dan *one-off* ini. Ramai di antara kita wakil rakyat juga yang telah menandatangani untuk menentukan kesahihan pendapatan dan sebagainya. Saya ingin bertanya apakah kayu pengukur yang diguna pakai oleh pihak kementerian bagi memastikan keadilan pengagihan dapat dilakukan. Adakah ia berasaskan kepada

pihak sekolah ataupun satu jawatankuasa khas ditubuhkan. Baucer tuisyen adalah baru dan ini juga menjadi pertanyaan kepada penduduk-penduduk sekitar baik di bandar atau di luar bandar. Saya dapat tahu perkara itu tidak memberi erti sebagaimana kata Menteri kita sendiri iaitu sebanyak RM205 juta telah diutarakan. Kalau ini daripada titik peluh rakyat semua sekali dan tidak memberi faedah, kita terbaca surat khabar hari ini, itu memang tepat sekali dan kita dalam Dewan yang mulia ini, wakil-wakil rakyat akan memberi pandangan.

Soalannya, sedarkah atau tidak kementerian, di sekolah-sekolah ibu bapa mengatakan murid-murid datang tetapi gurunya tidak datang untuk baucer tuisyen ini. Manakala bila kita dedahkan kepada pihak pengetua ataupun guru besar, dikatakan murid-murid tidak datang. Apakah langkah kementerian untuk mengatasi masalah ini supaya wang rakyat ataupun wang kita ini tidak membazir. Sekian, terima kasih.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat telah pun menekankan perkara yang merupakan kebimbangan saya sendiri iaitu bantuan-bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan dan kementerian begitu besar dan penting untuk kita pastikan bahawa bantuan-bantuan ini sampai kepada golongan sasaran supaya ia tidak ada pertindihan dan ia tidak ada pembaziran.

Berhubung dengan baucer tuisyen seperti saya sebut tadi ia merupakan satu program satu skim yang baru diketengahkan dan matlamatnya mulia. Memberi kelas bimbingan tambahan atau tuisyen bagi mata pelajaran tertentu kepada murid-murid yang miskin. Syarat-syarat yang dipohon oleh Yang Berhormat kriterianya pemohon mesti merupakan warganegara Malaysia, yang merupakan golongan sasaran murid tahun 4, 5 dan 6, pendapatan bulanan keluarga. Di Semenanjung, RM530 ke bawah, di Sabah dan Labuan RM685 dan ke bawah, Sarawak RM585 dan ke bawah. Murid-murid yang merupakan golongan sasaran ini diperakukan oleh guru sendiri sebagai lemah dan memerlukan bimbingan. Saranan Yang Berhormat dan kesudian Yang Berhormat untuk membantu kita memantau, sama ada isu-isu yang dibangkitkan, guru-guru tidak datang, murid tidak datang saya menganggapnya sebagai satu perkara yang serius tetapi ia tidak merangkumi kesemua sekolah-sekolah yang berkenaan. Banyak sekolah yang maklum balas yang kita terima menerima baik skim ini dan ia telah membawa kesan yang positif tetapi sekolah-sekolah yang kita lihat mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu. Kementerian mengharapakan sangat kerjasama

daripada Yang Berhormat untuk mengenal pasti sekolah-sekolah secara spesifik supaya tindakan boleh diambil.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mengatakan bahawa sistem pendidikan sekarang terlalu mementingkan peperiksaan dan kerana peperiksaan ini seolah-olah setiap pelajar mesti pergi tuisyen dan seolah-olah kementerian dipengaruhi oleh fenomena ini sehingga memberi baucer tuisyen. Saya rasa walaupun ini matlamatnya adalah mulia, tetapi adakah kementerian telah mengkaji apa sebabnya mengapa mereka semua seolah-olah setiap pelajar mesti pergi ke tuisyen. Apakah sebab demikian dan adakah kementerian ingin mengkaji sebabnya dan mungkin dia ada alternatif yang lain untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya masalah pihak pembangkang selalu menumpukan kepada sesuatu isu tanpa melihat kepada isu yang lebih besar. Bantuan yang kita berikan kepada keluarga-keluarga miskin dan agenda kita untuk merapatkan jurang di antara mereka yang miskin di luar bandar dan di bandar merupakan suatu kaedah pelbagai program.

Skim baucar tuisyen baru merupakan suatu program yang diperkenalkan tahun ini. Tetapi program-program sokongan yang lain sama ada Rancangan Makanan Tambahan, Program Susu Sekolah sebagai contoh telah diperkenalkan sejak tahun 1960 lagi dan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, Rancangan Makanan Tambahan berjumlah RM494.4 juta telah pun dibiayai.

Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, bantuan *one-off* RM120, jumlahnya lebih daripada RM6.2 juta dan RM208.4 juta. Skim baucar tuisyen saya setuju RM168 juta telah pun dilaksanakan tetapi pinjaman buku teks, biasiswa, elaun pendidikan khas, bantuan makanan prasekolah dan asrama semua ini merupakan usaha kita mempelbagaikan bantuan supaya matlamat pokok kita, iaitu untuk memastikan keluarga-keluarga miskin tidak terpinggir, tidak tersisih menjadi suatu agenda yang dapat direalisasikan.

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Cukuplah.

Puan Chong Eng: *[Masih bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Cukuplah.

Tuan Fong Kui Lun: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat Bukit Bintang. *[Dewan riuh]*

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi belunggu kepada suatu isu, balik-balik ke isu yang sama supaya dapat sensasikan sesuatu.

Kita memberikan tumpuan kepada tuisyen kerana ada dakwaan daripada pihak pembangkang juga dahulu, bahawa murid-murid miskin di bandar mendapat peluang untuk bertuisyen kalau hendak dibandingkan murid-murid di luar bandar. Dengan kemudahan dan peluang yang ada sekarang ini kepada luar bandar, itu pula dibangkitkan sebagai satu masalah. *We can never please the opposition* Yang Berhormat.

6. Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan persediaan syarikat pengeluaran kereta nasional PROTON menghadapi persaingan hebat serta cabaran-cabaran yang akan dihadapi semasa pelaksanaan AFTA. Apakah impak terhadap harga kereta PROTON sekiranya cukai/duti import dikurangkan atau dimansuhkan apabila AFTA dilaksanakan sepenuhnya.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, persaingan yang akan dihadapi oleh Proton akan menjadi lebih sengit apabila sektor *automotive* negara dimasukkan sepenuhnya ke dalam AFTA.

Setakat ini, Proton telah merangka, atau mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) mencari rakan usaha sama yang strategik dengan syarikat pengeluar yang lain untuk meningkatkan daya saing dan keupayaan menembusi pasaran luar yang *competitive*;
- (ii) meningkatkan lagi penggunaan automasi di mana lebih banyak robot digunakan dalam proses pengeluaran supaya mencapai pengeluaran berskala ekonomi;

- (iii) membangun dan mereka bentuk sendiri produk bagi model baru seperti melakukan perubahan kosmetik, reka bentuk dalaman dan luaran;
- (iv) memenuhi keperluan piawaian antarabangsa, terutama dari segi keluaran asap, kesan hentakan dan kitar semula untuk menembusi pasaran eksport;
- (v) menggunakan kos pengeluaran komponen melalui peningkatan kecekapan, pelaksanaan sistem pengeluaran *modular*;
- (vi) menubuhkan unit khusus untuk memantau pembaikan mutu dan kualiti kenderaan keluarannya;
- (vii) mewujudkan perkhidmatan pengguna yang lebih luas untuk mendapatkan maklum balas dari pengguna kereta nasional; dan
- (viii) sentiasa melaksanakan aktiviti latihan dan peningkatan kemahiran di kalangan pekerja untuk mengurangkan kecacatan pengeluaran atau dengan izin, *production defects*.

Tuan Yang di-Pertua, mulai 1 Januari 2003, kerajaan tidak lagi mengawal harga di atas jalan kenderaan yang dijual di dalam pasaran tempatan. Di samping itu, Malaysia juga mempunyai komitmen untuk mengurangkan duti import berkuat kuasa 1 Januari 2005 ke atas kenderaan lengkap dipasang (CBU) dan kenderaan belum dipasang (CKD) ke paras 20% di bawah AFTA. Seterusnya kadar duti import akan diturunkan ke paras 0% hingga 5% mulai 1 Januari 2008.

Memandangkan harga OTR tidak lagi dikawal dan penurunan duti import kepada 20% mulai 1 Januari 2005, maka terpulanglah kepada syarikat pengeluar termasuk Proton untuk menentukan harga OTR yang berpatutan, untuk berjaya bersaing dalam pasaran tempatan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Negara kita mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dan ini merupakan satu kejayaan besar negara iaitu mengeluarkan kereta Proton. Saya sebutkan tarikh kemerdekaan bukan

sesuka hati kerana saya nampak potret Tunku Abdul Rahman, tarikh silap lagi. Negara kita bukan merdeka pada tahun 1959, minta betulkan balik potret dekat lobi Parlimen.

Soalannya sekarang, saya sedar jawapan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, mengatakan terpulang kepada pengeluar kereta yang menentukan harga pasaran. Masalahnya sekarang, negara kita telah menangguhkan pelaksanaan atau pengurangan pemansuhan cukai duti import ke atas kereta dan juga kita menggunakan cara, iaitu mengenakan duti eksais sebagai cara untuk menstabilkan harga kereta.

Soalannya sekarang, kita sedar bahawa negara Thailand sering membuat protes terhadap perkara ini. Adakah benar Malaysia ini terpaksa membayar satu pampasan dalam bentuk yang lain, bukan dalam tunai iaitu membenarkan pengimportan alat-alat ganti *spare parts* daripada Thailand sebagai satu cara kita memberi satu pampasan dan sebagainya. Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri melihat harga kereta yang semakin turun, kalau negara lain mereka sedang mengurangkan harga kereta itu dan persaingan ini tetap kepada kereta Proton kita, yang mana kita sukar untuk menurunkan harga kereta tersebut.

Saya mintalah satu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk melihat impak ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar Malaysia membayar *compensation* kepada Thailand. Isu kemasukan industri *automotive* Malaysia dalam CEPT di bawah AFTA adalah dipersetujui untuk ditangguhkan sehingga 1 Januari 2005, dan isu-isu berbangkit di antara Malaysia dengan Thailand telah diselesaikan melalui perundingan bilateral di antara Malaysia dengan Thailand.

Seperti mana yang telah saya nyatakan tadi, harga kereta adalah ditentukan oleh syarikat ataupun pengusaha yang menjual kereta. Untuk panduan, dari segi CKD, akan diturunkan duti import daripada 25% kepada 20%, iaitu pengurangan sebanyak 5% bagi kereta penumpang. Dari segi CBU, pengurangan adalah daripada 70% import duti kereta yang c.c.nya 1,800 dan bagi c.c yang 3,000 daripada 190 ini akan dikurangkan kepada 20% tetapi dari segi harga OTR akan ditetapkan oleh pengusaha.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan, tadi Yang Berhormat menerangkan bahawa pihak Proton akan berusaha sedaya upaya untuk kita menurunkan harga kereta supaya bersaing dengan kereta-kereta jenama lain yang akan memasuki negara kita ini.

Tetapi saya ingin mengatakan, adakah Yang Berhormat sedar bahawa Proton sendiri tidak bersedia kerana dahulunya mereka ada usaha sama ataupun berkongsi dengan pihak Mitsubishi daripada Jepun, tetapi hari ini pihak Mitsubishi telah meninggalkan Proton dan Proton masih mencari rakan baru untuk berusaha sama dalam bidang kereta motor ini.

Apakah Proton tidak boleh berjalan dengan sendiri ataupun Proton masih memerlukan usaha sama dengan syarikat-syarikat besar yang lain, mungkin untuk menghadapi pasaran. Tetapi hari ini saya minta Yang Berhormat berterus terang, adakah Yang Berhormat sedar bahawa Proton sendiri menghadapi masalah dalaman bersama dengan EON untuk memasarkan kereta nasional ini.

Ini adalah penting kerana kita jangan memberi dalih dan sebagainya kerana benda ini ternyata dan terbukti, kalau kita sesama kita sendiri bertelagah bagaimanakah kita hendak menghadapi AFTA? Ini persoalan pokok Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, tentang isu usaha sama ini, ini dari segi *reality* industri kereta antarabangsa seperti mana yang telah saya nyatakan sekarang ada lima syarikat utama. Saya ingin menyentuh sedikit Tuan Yang di-Pertua untuk makluman, pihak Proton sedang mengadakan rundingan dan mereka telah pun menandatangani perjanjian kerahsiaan (*secrecy agreement*), di mana kedua-dua belah pihak tidak boleh mengeluarkan fakta tersebut untuk maklumat sasaran.

Berdasarkan kepada rundingan tersebut setelah lapan kali perbincangan diadakan, kita jangka pada akhir tahun ini usaha ini akan dapat menghasilkan perjanjian di antara dua belah pihak. Dari segi Proton keperluannya berbeza dengan syarikat pengeluar kereta di Thailand. Proton melihat daripada beberapa aspek dari segi usaha sama tersebut, ke arah pertama untuk mewujudkan produk secara bersama *joint product development* dari segi *market sharing*, dari segi mengadakan

sourcing untuk komponen yang sama, kemudian dari segi sistem yang sama dari segi *lighting*, brek, *engine* dan sebagainya serta *supplier component*.

Ini adalah untuk mewujudkan *efficiency* dari segi pengeluaran kereta Proton. Sebagaimana yang saya telah katakan kos adalah faktor yang amat penting untuk menentukan *competitiveness* sesebuah syarikat pengeluar. Dari segi hubungan Proton dan EON dari segi jualan, saya telah sentuh bahawa mereka telah mengadakan perjanjian pada awal tahun ini. Oleh kerana Yang Berhormat membangkitkan isu ini, saya akan panggil Proton untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut sekiranya benar-benar wujud masalah tersebut, kita akan memberi arahan kepada Proton untuk menyelesaikan masalah tersebut. Terima kasih.

7. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah kes bunuh setiap negeri dan kawasan Parlimen Bukit Mertajam bagi tahun 2000, 2001, 2002 dan 2004, dan
- (b) di antara jumlah kes bunuh tersebut, berapakah kes bunuh dengan senjata api dan berapakah suspek telah didakwa di mahkamah.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Chia Kwang Chye]:

Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes bunuh di setiap negeri bagi tahun 2000, 2001, 2002 dan 2004 iaitu dari Januari hingga bulan Ogos ini adalah dalam jadual yang berikut, tetapi saya akan membacakan cuma jumlah pada keseluruhannya dan jumlah bagi negeri Pulau Pinang dan untuk kawasan Parlimen Bukit Mertajam.

Tuan Yang di-Pertua,

Tahun	Kes Bunuh	Pulau Pinang	Bukit Mertajam
2000	551	24	4
2001	608	31	6
2002	517	47	6
Januari – Ogos 2004	382	37	11

Tuan Yang di-Pertua, dari jumlah 258 kes yang tersebut iaitu untuk tahun 2000 hingga bulan Ogos tahun ini, sebanyak 148 kes adalah melibatkan senjata api dan terdapat 1,180 kes di mana pendakwaan telah dilakukan di mahkamah. Sekian, terima kasih.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Menteri. Dahulu kita melihat bahawa orang biasa yang diancam oleh jenayah, sekarang pun *top police officer* telah diancam oleh penjenayah ataupun along. Jadi melihatkan masalah keselamatan kepada sayalah, dan juga ramai rakyat merasa telah bertambah rumit dan daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, melihatkan di Pulau Pinang khasnya di Bukit Mertajam, jumlah kes bunuh bertambah tinggi setiap tahun dan pada tahun ini baru beberapa bulan sudah sampai 11 kes.

Jadi, saya ingin tahu lebih *detail* lagi, kes-kes ini di Bukit Mertajam berapa yang telah dihadapkan ke mahkamah dan juga saya ingin mendapat tahu kemajuan kes-kes ini kerana saya diberitahu oleh keluarga-keluarga mangsa kes pembunuhan ini, mereka kurang yakin kepada pihak polis, dan mereka mengatakan bahawa ada kes sampai hari ini tangkapan belum dibuat, walaupun mereka telah mengenal pasti siapa yang terlibat.

Jadi, saya harap bolehkah pihak polis lebih meyakinkan pihak keluarga bahawa mereka sedang menjalankan tugas mereka, kalau tidak Ahli Parlimen pun sangat sibuk

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: ... mesti meyakinkan mereka bahawa sistem polis ini masih boleh dipercayai, jadi bolehkah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua soalan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Yang Berhormat yang juga datang dari Pulau Pinang memberi butiran-butiran yang lebih *detail* lagi. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, anggapan dan teguran Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam itu adalah memang tidak

Puan Chong Eng: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, beri dia menjawab ya.

Tuan Chia Kwang Chye: berasas dan tidak adil. Ini adalah kerana anggapan memang menjadi anggapan dan sama ada ini adalah dari segi laporan surat khabar ataupun dari cerita-cerita ataupun daripada pengalaman dan sebagainya.

Tetapi kita akhirnya akan berasaskan kepada statistik ataupun indeks jenayah seperti yang telah saya bacakan tadi, dan nampaknya, saya tidak menafikan bahawa *trend* memang lebih kurang sama jika berbanding dengan tahun yang lalu, tetapi yang mustahak sekali ialah kadar penyelesaian atau dakwaan atau kadar yang didakwa di mahkamah adalah tinggi kalau dibandingkan dengan negara lain, jika berbanding dengan peringkat taraf Interpol di mana mereka ingin mengadakan satu tahap 20% sebagai peratusan penyelesaian adalah satu tahap yang memuaskan, tetapi di negara Malaysia, penyelesaian untuk kes-kes jenayah sebenarnya adalah tinggi dan hampir sampai 50% dan untuk kes yang tertentu seperti kes bunuh, pada keseluruhannya untuk tahun 2003, penyelesaian atau dari segi kes yang didakwa untuk kes bunuh seramai 565 kes ini adalah 64.96% - kes yang didakwa di mahkamah. Untuk tahun ini peratusannya ialah 49.2% bagi kes yang didakwa, khas untuk Bukit Mertajam seperti yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam ialah, jumlah kes untuk tahun ini ialah 11 kes dan yang bersenjata ialah satu, tetapi untuk kes yang didakwa di mahkamah cuma satu kes setakat ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat Pagi, Salam Sejahtera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Membunuh adalah jenayah yang paling jahat dan hukuman membunuh ialah dibunuh. Kita ucap tahniah dan terima kasih kepada pasukan keselamatan. Peratus penyelesaian ataupun pendakwaan kes bunuh di mahkamah begitu tinggi iaitu menandakan kecekapan polis kita.

Cuma satu yang saya hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua, sebab membunuh ini kenapa? Malaysia negara makmur, makan cukup, pakai cukup, tempat tinggal cukup, apakah membunuh di Malaysia ini kerana sakit hati, cemburu, putus asa, pembunuh upahan, itu ada kategorinya. Dan satu yang saya pelik di Bukit Mertajam nampaknya kes bunuh ini meningkat tahun demi tahun. Apakah kerana orang di Bukit Mertajam sakit jiwa kerana wakil rakyatnya DAP? *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak, tak, *no, no*, tolong kajilah, ini bertanya, cuma bertanya, apakah kerana kawasan itu diwakili oleh parti pembangkang ramai orang agaknya sakit jiwa, maka itu kes bunuh di Bukit Mertajam meningkat. Jadi, agaknya kalau hendak turun indeks jenayah ubah kepada Barisan Nasional, agak sayalah, ini pertanyaan Tuan Yang di-Pertua, jangan hendak marahlah, DAP ini, saya bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apakah kerana orangnya sakit jiwa.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Mertajam diamlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak ada sebab orang hendak bunuh orang, tidak ada sebab, kalau tidak ada sebab-sebab tertentu. Saya hendak bertanyalah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, jadi, apakah itu agaknya ya. Jadi, merbahaya parti pembangkang ini, boleh menyebabkan orang sakit jiwa dan kes bunuh boleh meningkat, agak sayalah. *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat telah merasa pedas, itulah nampaknya ada satu *respond* ya. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, memang ada banyak sebab di mana kes bunuh ini dilakukan, tetapi kalau kita ikut statistik tahun yang lalu iaitu tahun 2003, daripada 565 kes sejumlahnya 262 kes belum pasti lagi iaitu adalah lebih kurang 40 kes lebih yang belum pasti, tetapi ada 185 kes adalah kesan daripada pertengkaran, yang 49% adalah kena mengena dengan kes samun dan nampaknya 31 kes adalah balas dendam dan cemburu – 13 kes dari jumlah 565 ini adalah beberapa sebab.

Tempat kejadian kes bunuh ini banyak terjadi di dalam bangunan dan dari jumlah kes yang berlaku di tahun yang lalu ialah 218 kes adalah di dalam bangunan dan 229 kes adalah di tempat bebas dan awam, inilah dari segi penyelesaian pihak polis kita mendapat maklumat seperti ini. Sekian, terima kasih.

[Soalan Nombor 8 – Y.B. Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] – tidak hadir]

9. **Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan adakah kerajaan merancang mengadakan langkah-langkah untuk menggalakkan perindustrian 'downstream' di negeri Sabah khususnya di bahagian Pantai Timur untuk memesatkan sektor perusahaan perladangan dan komoditi.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya mempunyai rancangan menggalakkan perindustrian *downstream commodity* di Sabah.

Langkah-langkah yang telah diambil termasuk:-

- (a) Pemberian insentif;
- (b) Program R&D dan pengkomersialisasian hasil R&D; dan
- (c) Program promosi untuk industri melabur dalam pelbagai perusahaan berasaskan komoditi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini insentif berbentuk taraf perintis iaitu pengecualian cukai 100% atau elaun cukai pelaburan 100% untuk 10 tahun diberikan kepada syarikat yang beroperasi di Sabah yang mengeluarkan produk bernilai tambah seperti *partical board, medium density fiber board, plywood, pulp and paper* yang dihasilkan daripada penggunaan *biomass* kelapa sawit.

Selain daripada itu, galakan tambahan juga diberikan bagi pelaburan semula untuk industri berasaskan sumber. Syarikat yang dimiliki oleh rakyat Malaysia sekurang-kurangnya 51% yang menambah pelaburan dalam industri berasaskan sumber seperti keluaran berasaskan kayu, kelapa sawit dan getah layak untuk mendapatkan galakan pelaburan semula selama lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pemberian insentif, program R&D dan pengkomersialisasian hasil R&D sentiasa dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah kementerian saya. Ia adalah bertujuan untuk memperkenalkan produk berasaskan komoditi yang baru dan teknologi yang terkini bagi menggalakkan para industri dan usahawan untuk melabur dalam perindustrian hiliran berasaskan komoditi. Agensi-agensi berkenaan juga mengadakan program promosi untuk industri melabur dalam pelbagai perusahaan berasaskan komoditi.

Kegiatan-kegiatan promosi seperti seminar, bengkel kerja, pameran, penerbitan dan sebagainya telah diadakan di merata tempat termasuk Sabah. Aktiviti-aktiviti promosi itu dijalankan dengan tujuan menarik pihak industri dan usahawan melabur dalam perindustrian hiliran yang berasaskan ekonomi. Sekian.

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan.

Sekarang di Sabah tanaman utama iaitu *prime crops* adalah kelapa sawit dan dalam tahun 70-an apabila harga kelapa sawit turun, kebanyakan ladang-ladang ini telah ditukar (*convert*) ke ladang-ladang koko dan apabila harga koko turun dalam awal tahun 90-an pokok-pokok koko ini ditumbangkan lagi dan ditanam dengan kelapa sawit, jadi apabila *circle* seperti ini berulang, dan kita mengalami kerugian dalam *lost year*, ertinya, sewaktu kita tumbangkan kita tanam ini mengambil tiga atau empat tahun untuk tanaman ini baru mendapat hasil.

Jadi, kalau *circle* sebegini berulang-ulang, kita akan mengalami banyak kerugian dari segi tanaman. Jadi, soalan saya adalah, adakah kerajaan mempunyai dasar untuk menggalakkan usahawan-usahawan untuk mendirikan industri *downstream* untuk sesuatu tanaman semasa harganya masih memuaskan untuk tujuan *sustainability*, *dengan izin*, walaupun harganya turun. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, kita tumpukan kepada pasaran untuk menentukan harga sesuatu komoditi yang dipasarkan buat masa sekarang, kerana kita tidak dapat menguasai sepenuhnya pasaran sedunia dan oleh sebab itu, maka itulah sesuatu yang kita tidak dapat mengelakkan.

Walau bagaimanapun, dari segi apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, iaitu dari segi dasarnya, pihak kerajaan ataupun kementerian memang terus menggalakkan apabila harga sesuatu komoditi itu adalah lumayan, baik, maka kita menggalakkan industri hiliran yang wujud di mana-mana tempat di mana ada tanaman yang banyak, seperti di negeri Sabah seumpamanya sawit adalah satu tanaman yang besar dan oleh sebab itu, maka dalam jawapan asal saya, kita telah cuba menggalakkan pihak industri iaitu terutamanya syarikat-syarikat yang besar, yang melabur dalam bidang sawit di Sabah ini, untuk cuba mendirikan kilang-kilang yang berkenaan untuk memproses sawit itu supaya industri hiliran di Sabah itu boleh maju ke hadapan.

Itulah memang satu dasar bagi kita, kerana kalau kita ikut tempat di mana tanaman atau komoditi itu dikeluarkan, adalah munasabah, apabila pihak industri mewujudkan kilang-kilang atau tempat di mana tanaman itu adalah terbesar. Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang di ambil seperti insentif, R&D, pengkomersialan R&D dan juga promosi yang diambil oleh kementerian untuk menggalakkan '*downstream*' di Pantai Timur Sabah, terutama di negeri Sabah untuk komoditi seperti kelapa sawit, setakat ini cantik pada atas kertas tetapi pada realitinya masih banyak syarikat besar kelapa sawit contohnya ini, tidak mengusahakan '*downstream*' di negeri asal estet-estet mereka di Sabah umpamanya. Saya melihat bahawa kementerian harus lebih agresif dalam usaha ini sama ada dalam bentuk undang-undang, syarat-syarat lesen dan sebagainya jika usaha kementerian untuk menentukan pengusaha-pengusaha ini melakukan '*downstream*' di tempat di mana perusahaan itu dijalankan dan jika setakat ini insentif itu tidak dapat menggalakkan pengusaha untuk mendirikan '*downstream*' di tempat perusahaannya, maka saya rasakan kementerian harus lebih agresif dalam usaha insentif yang diberi. Adakah kementerian sependapat dengan ini dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi halangan-halangan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha ini.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat, mengenai kita menggunakan syarat-syarat lesen dan sebagai untuk memastikan sesuatu syarikat itu mewujudkan industri hiliran komoditi ini, buat masa sekarang kita belum ada cadangan seperti inilah tetapi kita akan memantau situasi yang sebenarnya dan untuk makluman Yang Berhormat buat masa sekarang sudah banyak perbincangan antara pihak syarikat besar dengan pihak kerajaan negeri untuk mendapatkan pelaburan yang lebih dari segi kebenaran untuk mendirikan jeti dan juga kilang di Sandakan dan juga Lahat Datu.

Inilah salah satu usaha yang kita dapat membantu pihak kerajaan negeri tetapi saya ingin sebut di sinilah pihak kerajaan negeri pun kenalah proaktif sikit dari segi untuk menggalak memberikan galakan kepada pihak syarikat-syarikat yang berkenaan seperti membenarkan jeti dibuat di Sandakan. Saya difahamkan buat masa sekarang di Sandakan ini mereka yang hendak mendirikan dan hendak bina satu jeti supaya lebih senang untuk mengeluarkan minyak daripada kilang-kilang di sana atau *mill* di sana dan juga *refinery* di sana tetapi tidak dapat keizinan daripada pihak kerajaan negeri dan buat masa sekarang rundingan masih dijalankan. Itulah salah satu halangan yang Yang Berhormat sebut itu memang kita perhatikan, memang kita

cuba menolong pihak-pihak pengusaha supaya halangan ini boleh dihapuskan dan dilicinkan. Sekian.

10. **Datuk Haji Mohd Said bin Yusof [Jasin]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan dijalankan oleh Kementerian bagi meningkatkan lagi pemilikan rumah kedai untuk bumiputera di bandar-bandar.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Mohamed Khaled bin Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan agensi-agensi di bawahnya iaitu MARA, UDA Holdings Berhad dan Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri diberi tanggungjawab untuk menyediakan premis-premis perniagaan termasuk rumah kedai kepada usahawan-usahawan bumiputera. Setakat 30 Jun 2004, kementerian dan agensi-agensinya telah menyediakan sebanyak 12,404 unit ruang niaga iaitu lot-lot di kompleks perniagaan, rumah kedai, Arked, bazar dan juga gerai.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 4,994 unit ruang niaga adalah premis perniagaan di bawah MARA, yang mana MARA tidak menjual premis-premis perniagaan itu bagi mengekalkan pemilikan bumiputera. Manakala UDA dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri membina rumah-rumah kedai untuk dijual atau disewa dengan keutamaan diberikan kepada bumiputera. Bagi menggalakkan pembelian dan pemilikan rumah-rumah kedai tersebut oleh bumiputera, UDA dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri menawarkan potongan harga kepada pembeli bumiputera. Kementerian sedar bahawa pemilikan rumah kedai oleh bumiputera di bandar-bandar adalah kecil. Bagi meningkat pemilikan rumah kedai oleh bumiputera, kementerian ini akan mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) Pertama memohon peruntukan yang lebih besar di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi membolehkan agensi-agensi kementerian membina lebih banyak rumah kedai di bandar-bandar untuk dijual kepada bumiputera;
- (ii) Kedua, Jabatan Pembangunan Koperasi akan diminta menggalakkan koperasi-koperasi milik bumiputera untuk melabur dalam hartanah dengan membeli rumah-rumah kedai di bandar-bandar;

- (iii) Ketiga, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad akan diminta untuk menyediakan dan meluaskan lagi kemudahan pembiayaan pembelian rumah kedai kepada bumiputera; dan
- (iv) Keempat, Kerajaan-kerajaan negeri dan pihak-pihak berkuasa tempatan akan diminta bagi memastikan kuota bumiputera bagi penjualan rumah-rumah kedai yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta dapat dipenuhi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Menteri, tahniah menang [*Ketawa*]. Soalan tambahan saya, ini berkenaan dengan - memang kita tahu bahawa agensi-agensi di bawah kementerian telah bina banyak tetapi kita masih tidak puas hati lagi kerana pewujudan gerai-gerai ini, saya kira sudah sampai masa dan ketika dia, kita tidak main lagi kecil-kecil Yang Berhormat, sudah sampai dan ketikanya orang Melayu bumiputera ini mesti kedai besar-besar, ini MARA masih buat gerai yang laga punggung ini Yang Berhormat.

Seorang Ahli: [*Marah*].

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: 12 kaki, 14 kaki. Sekarang kita sudah timbul ramai di antara peniaga-peniaga di kalangan bumiputera, kita hendak kedai besar-besar kata orang Melaka. Sebagai contoh macam dekat Melaka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, soalan dia Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, ini gerai besar Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apalah, kerajaan boleh buat ke tidak yang besar.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [*Ketawa*]. Oleh yang demikian kita berharap, saya berharap supaya kementerian ini mula buat yang besar-besar. Kerajaan boleh buat tidak boleh buat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Yang utamanya saya ucapkan terima kasih kerana tahniah diberikan. Saya juga ucapkan tahniah kerana dapat 'Datuk' baru-baru ini. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat kerana pada mulanya dahulu apabila kita membina gerai dan sebagainya tujuannya ialah untuk menggalak dan menentukan supaya usahawan-usahawan bumiputera ini berjinak membiasakan diri

dan juga membudayakan nilai-nilai keusahawanan iaitu menggalakkan mereka untuk membiasakan diri mereka dan membudayakan diri mereka untuk mereka menjadi seorang usahawan, itu dahulu. Sekarang ini matlamat kita ialah hendak menentukan supaya usahawan bumiputera yang meniaga, mereka mempunyai daya tahan, daya saing dan juga daya maju dan untuk tentukan supaya nilai-nilai tersebut dapat ditanam di kalangan usahawan bumiputera, maka kita bersetuju untuk tentukan adanya daya tahan, daya saing dan daya maju antaranya premisnya hendaklah yang boleh menentukan keadaan itu diwujudkan, jadi memang Yang Berhormat terima kasih di atas cadangan tersebut.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita akan menyokong rancangan kementerian untuk meminta duit banyak peruntukkan untuk tujuan ini, adakan lebih banyak kedai untuk bumiputera dan sebagainya. Soalan saya ialah bagaimanakah kementerian mengkoordinasi program-program yang sedemikian rupa yang dijalankan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Kerajaan-kerajaan negeri juga mempunyai agensi-agensi seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi dan sebagainya itu soal pertama.

Yang kedua, saya ingin tahu bagaimana khusus bagi negeri Sabah berapa banyakkah sudah kedai-kedai yang telah dibina oleh MARA sebagai contoh dan yang telah diberi kepada bumiputera dan dari segi Rancangan Malaysia Kesembilan ini, berapa banyakkah lagi pintu-pintu kedai yang akan dibina di negeri Sabah untuk bumiputera? Terima kasih.

Dato' Mohamed Khaled bin Nordin: Terima kasih Yang Berhormat. Memang ada penyelarasan khususnya yang paling penting ialah dari segi dasar, dan dasar ini dari segi penyelarasannya ialah supaya setiap kerajaan negeri memahami dan juga menjayakan serta melaksanakannya. Dalam soal pembinaan ruang-ruang niaga di negeri-negeri memang sebahagian daripadanya adalah peruntukan yang datangnya daripada - yang dibuat oleh kerajaan pusat melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan termasuklah negeri Sabah kita akan merancang dan cuba melaksanakan lebih banyak sebagaimana yang dimohon oleh pihak negeri sendiri melalui Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sabah itu sendiri. Manakala untuk belanjawan tahun hadapan, kita sebenarnya di peringkat kementerian hanya diperuntukkan sebanyak RM6 juta bagi tujuan untuk membeli ruang niaga dan

kita telah buat keputusan iaitu kerana jumlahnya hanya sebanyak RM6 juta, maka sebahagian besarnya akan kita belanjakan untuk membeli ruang niaga di Kuala Lumpur dan tidak di negeri-negeri. Mungkin untuk Rancangan Malaysia Kesembilan kita akan membantu untuk menggalakkan negeri-negeri untuk membina ataupun membeli ruang niaga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Masa soal jawab telah habis.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2005

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang undang-undang Perbekalan 2005 dan Anggaran Pembangunan 2005 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." ***[Hari Ketujuh]***

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Maksud B.24 [Jadual] -

Maksud P.24 [Anggaran Pembangunan 2005] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.24 dan kepala Pembangunan P.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Timbalan Menteri diminta jawab. Kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang bercakap pun tidak ramai, jadi jawab yang berkaitan sahajalah.

11.13 pagi.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Isu kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong mengenai dengan bangunan MATRADE. Ini telah disentuh dengan panjang lebar oleh Kementerian Kerja Raya. Hanya sedikit sahaja maklumat yang ingin saya berikan. Pertama, berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman yang menyatakan bahawa MATRADE tidak mahu berpindah ke bangunan tersebut.

Tuan Pengerusi, dari segi apa yang berlaku pihak MITI telah membuat keputusan supaya pengurusan bangunan ini sepenuhnya dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kerja Raya. tidak timbul isu yang MATRADE tidak berpindah ke situ. Apa yang kita buat adalah kita maklumkan kepada pihak Kementerian Kerja Raya. Setelah siap bangunan itu sepenuhnya barulah bangunan itu diserahkan kepada MATRADE untuk MATRADE menjadikan bangunan tersebut sebagai ibu pejabat MATRADE. Ini kerana sebelum ini sebahagian daripada kewangan untuk pembinaan bangunan tersebut datang daripada MITI dan ini dipindahkan kepada kementerian untuk bayaran bangunan tersebut. Oleh kerana wujud keperluan untuk menambahkan kos bagi menyiapkan bangunan tersebut maka adalah lebih efisien lagi jika Kementerian Kerja Raya yang menguruskannya daripada melalui MITI dan kemudian untuk bangunan tersebut.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga menyentuh tentang bangunan tersebut dalam konteks perancangan MITI untuk mengadakan pejabat secara *cluster* melibatkan MITI, MATRADE dan juga MIDA. Memang benar perancangan tersebut wujud, tanah seluas 30.6 ekar telah pun diluluskan oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan untuk kompleks tersebut yang meliputi MITI - 15.2 ekar, MATRADE - 10.2 ekar, MAIDA - 5.1 ekar.

Dari segi pelaksanaan projek tersebut di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk pembangunan bangunan MATRADE. Untuk tujuan pembiayaan bangunan MITI dan juga MIDA, peruntukan belum diadakan. Sehingga ini belum ada keputusan mengenai dengan peruntukan kewangan untuk bangunan tersebut. Untuk makluman.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Untuk makluman buat masa ini MITI masih lagi menggunakan bangunan kompleks kerajaan di Jalan Duta di mana saya nyatakan MATRADE menyewa di *Sime Darby* dan MIDA telah pun menyewa bangunan di KL Sentral.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya hairan jugalah tentang peruntukan pada mulanya RM192 juta dan sekarang kita perlukan lebih lagi RM64 juta sehingga RM286 juta yang kemungkinan cukup atau tidak cukup saya tidak tahu. Walau bagaimanapun, projek ini yang bermula 11 tahun yang lepas, di mana Rancangan Malaysia Kelapan waktu itu. Macam mana kita dapat wang daripada Rancangan Malaysia Kelapan walhal projek ini bermula pada tahun 1993. Itulah, masih kita kawatir pihak kementerian tidak begitu mengambil perhatian terhadap perkara ini ataupun tidak begitu serius mengenai perkara ini.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya minta maaf Tuan Pengerusi. Peruntukan diluluskan pada tahun 1993 di bawah Rancangan Malaysia Keenam, bukan Kelapan. Terima kasih banyak kerana membuat pembetulan tersebut. Jadi isu mengenai MATRADE sudah habis Yang Berhormat ya.

Sekarang saya berpindah kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor yang menyentuh selain daripada MATRADE yang telah.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Habiskan isu itu. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa MITI sudah buat keputusan dan perkembangan yang terakhir ialah pembinaan MATRADE diserahkan kepada JKR sehingga ia disempurnakan. Ini perkembangan selepas 11 tahun. Apa ertinya dengan pendirian yang terakhir ini. Bukankah ini menunjukkan bahawa adalah kesilapan-kesilapan yang begitu besar dengan kos yang begitu tinggi. Adakah MITI tahu apa sebab utama kenapa boleh berlaku skandal yang begitu mengenai MATRADE ini?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, pengurusan pembinaan Bangunan MATRADE tidak pernah berada di bawah tanggungjawab MITI. Ia di bawah pihak JKR, ini semua orang maklum. Keputusan yang dibuat oleh MITI adalah dari segi kewangan untuk pembangunan tersebut. Oleh kerana keperluan untuk mengadakan peruntukan lebih daripada RM60 juta berdasarkan kepada kajian

oleh pihak konsultan berapakah jumlah yang diperlukan, MITI berpendapat bahawa cara yang lebih efisien dalam pelaksanaan tersebut supaya semua sekali termasuk kewangan itu biarlah diurus oleh pihak Kementerian Kerja Raya. Itu sahaja, bukan dari segi pengurusan bangunan tersebut. Mengenai dengan bangunan tersebut.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan sekali lagi. Pada mulanya projek ini di bawah MITI setahu saya. Selepas ada beberapa kesilapan yang melalui syarikat-syarikat Trans Resources Corporation, Usaha Anggun dan sekarang Roto AMS Bumi Teknologi dan sebagainya. Selepas melalui beberapa syarikat, kemudian apabila mencapai satu jalan kebuntuan maka pihak MITI serahkan kepada JKR.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tidak, tidak betul.

Dr. Tan Seng Giaw: Pada mulanya daripada MITI juga yang mengendalikannya. Saya pun bingunglah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, bagi Timbalan Menteri jawab.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Bingung Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Bingung, memang bingung.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tidak perlu bingung. *[Ketawa]* Bangunan itu diurus, perjanjian semua diurus oleh pihak Kementerian Kerja Raya. MITI bukannya satu organisasi yang melaksanakan pembangunan projek-projek kerajaan, itu dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kerja Raya. Itu jelas dari segi pengurusan bangunan tersebut. Yang saya nyatakan tadi ialah kewangan. Kewangan diluluskan kepada MITI dan kewangan itu digunakan untuk membiayai. Dalam konteks pengurusan sepenuhnya diserahkan kepada JKR itu hanya melibatkan hal kewangan tersebut, kerana JKR perlu melantik konsultan dan akan memaklumkan kepada MITI berapakah jumlah kewangan yang diperlukan.

Jadi proses itu pergi melalui dua pihak, jadi adalah lebih mudah bagi pihak JKR melalui Kementerian Kerja Raya untuk mengendalikan keseluruhannya dan mohon terus kepada Kementerian Kewangan bagi sumber kewangan tersebut. Itu sahaja, dan setelah siap bangunan tersebut barulah dimaklumkan kepada MATRADE dan MATRADE akan menduduki bangunan tersebut.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya ingat cukup Yang Berhormat. Tidak ada isu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Hanya Yang Berhormat sahaja yang tidak sedar.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Mikrofon lambat berfungsi*] ... sekarang ini sebab pihak JKR setelah diserahkan, dia kata hendak siapkan pada bulan Julai ini tetapi nampaknya wang pun belum dapat lagi dan dianggarkan 18 bulan lagi baru boleh siap. Ini bermakna 13 tahunlah kita boleh siap itu. Tetapi bolehkah Yang Berhormat tolongkan JKR dapatkan wang daripada Perbendaharaan, kerana Perbendaharaan ini memang susah hendak keluarkan wang sekarang ini, lokeklah tu, masalah ya. Tolong sedikit beri tahu kepada Perbendaharaan supaya mengeluarkan RM68 juta

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia bukan lokek Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: untuk memperbaiki Bangunan MATRADE ini supaya dapatlah kita menonjolkan satu imej yang baik, bukan 13 tahun dalam kebuntuan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, saya ingat tidak ada apa lagi yang saya ingin sentuh mengenai bangunan tersebut. Perkara ini telah berlaku, apa yang kita boleh buat? Jadi apa yang penting sekarang ialah untuk menyiapkan bangunan tersebut dan bila bangunan tersebut siap, kukuh dan boleh didiami, itu yang amat penting sekarang dan kita serahkan kepada pihak Kementerian Kerja Raya di bawah JKR dan sudah tentu pihak MITI akan meminta kepada Kementerian Kewangan untuk mempercepatkan proses kelulusan kewangan tersebut.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timur menyentuh tentang dua perkara selain daripada soal MATRADE ini, iaitu yang pertama, mengenai dengan *cost of doing business*. Saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat memerlukan kajian komparatif mengenai *cost of doing business*, dengan izin, di Malaysia dan beberapa negara, pada peringkat ini saya masih belum terima maklumat tersebut. Saya ingat maklumat itu penting tetapi saya belum menerima maklumat tersebut.

Tetapi secara makronya, saya boleh menggunakan pendekatan yang dibuat oleh *World Competitiveness Year Book 2004*, dengan izin, yang meletakkan

keseluruhan *competitiveness* kita pada kedudukan ke-16. Ini mengatasi banyak negara-negara maju termasuk Jerman, Jepun, United Kingdom, Korea Selatan dan sebagainya. Antara faktor yang diambil kira dalam penyediaan laporan tersebut adalah *cost of doing business*.

Saya ada membuat sedikit kajian tentang daya saing dan kelebihan negara kita dengan negara terdekat, iaitu Thailand dan juga China, dan sudah tentu tiap-tiap negara ini mempunyai *competitive edge* dalam bidang-bidang tertentu tetapi dari segi kelebihan negara kita dengan negara tersebut, untuk makluman Dewan, apakah kelebihan kita berbanding dengan Thailand? Dari segi kos, terutama dari segi cukai korporat, kita adalah lebih rendah, iaitu 28 peratus berbanding dengan Thailand sebanyak 30 peratus; kadar tarif gas kita lebih rendah, iaitu RM12.87 berbanding dengan Thailand RM18; kadar produktiviti kita adalah lebih tinggi iaitu USD15,000 berbanding dengan Thailand USD13,000; kadar tarif komunikasi yang rendah, kadar tarif elektrik yang rendah serta galakan cukai yang menarik dan kita tahu kita berhadapan dengan dunia yang cukup kompetitif.

Kerajaan dari masa ke semasa membuat penyesuaian tentang insentif yang kita berikan terutama dari segi status *pioneer*, kalau dulu kita beri untuk 10 tahun, ditambah kepada 15 tahun; elau cukai pelaburan juga ditambah. Semua ini adalah untuk menarik minat atau mengurangkan kos perniagaan di China. Berbanding dengan China pula, kadar cukai korporat kita adalah 28 peratus, China – 33 peratus, *reholding tax* iaitu *tax* yang perlu dilakukan oleh pekerja luar (*expatriate*), di luar kadarnya antara 10 hingga 15 peratus, China – 20 peratus; kadar produktiviti kita lebih tinggi iaitu 2.7 kali ganda lebih tinggi; galakan cukai kita juga lebih banyak.

Dari segi beberapa input-input kos, saya boleh nyatakan dari segi kadar cukai, hanya Singapura sahaja yang lebih baik daripada kita, berbanding dengan negara-negara lain, kita adalah lebih baik lagi.

Kemudian Yang Berhormat bagi Ipoh Timur ..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya hairan Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa dia tidak ada maklumat mengenai satu kajian yang dibuat oleh Bank Dunia yang baru-baru ini ada membuat satu kajian yang saya pun ada sebutkan di dalam

ucapan perbahasan Bajet saya, saya kira tidak perlulah kita membuat perbandingan dengan China oleh kerana *no-fight*. *No-fight* oleh kerana faktor-faktor yang lain di mana China sudah menjadi *magnet* untuk FDI apabila dibandingkan dengan Malaysia yang mana sudah menurun.

Tetapi dengan Thailand, negara jiran yang begitu kompetitif semacam dalam *Survey World Bank "Cost of Doing Business"* mengenai *Registering a Property* yang, dengan izin, *involves four procedures in a total of 143 days* untuk Malaysia *against* dua hari di Thailand, *mengenai Enforcing Contract – Malaysian Procedures No.31 then takes a total of 300 days at a cost of 20 percent of the debt* dan untuk Thailand 26 hari sahaja dan 13 peratus *of the debt*, bukankah ini perlu satu kajian yang lebih mendalam oleh kerana masalahnya ialah *competition* dari Thailand dan bukan masalah *competition* dari China yang mana saya kata itu *no-fight*.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, seperti mana saya nyatakan tadi, tiap-tiap negara ada kelebihan-kelebihannya tersendiri dan kita dengan Thailand, kita ada kelebihan dan Thailand ada kelebihan dalam bidang-bidang tertentu. Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi adalah dari segi kos yang berbentuk *intangibles*, bukan berbentuk *monetary*.

Seperti mana kita maklum bahawa dari segi kerajaan kita telah pun lebih awal lagi mengetahui bahawa *delivery system* kita perlu lebih efisien lagi dan ini telah ditekankan oleh Perdana Menteri, dan di dalam Jawatankuasa Kabinet mengenai dengan *competitiveness*, perkara ini dibangkitkan. Arahan telah diberi kepada semua kementerian dan agensi supaya sektor ini – sektor *delivery system* ini dipertingkatkan.

Dari segi MITI di bawah MIDA, kita telah pun melancarkan satu projek yang unik, saya sebut unik di sini kerana tidak banyak tempat yang melaksanakan program tersebut, iaitu *hand-holding programme* di mana apabila pelabur datang ke MITI bukan sahaja kelulusan kita beri dalam tempoh yang singkat iaitu tujuh hari tetapi kita ada pegawai yang akan di *assign* untuk menjaga tiap-tiap permohonan pelabur tersebut untuk memastikan semua bentuk kelulusan dari segi tanah, *building plan*, semua sekali itu dapat dilaksanakan dengan cekap dan kita dapati bahawa inilah antara faktor yang pelabur luar suka kepada negara kita.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timur menyentuh tentang FDI, saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat menyatakan bahawa di negara kita, aliran masuk FDI ke negara kita merosot. Saya ingin memberi gambaran terlebih

dahulu mengenai dengan kedudukan FDI supaya kita jelas dapat lihat apakah yang berlaku dan apa kaitannya dengan negara kita. Dari segi aliran FDI sebenarnya telah merosot. Saya ambil contoh, pada tahun 2000, pengaliran FDI global adalah sebanyak USD1.3 trillion.

Ini telah menurun sebanyak 60%, menjadi hanya 40% daripada USD1.3 trillion sekarang ini kepada global FDI yang mengalir pada tahun 2003 adalah RM559.6 bilion. Ini kita harus lihat dan atas pengetahuan kita dengan penyusutan nilai FDI yang mengalir di dunia ini, kita tahu macam manakah kedudukan kita dari segi untuk mendapatkan FDI.

Yang kedua, kita tidak boleh lari daripada hakikat bahawa China merupakan negara yang menarik banyak FDI. Contoh pada tahun 2001 – USD46.8 bilion, 2002 – USD52.7 bilion dan 2003 – USD53.5 bilion, satu kemerosotan tinggal sebanyak 40%.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Yang ketiga, China, dan seperti mana kata Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, kita tidak boleh bandingkan dengan China. China ada kekuatan. Pertama, China telah pun menjadi ahli kepada WTO. Maksudnya dahulu kalau China sebagai sebuah negara yang tidak mempunyai sistem yang konkrit dari segi pembangunan ekonomi dan industri, sekarang ini bila ia duduk di bawah WTO, ia perlu mematuhi kepada peraturan-peraturan yang ditentukan oleh WTO dari segi dagangan dan pelaburan. Ini bermakna bahawa dari segi undang-undang dan peraturan di China lebih *compatible* lagi dari segi keperluan dunia.

Kemudian, yang keduanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada banyak lagi?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Sedikit, sedikit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah lebih daripada 20 minit pagi ini.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Okey, saya ada sedikit sahaja. Saya ingat ada lagi tiga hingga lima minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlulah, Yang Berhormat. Satu minitlah.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Okey, satu atau dua minit lagi.

Yang kedua, kita tahu bahawa pasaran China adalah besar, lebih kurang 1.2 bilion manusia dan oleh kerana liberalisasi ekonomi dilaksanakan oleh China, maka China menjadi sebuah negara ekonomi pasaran dan ramai orang menjadi pengusaha dan kaya.

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Puchong.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Nanti sekejap. Dalam suasana itu, kita masih lagi menarik kedatangan FDI dengan banyak sehingga bulan Ogos, RM10.8 bilion telah diluluskan. Ini dalam sektor perkilangan. Dalam sektor perkilangan sahaja, RM10.8 bilion. Ini tidak termasuk RM6.5 bilion yang sedang diproses. Jikalau ini diambil masuk sekali, sudah mencapai tahap RM17.1 bilion. Maknanya jumlah ini ada perbandingan dengan tempoh yang sama pada tahun sudah adalah lebih kurang sama.

Tetapi kerajaan tidak berpuas hati, malah telah melakukan banyak penyesuaian dari segi insentif untuk menarik pelabur masuk ke negara kita dari segi taraf perintis, program *pre-package*, meliberalisasikan ekuiti dalam sektor perkilangan, meliberalisasikan dasar *expatriate*, kecekapan sistem pinjaman seperti mana saya katakan tadi dan lebih agresif dalam melaksanakan program-program perdagangan dan pelaburan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya minta maaf, Tuan Pengerusi tidak beri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM272,027,900 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM272,027,900 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM85,699,200 untuk Maksud P.24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM85,699,200 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2005.

**Maksud B.25 [Jadual] –
Maksud P.25 [Anggaran Pembangunan 2005] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.25 dan Kepala Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

11.35 pagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak, sekejap. Butiran 030100 – Penguat kuasa; 030200 – Hal Ehwal Pengguna dan 030300 – Tribunal Tuntutan Pengguna.

Tuan Pengerusi, kita melihat pada hari ini di mana saya memintalah kalau boleh kementerian bertindak lebih tegas sedikit berhubung dengan masalah yang dihadapi oleh kita pada hari ini, khususnya umat Islam di mana terdapat beberapa pengusaha pusat penyembelihan di negara ini yang telah diberi lesen oleh kerajaan untuk menyembelih ataupun memotong binatang-binatang halal, tetapi malangnya pusat penyembelihan ini telah dicampuradukkan dengan binatang-binatang yang tidak

halal, dan ini telah mengakibatkan bahawa reputasi kementerian dan kerajaan itu sendiri dipersoalkan, kerana sejauh mana penguatkuasaan dilaksanakan oleh kementerian ini sehingga perkara ini boleh berleluasa.

Saya hairan, seharusnya penguat kuasa kalau boleh dalam setiap satu minggu atau sebulan sekali membuat penyiasatan dan juga pemeriksaan. Tetapi perkara ini sudah berlarutan sehingga bertahun lamanya baru dapat diketahui oleh penguat kuasa ataupun ini akibat daripada laporan orang ramai. Kalau tidak, bermakna penguat kuasa kita langsung tidak menjalankan tugas-tugas mereka untuk memantau pusat-pusat penyembelihan seumpama ini sebab ini perkara sensitif.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, saya sebenarnya pun hendak bercakap tentang mauduk ataupun perkara yang sama.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu boleh cakap nantilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak payahlah, Yang Berhormat bagi Kinabatangan sudah cakap, tidak payah saya mengulang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, peluang tidak perlu diberikan kepada Yang Berhormat nantilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...kerana jawapan akan diberikan oleh Menteri. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan, sementara saya punya hasrat hendak bercakap tentang perkara ini. Sekarang ini orang sudah tidak hendak makan bayam, Tuan Pengerusi, orang di Kuala Lumpur. Orang di Kuala Lumpur sudah menggelar ini sebagai babi campur ayam, jadi "bayam". *[Ketawa]* Dan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan ini sebenarnya ialah perkara yang menjadi kerunsingan dan kemarahan.

Tidak ada orang di Malaysia ini yang tidak tahu babi itu haram bagi orang Islam, tidak ada! Semua orang tahu. Orang Cina faham bahawa orang Melayu tidak makan babi. *[Disampuk]* Sentuh babi pun tidak boleh, semua orang tahu. Ini perbuatan sengaja. Perbuatan yang sebenarnya boleh mencetuskan huru-hara negara ini, Tuan Pengerusi. Jadi, perbuatan ini perbuatan dan pengkhianatan yang mesti dibanteras dengan sekeras-kerasnya oleh kementerian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalnya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalan saya kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan, apa tindakan kementerian yang setegas-tegasnya untuk membendung perkara ini? Harap Yang Berhormat bagi Kinabatangan memberi jawapan walaupun anda bukan menteri. *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih rakan saya. Ya, saya baru hendak meminta supaya kementerian lebih peka dan lebih prihatin melihat persoalan ini sebab ianya melibatkan orang ramai di negara kita. Justeru itu, terima kasih rakan saya, Yang Berhormat bagi Sri Gading sebab menyuarakan persoalan yang sama supaya kementerian menjalankan kewajipan yang diberikan kepada mereka. Ini kita sudah tahu kementerian sibuk dengan VCD haram, VCD lucah dan sebagainya, tetapi kesibukan itu tidak semestinya menggagalkan tugas penguatkuasaan itu memantau di keseluruhan pusat-pusat penyembelihan di seluruh negara, dan kalau boleh pengusaha-pengusaha pusat penyembelihan ini diberi kepada mereka yang memahami akan keadaan dalam negara kita, bahawa pusat penyembelihan ini kalau boleh jangan didekatkan atau dikumpulkan sekali. Ia mungkin diasingkan dengan jaraknya satu kilometer dan sebagainya supaya perkara ini tidak berlaku lagi pada masa akan datang.

Soal masyarakat tidak lagi makan bayam, itu saya kurang pasti, tetapi dari segi saintifik saya terbaca sayur bayam ini kalau dimakan, ia boleh menghilangkan sakit pening kepala. *[Disampuk]* Jadi, persoalan begini, saya rasa Tuan Pengerusi, ini isu besar dan perlu kita tangani bersama. Saya minta supaya, wakil kementerian, Timbalan Menteri ada...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mana dia?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kalau boleh, perkara ini diselesaikan dan kita hendak tahu juga sejauh mana tahap penyalahgunaan pusat penyembelihan ini sehingga pada hari ini, apakah pusat penyembelihan yang telah dikenal pasti telah ditutup ataupun masih dibenarkan beroperasi.

Sebab ini mengelirukan khususnya mereka yang berada dalam bandar yang berurusan dengan masalah-masalah seumpama ini. Kita hendak tahu tahap mana sehingga kementerian ini dapat menyelesaikan persoalan yang dihadapi ini. Kalau masih belum selesai, apa masalahnya? Sebab kementerian kena bertanggungjawab, Timbalan Menteri pun kena bertanggungjawab dalam soal ini untuk memastikan tidak ada pusat-pusat yang menyeleweng daripada menggunakan pusat penyembelihan ini,

untuk menyembelih semua bentuk binatang dan ada juga ayam walaupun tidak di campur tetapi dia bukan dipotong secara halal, secara Islam tetapi ditikam, dicucuk dan tidak disembelih. Ini pun berlaku, seharusnya dalam dunia pada hari ini kita semua masyarakat Malaysia sudah faham dan maklum tentang persoalan ini.

Seharusnya pengusaha tidak mengambil keuntungan cara begini, masih banyak jalan lagi, masih banyak cara yang digunakan untuk mengaut keuntungan, tidak perlu menipu masyarakat. Jadi, kementerian nampaknya seolah-olah tidak berfungsi langsung dalam menangani masalah ini. Ini mungkin satu pusat atau dua pusat yang dikesan, yang tidak dikesan bagaimana? Macam di Jeraikah, contohnya, kita tidak tahu. Takkan Yang Berhormat bagi Jerai hendak melihat dan memantau satu-satu. Yang hendak dilihat sewaktu membuat lawatan, dia nampak beres semua, tetapi keluar sahaja orang yang membuat lawatan saya bimbang mungkin penguat kuasa ini disogok. Bererti terdapat unsur-unsur rasuah.

Jadi, kalau ini berlaku kementerian kena membuat laporan polis, siapa pegawai yang telah pernah melawat kilang-kilang ini, kenapa laporannya semua beres.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ayoo! beri peluang Tuan Pengerusi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini baru satu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah habis.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Oh!. Jadi, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya meminta kementerian memberi penjelasan dan menyelesaikan masalah ini secara tegas.

Tuan Pengerusi, satu lagi, yang terakhirlah, ini berhubung dengan masalah hampir sama iaitu penggunaan barang-barang label 'halal', sedangkan barang dari Thailand ini kita tidak ada apa-apa, apa lagi memantau kilang-kilang di Thailand begitu jauh, kilang di depan rumah pun tidak dipantau, bagaimana produk dari Thailand boleh dilabel 'halal' tulisan jawi lagi. Ini saya tengok terlampau memalukan, mintalah kementerian prihatinlah sedikit dengan masalah ini. Ini melibatkan orang Islam makan makanan yang haram, apabila nampak di *supermarket* label 'halal' kita pun beli tetapi realitinya barang ini di campur aduk bukan lagi halal.

Jadi, saya tidak tahu dan saya tidak faham kenapa boleh berlaku dalam zaman moden seumpama ini. Tuan Pengerusi, seharusnya perkara ini tidak lagi berlaku, kita semua mempunyai peranan masing-masing ke arah memastikan bahawa

makanan-makanan yang masuk ke negara kita kalau terlebih dahulu termasuk dagingnya dipotong dari mana-mana, dari Indiakah, dari Australiakah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Masa ada lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: I say man, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Masa ada lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Habis, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Pengerusi, saya mintalah kementerian lebih prihatin dalam soal ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, ini soal orang Islam tentang 'halal' dan 'haram'.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

11.44 pagi.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh dan menarik perhatian Ahli Dewan berhubung dengan Perdagangan Dalam Negeri iaitu Butiran 020000 dan juga Konsumerisme, 030000 iaitu dalam usaha kita untuk mengawal selia perdagangan barang-barang kawalan bagi memastikan harga berpatutan dan bekalan sentiasa mencukupi serta melindungi inovasi-inovasi melalui pendaftaran juga mewujudkan peningkatan dan kesedaran kepenggunaan.

Tuan Pengerusi, dalam konteks ini saya ingin menarik perhatian berhubung semacam dengan satu pesta kenaikan harga terutamanya barang-barang makanan sekarang ini. Ini adalah ekoran dengan kenaikan minyak ataupun bahan bakar 5 sen seliter pada 1 Oktober 2004 baru-baru ini, tetapi lintah darat-lintah darat yang mencari

keuntungan atas derita orang lain berlaku secara berleluasa, seolah-olah mereka beroperasi berdasarkan kepada kehilangan etika dan tiada lagi rukun niaga yang baru-baru ini diwar-warkan untuk dilaksanakan di kalangan para peniaga kita.

Saya ingin menarik perhatian sesungguhnya kenaikan harga bahan bakar ini saya kira tidak ada kena mengena dengan kenaikan harga kelapa, harga telur, barangkali telur dan kelapa itu dipunggah melalui lori. Di sini saya hendak mengajak sedikit Ahli Dewan untuk memikirkan secara matematik. Kalau sekiranya sebuah lori satu tan digunakan mengangkut barang daripada ladang atau telur khususnya ke pasar katakan Pasar Pudu, dia menggunakan kira-kira 100 liter minyak. 100 liter dari segi harganya 5 sen seliter ertinya cuma RM5 tetapi harga telur yang dibawa itu pula dinaikkan oleh peniaga-peniaga itu kira-kira 3 sen sebiji. Katakanlah sebuah lori satu tan boleh membawa 5,000 biji telur, kenaikan harga telur itu ialah kira-kira RM150 sedangkan kos bahan bakar minyak petrol itu hanya RM5 sahaja.

Itu kalau sekiranya lori satu tan, kalau lima tan, maka boleh kita kira berapakah laba dan keuntungan dan inilah yang dikatakan lintah darat menahan lukah di pergentingan kerana tidak berapa lama lagi [*Ketawa*] kita akan menyambut Ramadan, hari 'Deepavali', 'Hari Raya Puasa', 'Krismas', orang ramai memerlukan bahan ini dan lukah ditahan di pergentingan.

Satu perkara juga yang amat menggusarkan kita sekarang ini ialah harga daging di Pasar Johor Bahru dikhabarkan dinaikkan kira-kira RM2.50 sekilo daripada harga biasa RM15.50, ha! sekali lagi kita buat kira-kira ilmu matematik. Kalau sekiranya lori satu tan boleh membawa 500 kilogram daging, kenaikan harga daging dengan kos minyak yang memunggah dengan menggunakan lori itu cuma RM5 sahaja, kalau sekiranya mereka menggunakan 100 liter minyak maka keuntungan yang diperolehi ialah RM1,250 sedangkan kos bahan bakar cuma RM5 sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mungkin harga tayar juga dinaikkan Yang Berhormat tidak tahu.

Dato' Razali bin Ismail: Ya, kita tidak membicarakan soal tayar, dia tidak menaikkan harga tayar, yang dinaikkan harga minyak sahaja. Barangkali tayar pun akan dinaikkan tidak berapa lama lagi.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail: Tuan Pengerusi, maka di sini kita harus memikirkan terutamanya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna harus memikirkan strategi-strategi untuk mengawalinya, kalau tidak lintah-lintah ini terus bermaharajalela dan mungkin akan mencetuskan satu keadaan inflasi yang berleluasa, yang boleh mendatangkan musibah yang besar kepada pembangunan ekonomi negara kerana kerajaan cukup bersimpati dengan memberi subsidi-subsidi dan dengan mengecualikan cukai minyak yang menelan perbelanjaan kira-kira RM10.7 bilion setahun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Razali bin Ismail: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai, silakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Dari segi 'ROI' Yang Berhormat *[Ketawa]* *return on investment* dari segi perladangan, pengangkutan, apakah Yang Berhormat fikirkan dari segi kenaikan harga-harga minyak bahan bakar ini? Ini pada pandangan saya.

Dato' Razali bin Ismail: Lama tidak menyebut 'ROI' *return on investment* ini *[Ketawa]* tetapi terima kasih kerana ingatan di atas perkara itu. Tuan Pengerusi, ini pun satu perkara juga iaitu sekarang ini mereka cuba hendak mencari keuntungan yang melampau-lampau dengan perbelanjaan kecil, yang hendak dicarinya laba yang terlajak. Memang keuntungan boleh dibuat ya, bila setiap *investment* diberi, dia hendak keuntungan tetapi jangan pula mengambil keuntungan itu di atas derita orang lain. Maka dia perlu beradab, sebab itu awal-awal tadi saya menyebut bahawa setakat manakah penguatkuasaan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berhubung dengan rukun niaga.

Sekarang ini sepatutnya dipantau betul-betul berhubung dengan harga barang-barang di pasaran, pegawai-pegawai dari kementerian, saya rasa perlu turun ke gelanggang untuk melihatnya. Malah boleh kita mencadangkan satu akta harga untuk benar-benar mengawal harga di pasaran. Yang ada sekarang ini, cuma tanda harga tetapi untuk mengawal harga, saya kira mungkin boleh digubal satu akta harga. Bagaimana pun, kuasa pengguna masih asa. Dalam konteks ini, saya juga berharap supaya kementerian ini meniru ataupun *benchmark* apa yang berlaku di negara-negara maju termasuk di UK, dengan izin, di England, di mana persatuan pengguna diberi

satu peruntukan yang khas, yang besar untuk memastikan anak-anak dan seluruh warga di negara tersebut faham tentang tugas masing-masing.

Demikian juga saya perhatikan di Singapura, mengeluarkan peruntukan SGD.0.25 *per head* kepada rakyatnya untuk benar-benar dididik, diasuh tentang tanggungjawab kepenggunaan, maka di sini saya mengesyorkan dan mencadangkan beberapa strategi harus diambil dengan segera untuk mengawal kenaikan harga dan semacam satu pesta kenaikan harga yang sedang berlaku sekarang.

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai.

11.51 pg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bercakap dalam bahasa Cina] [Ketawa]* Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa Yang Berhormat sebut?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sekejaplah, sabarlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan, tadi saya

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bercakap dalam bahasa Cina].*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, takkan dia faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak. Dia kata, "Haiya".
[Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan dari segi Kepala Butiran 030000 - di bawah Penguatkuasaan dan 030100. Tuan Pengerusi, kita bersimpati kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Pertamanya saya minta pihak JPA menambahkan pegawai-pegawai penguat kuasa. Sekarang ini kita banyak, dalam Dewan yang mulia ini kita lulus rang undang-undang, Tuan Pengerusi, kita luluskan segala-galanya akta itu dan akta ini, pengawalan itu dan ini, kuasa itu dan ini, tetapi apabila pegawai penguatkuasaan (*enforcement officer*) tidak kuat, maka ia tidak akan berjaya. Kita tidak boleh *impose* sesuatu undang-undang yang kita luluskan ini kalau pegawainya tidak mencukupi.

Saya dapat lihat pegawai-pegawai ini, kita kena bersimpati juga kepada mereka, kadang-kadang keadaan keselamatan mereka sendiri tidak terjamin. Cara tengok dalam TV, kalau tidak silap saya ntv7, apabila pegawai ini, seorang wanita diserbu oleh tauke kedai yang menjual VCD yang haram ini, yang ditiru ini. Saya ucap syabas kepada pegawai ini, dia berani berhadapan dengan situasi yang sedemikian rupa. Oleh yang demikian, kalau kita hendakkan perkara ini berjalan dengan baik, pengawalan elok, segala yang kita perlukan tadi, macam Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu kata tadi, kita hendak mengawal harga tetapi kita juga kena bersimpati dengan pihak kementerian, dengan pegawai-pegawai penguatkuasaan itu mesti mencukupi, begitu jugalah dengan kementerian-kementerian lain.

Jadi, saya mencadangkan kepada kementerian, terutamanya JPA dan sebagainya supaya meluluskan pengambilan pegawai-pegawai penguasaan, diberi latihan dan juga keselamatan mereka ini terjamin. Kerana membuat sesuatu tindakan ke atas sindiket-sindiket yang berbahaya ini, Tuan Pengerusi, ia akan membahayakan seseorang pegawai kerajaan itu. Jadi, kita kena beri latihan yang mencukupi kepada mereka. Kadang-kadang kita lihat, terpaksa polis bantu mereka. Kita tengok baru ini, seorang pegawai JPJ dilanggar lari oleh lori dan sebagainya, ini adalah kerana berkhidmat untuk negara tetapi keselamatan mereka ini tidak terjamin. Jadi, ini harus dipertingkatkan, kerana banyak yang perlu dilakukan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Dahulu kita tidak ada kementerian ini, sekarang ini bila kita ada dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu iaitu kita kena mengkaji dari segi kenaikan harga-harga barang. Contohnya, kalau kita hendak naikkan harga barang, katalah susu, contohnya, seluruh yang melibatkan diri dalam perindustrian susu ini mesti duduk berbincang dengan pihak kementerian. Pastikan sama ada ia perlu atau tidak perlu benda itu dinaikkan. Macam tadi, dari segi *return on investment* (ROI) iaitu Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, dia mengatakan bahawa jangan jadi lintah darat dan sebagainya. Memang saya bersetuju. Kadang-kadang tidak ada kena mengena, tepung walaupun pengangkutan lori itu terlibat dengan roti canai. Roti canai, kuih nipis, harga kuih naik dan kos minyak hanya 5 sen.

Jadi, Tuan Pengerusi, bila harga barang naik, yang susah ini rakyat. Kita pun susah. Pegawai kerajaan susah, orang kampung susah, semuanya susah. Dan kita

faham kerajaan pun susah kerana dok beri subsidi, minyak yang begitu banyak kepada negara kita ini. Tetapi sebenarnya, adakah keperluan kenaikan barang itu perlu dinaikkan dengan kos peningkatan minyak yang agak sedikit, yang lainnya disubsidikan oleh kerajaan. Jadi, ini harus kita ambil kira dan dengan adanya kekuatan pegawai penguat kuasa (*enforcement officer*) ini, maka mereka dapat bertindak untuk mengkaji dan mengawal supaya harga-harga barang ini tidak naik.

Tidak ada ertinya, Tuan Pengerusi, kita membangun tetapi kos hidup kita meningkat, kalau pun gaji kita naik tetapi kos rumah sewa naik, kos itu dan ini naik, maka ia sama sahaja. Kalau tidak naik pun tidak apa. Tetapi hari ini disebabkan oleh kenaikan harga minyak, maka pengguna-pengguna ataupun syarikat-syarikat pengeluaran dan sebagainya pun terpaksa menaikkan harga. Saya bersetuju macam telur ayam, ayam bukan makan minyak, ayam makan jagung. Tidak begitu Yang Berhormat bagi Sri Gading, dia tidak makan minyak,

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Betul.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tetapi kos pengangkutan sahaja. Begitu juga buah nyiur, kelapa. Pokok kelapa, ia tidak payah bubuh minyak di akar, kalau bubuh minyak mampus pokok itu, tetapi harga nyiur naik harga. Jadi, yang ini tidak logik dari segi pemikiran kita. Jadi, saya harap pihak pembangkang, Yang Berhormat bagi Pasir Mas pun kena bercakap. Yang Berhormat ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas kena bercakap kerana kita hendak beri sedikit kekuasaan kepada kementerian supaya mempertingkatkan penguatkuasaan.

Saya bersetuju Yang Berhormat tentang tadi, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Tahniahlah Yang Berhormat bagi Kinabatangan dapat JP, sebab itu hari ini dia *slow* Tuan Pengerusi, kalau tidak dapat mengamuk lagilah. *[Ketawa]* Dia *slow*, dia pun masuk, *approach* cukup elok, tertib.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: *[Berdiri di tempat Parit Sulung]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Parit Sulung, minta penjelasankah? Oh! Bukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak ada berkaitan dengan butiran yang kita bangkitkan sekarang. JP tidak JP tidak ada kaitan dengan butiran kita.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sebagai kawan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau kawan boleh bincang luar. [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yakah. Ini pun kalau tidak beritahu, dia angin juga besok. Ini angin kuat, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sangkaan jahat, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Lagi satu, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan halal dan tidak halal ini. Saya memang bersetuju. Sebenarnya sekarang ini antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan JAKIM – hal ehwal agama ini. JAKIM ya. Jadi, depa dua ini yang mana satu. JAKIM bawa keluar *certificate*, hak yang hendak jaga kementerian. Jadi, dia celarulah. Jadi, kalau JAKIM bertanggungjawab, JAKIM juga bertanggungjawab untuk membuat *enforcement*.

Ini pegawai dari kementerian, dia kata, dia tunjuk lesen sudah cukup. Tetapi dari masa ke semasa siapa yang hendak buat pemantauan. Jadi, yang ini kena kita pakat sama-sama, ini semua jabatan kerajaan, di bawah kementerian, pakat duduk semeja, kita pakat macam mana kita hendak mengatasi masalah ini. Kerana ini, Tuan Pengerusi, hari ini kita eksport barang halal kita ini ke luar negara, hantar ke negara-negara Islam dan bukan Islam dan telah pun diterima oleh negara-negara ini sebagai satu – bila barang ini dari Malaysia, bila kita cap 'halal', dieksport kepada negara-negara lain – Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ketereh

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Ketereh, sila.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai, terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya yang bercakap mengenai harga naik ini sudah banyak kita dengar. Timbalan Perdana Menteri bercakap, Setiausaha Parlimen semalam pun bercakap, Timbalan Menteri bercakap, kita bercakap. Hari ini akan keluar lagi dalam surat khabar, kita marah harga naik. Tetapi yang kita kehendaki ialah sebenarnya tindakan (*action*). Saya ingat dahulu masa kita kena

inflasi yang teruk, kita tengok hari-hari pihak penguat kuasa buat tangkapan. Hari-hari pihak penguat kuasa buat program anti sorok, tangkap sana, tangkap sini, denda sana, denda sini. Selagi perkara ini tidak berlaku, selagi itulah peniaga ini akan naik.

Hari ini lada di Kota Kinabalu naik sampai RM10 sekilo. Laba yang cukup teruk, kerana lada pun naik. Yang Berhormat bagi Jerai adakah bersetuju dengan saya, bahawa kita bercakap, bercakap juga, tetapi tindakan segera dan pantas perlu diambil. Tidak payah tunggu masa lagi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulunglah ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Aik! Gulung terus pula sudah, tidak apalah. Itulah Yang Berhormat daripada Ketereh seperti mana yang saya katakan tadi, kita kena memahami juga keupayaan kementerian ini, *enforcement* dia kurang, bersetuju atau tidak Timbalan Menteri? Bersetuju atau tidak? *[Sambil memandang ke arah Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen]*

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Krai bangun.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Sebelum Yang Berhormat Jerai ini gulung ini, sebab dia pandai gulung. Tuan Pengerusi, saya suka menyarankan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tidak beri izin, pasal saya kena gulung pula?

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih, terima kasih Jerai, dia hendak gulung dengan elok-elok ini. Saya suka mencadangkan supaya *enforcement* yang ada di tiap-tiap jajahan ini, boleh digabungkan dengan jawatankuasa yang diwujudkan, jawatankuasa yang ada di jajahan masing-masing itu supaya berjalan dan mengambil tahu harga ataupun mengawal harga barang-barang yang naik ini. Kalau tidak digabung ini mungkin pegawai seperti Jerai sebut tadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: tidak cukup, bersetuju atau tidak Jerai supaya benda ini berlaku?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab masa cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, ya, saya hendak gulung dah, sekejap lagi Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya ada sedikit lagi Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri akan menjawab sekejap lagi ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, sebelum saya gulung dan tutup, saya sekali lagi minta dari pihak JAKIM dari segi halal ini kita kena jaga standard kita, jangan negara-negara yang mengimport barang kita ini was-was. Apabila was-was bermaknanya barang kita sudah tidak boleh *penetrate* dalam pemasaran antarabangsa terutama sekali di negara-negara Islam, ini penting. Bermaknanya pihak kementerian dan pihak Hal Ehwal Islam, JAKIM atau manakah kena bertindak secukupnya, pegawai secukupnya dan pihak kementerian memonitorkan keadaan supaya ia akan menjadi satu barangan eksport yang dihormati. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah, cukuplah. Ayer Hitam.

12.02 tgh.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh perkara di bawah Butiran 03000 - Konsumerisma. Kita melihat di Malaysia ini penguatkuasaan oleh kementerian ini memang kerap kali dijalankan. Sebagai satu bangsa yang bertamadun, kita menghormati hak cipta ataupun *intellectual property* tetapi satu persoalan yang sering ditimbulkan oleh masyarakat umum sekarang adalah, adakah *fee* yang dikutip oleh PPM dan MACP itu memadai.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya PPM adalah satu badan yang telah diberi kuasa oleh syarikat-syarikat rakaman untuk mengutip wang ataupun *fee* mengenai hak cipta, *copyright* daripada semua golongan khususnya mereka yang berniaga. Tetapi persoalannya sekarang kalau orang ini pergi ke tempat-tempat yang menggunakan muzik ataupun siaran radio, ataupun TV, rakaman, nyanyian dan sebagainya sebagai satu cara untuk menarik pelanggan saya rasa kita tidak ada syak wasangka bahawa orang ini kena membayar. Tetapi masalah sekarang berleluasa kita dengar di masyarakat kita, kedai kopi, turut kena membayar. Apakah ini berpatutan?

Kedua, kedai gunting rambut pun kena, mereka yang jual perkakas ataupun barangan elektrik di kedai-kedai pun kena bayar. Saya kkuatir perkara ini akan sampai ke kampung-kampung. Saya hendak beritahu kepada pihak kementerian walaupun kementerian ini telah pun ditubuhkan belasan tahun tetapi ingat bukan bermaksud bahawa kita telah menandatangani satu perjanjian antarabangsa selepas itu mendapat mandat daripada Parlimen untuk menjalankan penguatkuasaan bermakna kita sudah sempurna. Negara jiran kita, mereka ada *Exclusion List*, ada pengecualian, tidak semua barangan perkhidmatannya yang perlu kita bayar. Saya mengambil contoh, kalau kedai kopi kena bayar, mereka pekedai ini tidak dikenakan tambahan sepuluh sen atau lima sen pun ke atas setiap cawan yang dijual. Misalan kalau semua peniaga kedai kopi di Malaysia kena bayar, saya rasa itu adalah satu perkara yang memang saya tidak boleh maafkan. Sekarang pihak PPM mengatakan bahawa, Oh! Kamu boleh meminta pengecualian. Kita yang berkuasa, kementerian pun tidak boleh buat apa-apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, berucap sama siapa?

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Kepada Kementerian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sinilah!

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Minta maaf, saya rasa ini adalah satu,Sebab Menteri tidak ada, tidak ada orang yang hendak cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat kepada *Speaker*.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih, terima kasih. Ya, Tuan Pengerusi, saya akan teruskan, saya pandang Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Sebenarnya kita lihat, kalau kita mengutip *fee* ini yang tidak berpatutan persoalannya saya minta kementerian ini mengkaji semula, perlukah kita buat satu pindaan undang-undang, kuasa yang telah kita berikan kepada MACP dan PPM itu di tarik balik. Kalau tidak, kita hanya menghadkan mereka mengutip benda-benda yang berunsur perniagaan atau bersifat komersial sahaja.

Saya mengambil contoh, upacara pengkebumian orang-orang Cina, mereka akan mengundang satu pasukan pancaragam untuk memainkan muzik-muzik yang pilu. Apabila mereka mainkan lagu pilu itu, adakah mereka kena bayar, orang yang mati itu kena bayar *fee*? Kalau ikut tafsiran itu, itu kena bayar juga. Jadi saya mintalah

kementerian kaji betul-betul jangan bagi satu jawapan yang standard, oh, kita sudah beri kuasa dan kita memang menghormati harta intelek dan sebagainya. Itu masa untuk kita mencari satu penyelesaian dan kita tidak hendaklah rintihan rakyat ini bahawa kerajaan ini melindungi PPM dengan MACP sahaja. Yang kita dapat sokongan padu daripada rakyat jelata, jangan kita menganiaya kepada rakyat jelata.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bentong, Bentong bangun.

Tuan Liow Tiong Lai: Saya hendak minta penjelasan ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya yang hendak bangkitkan perkara ini, hendak minta penjelasan kerana semasa Pemuda MCA kita bertemu dengan Menteri pada masa itu, telah berjanji kepada kita bahawa kita akan mengkaji semula akta ini agar kita dapat mengawal PPM dan MACP dari segi *collection*. Bahkan juga akan mengkaji semula harga ataupun *fee* yang perlu *dicollect*, yang perlu dikutip. Pada masa itu bahawa *fee* pada masa itu memang kita rasa tinggi dan perlu dikaji semula. Apa pandangan Yang Berhormat?

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya rasa pandangan bekas Menteri Kementerian ini memang betul dan kita perlu mengkaji dan kita kena menurunkan harga-harga sebenar. Kalau kita lihat *fee* yang kita dikutip sekarang daripada RM600 sampai RM3,000 dan itu memang tidak munasabah.

Satu lagi perkara mereka sering menggunakan nama penguatkuasaan. Kalau tidak penguat kuasa akan rampas semua perkakas dan juga mereka gunakan kononnya RTM ini juga perlu membayar walaupun ianya merupakan suatu badan di bawah kerajaan. Saya rasa ini adalah satu masalah yang perlu kita atasi dan kita kena meminda undang-undang, kalau tidak *fee* yang dibayar oleh mana-mana peniaga itu tidak dianggap munasabah dan ia tidak sepatutnya berlaku.

Tuan Pengerusi, ini mengenai masalah pendaftaran perniagaan sebelum Perang Dunia Kedua, orang menggunakan nama Lee Ah Kau sebagai pendaftaran dalam perniagaan dan pada hari ini mungkin mereka mempunyai 10 buah kenderaan untuk mengangkut barang-barang, tetapi dasar yang ada pada kementerian sekarang yang mendaftar atas nama syarikat Lee Ah Kau boleh dipindah milik kepada anak mereka tetapi pendaftaran atas nama Lee Ah Kau yang juga bersifat syarikat tidak boleh dipinda. Saya mintalah kementerian mengkaji semula yang menggunakan bulat-bulat nama seseorang itu supaya ia dapat diturunkan atau pindah milik kepada anak-

anak atau cucu-cucu mereka. Ini adalah masalah yang berlaku 70 tahun yang lalu perlulah kita membetulkan masalah ini.

Seperkara lagi, apabila pendaftaran perniagaan seseorang itu tidak diperbaharui untuk satu tempoh satu tahun nama itu secara automatik akan dibatalkan, tidak boleh digunakan lagi dan rata-rata peniaga sekarang menghadapi satu masalah, sekiranya pendaftaran itu telah dibatalkan, apa juga kemudahan kredit yang ada pada bank itu mereka akan ditarik balik kerana terpaksa mendaftar atas nama yang lain. Saya minta kementerian untuk mengkaji satu mekanisme, kalau seseorang itu tersilap mungkin tukar alamat, tidak sampai surat itu, mungkin kita boleh bagi pertimbangan dalam 3 atau 4 tahun, selepas 4 tahun barulah kita membatalkan perniagaan, kalau tidak susah, ini berlaku dalam masyarakat kita sekarang.

Yang terakhir sekali saya ingin meminta kementerian mengkaji semula tatacara untuk menjual kereta. Sudah berpuluh ribu orang terkena sejak 1997. Mereka menjual kereta pada ejen menjual kereta tempatan, mereka ini tanda tangan secara kosong sahaja dan atas dokumen yang dibekalkan, selepas itu penjual kereta tempatan tidak menjelaskan sebarang hutang tertunggak dengan syarikat finance, akhir sekali oleh kerana mereka menganggap kedai ini melindungi pengguna mereka ini kata sebenarnya pengusaha kereta terpakai telah membayar, selepas 2 tahun mereka terima surat daripada bank yang mahukan mereka ini diambil tindakan untuk membayar balik supaya tidak menjadi bankrap.

Saya rasa ini adalah satu masalah yang kita perlu melindungi pembeli-pembeli kereta ini, dan perkara ini memang kerap kali berlaku dan kita minta satu pemantauan yang lebih rapi supaya mereka itu tidak teraniaya. Kalau ikut perjanjian sewa beli kereta, orang yang meminjam itu bertanggungjawab dan kesempatan ini digunakan oleh pengedar ataupun penjual kereta terpakai itu untuk menjadi satu *advantage* kepada mereka. Jadi, saya minta kementerian ini mengkaji satu mekanisme untuk memantau dan penguatkuasaan yang setimpal perlu diambil untuk mencegah perkara ini dari berlaku lagi. Sekian, terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rantau Panjang.

12.11 tgh.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap di bawah Butiran 010000 – Pengurusan dan Perancangan.

Pertamanya, saya ingin mengetahui kenapakah kerajaan tidak mengadakan kawalan harga barangan kepada peringkat pengeluar dan pemborong bagi memastikan paras harga sesuatu barangan itu tidak dinaikkan, kerana kita mengetahui sekarang ini kerajaan berusaha terus-menerus untuk mengawal harga di peringkat peruncit, tetapi di peringkat yang lebih mustahak ialah di peringkat pengeluar itu sendiri iaitu kilang-kilang.

Sebentar tadi kita mendengar sahabat-sahabat kita membangkitkan masalah penguatkuasaan di bawah Butiran 030100. Saya juga berasa hairan, apakah setakat ini kerajaan tidak cukup pegawai penguat kuasa ataupun pegawai penguat kuasa tidak menjalankan tugas dengan sempurna ataupun pegawai penguat kuasa tidak diberi kuasa yang berwawasan, kuasa yang lebih besar bagi mengatasi segala-gala yang berlaku di tanah air kita sekarang ini.

Saya juga ingin mengetahui bahawa ramai di kalangan masyarakat yang mengatakan penguat kuasa sekarang ini bekerja “hangat-hangat tahi ayam”. Waktu heboh dalam akhbar, TV dan radio, maka di situlah seluruh kekuatan penguat kuasa ini turun ke bawah. Bila akhbar dan TV tidak melaporkan, maka perkara ini senyap seolah-olah penguat kuasa tidak berjalan dengan 100% ataupun penuh *full swing*. Contohnya kita tengok, waktu membanteras VCD lucah dan VCD yang tidak asli. Dua bulan dan tiga bulan lepas, tengok di merata tempat ada pegawai penguat kuasa, tetapi sekarang ini kita lihat di merata tempat sudah ada VCD *copy* ataupun yang tidak asli serta VCD lucah.

Sekarang ini penguat kuasa sudah tumpu pula kepada kilang-kilang yang membuat *packing* ayam dan daging-daging, seperti mana yang berlaku, ayam dicampur dengan babi yang heboh baru-baru ini, maka semua turun ke tempat itu. Demikian juga ke tempat label-label “Halal” yang dikatakan “halal” tetapi “tidak halal”, juga turun ke tempat itu. Tetapi bagaimana pula dengan tempat-tempat penjual arak? Tidak dihebohkan seolah-olah arak ini tidak najis. Tadi sahabat kita sebut, semua orang mengetahui babi ini haram dimakan oleh orang Islam, najis dipegang, bagaimana dengan arak? Tidak seorang pun yang bangkitkan berkenaan dengan

arak. Apakah arak sudah jadi lumrah, tidak najis lagi, tidak haram lagi, tidak ada sesiapa pun menjawab. Merata-rata tempat dicampur, di kedai kopi sekarang pun ada. Tetapi di Kelantan, perkara ini dikawal, bukan diharam terus, bukan diharam terus untuk menjual arak, boleh, tetapi dikawal, tidak boleh dilihat oleh orang Islam. Hendak minum boleh, di tempat yang dikhususkan, dibuat di tempat yang tertutup. Tetapi kenapa ini tidak dibangkitkan? Saya harap pihak kementerian juga, jangan kita bertindak apabila dihebohkan. Kita lumrah, kita punya standard.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading, Sri Gading bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih. Arak ini memang haram, kena najis, diminum oleh orang Islam haram dan sebab itu kerajaan kita ada kawalan. Di Kelantan pun jual arak juga, apa masalahnya. Inilah Rantau Panjang, apa pun hendak menyindir kita. Arak tetap haram di sisi undang-undang Islam dan bagi orang Islam, itu disepakati oleh kita. Di negara kita ini, cubalah orang Islam minum arak kalau hendak tengok, dia akan didenda. Jadi, ini ada persamaan di Kuala Lumpur, di Kelantan, di Terengganu, sama sahaja.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, terima kasih. Sahabat kita tidak faham juga saya sebutkan. Saya sebut jelas tadi. Tidak ada siapa pun membangkitkan, tetapi tidak faham. Bila saya sebut beza Kelantan dan negeri-negeri lain, seolah-olah Kelantan lebih baik, tetapi bukan begitu. Tetapi Kelantan sudah kawal. Apakah sekarang ini Kerajaan Malaysia memerintah dengan Islam Hadhari tidak boleh kawal seperti mana Kelantan buat? Kita bukan haramkan terus, kita kawal. Ini tidak, di merata tempat kita pergi, kita boleh tengok botol arak di merata-rata, kadang-kadang gelas yang sama.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Larut bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Itu maksud saya, saya bukan hendak menidakkan kerajaan, saya tidak mengatakan Kerajaan Malaysia menghalalkan minuman ini – tidak, tetapi tidak mengawal orang Islam. Sekejap, sekejap, satu *point* lagi ya, sekejap sahaja, tidak bagi, lagi sedikit sahaja. Saya akan bagi selepas ini.

Kemudian Butiran 00100, saya hendak mengetahui berkaitan dengan harga. Kita heboh tadi harga barang naik. Umpamanya lada, kita heboh lada naik sampai RM10 di Sabah dan Sarawak, sahabat saya Yang Berhormat bagi Ketereh sebutkan tadi. Bagi saya, kenaikan barang-barang seperti itu, tanaman-tanaman yang ditanam dan diusahakan oleh orang kampung, bagi saya, tidak perlu tentang.

Inilah sekali sekala orang kampung akan dapat nikmat. Yang kita hendak pertahankan sekarang ini ialah yang kita hendak mansuhkan sekarang ini, yang kita marah sekarang ini ialah barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang-kilang besar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Jerai.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Itu yang dikeluarkan oleh orang kampung kalau dahulu RM1 satu kilo, naik RM3 satu kilo, orang kampung itu tidak dapat harganya. Tetapi kalau cili sos yang naik kerana pengusaha itu menaikkan harga, itu yang patut kita banteras.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua orang Ahli Yang Berhormat bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Dua sekali? Bab mana?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pasal cabai naik harga.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ha, cabai naik harga saya bagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Ketawa]* Ini pasal cabai naik harga. Yang Berhormat, penjelasan sedikit Yang Berhormat. Sebenarnya kalaulah harga cabai atau cili naik, pak tani mendapat nikmat, yang itu saya tidak pertikaikan kerana kita hendak memberi pak tani ini mendapat nikmat. Masalahnya hari ini, orang tengah mengaut keuntungan daripada hasil titik peluh pak tani. Jadi ini Yang Berhormat kena faham. Yang kita dok bising pasal harga cabai naik, pasal pak tani tidak dapat untung, pengguna rugi, yang untung orang tengah. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita kena *zero in* kepada orang tengah supaya depa ini tidak mendapat keuntungan berlebihan di atas susah payahnya pak tani-pak tani. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, terima kasih. Inilah peranan kita buat pasar tani. Asas penubuhan pasar tani ini ialah supaya petani itu sendiri jual

barang-barang dan hasil tanamannya kepada orang ramai. Tetapi apa yang berlaku sekarang ini ialah pemborong-pemborong, bukan kepada peruncit, bukan kepada orang kampung. Pemborong bergerak dari satu tempat ke satu tempat. Hari ini pasar tani di kampung ini, orang yang sama, bawa van yang sama ke sini, besok pasar tani di sini, orang itu juga datang ke sini, tetapi orang kampung tidak keluar jual apa-apa. Ini satu persoalan yang perlu kita kaji juga, tetapi kenaikan harga barang-barang, harga-harga tanaman dan sayur-sayuran daripada kampung ini sedikit sebanyak untuk untung orang kampung. Orang kampung tidak bodoh seperti dahulu. Dia tahu kalau harga dalam surat khabar hari ini RM10 di Sabah dan Sarawak. Dia tahu harga, bukan dia tidak baca surat khabar. Kalau dia tidak baca surat khabar pun, anak dia tahu, "Bapa, kenapa jual murah?" Di Sabah jual RM10. Dia akan naikkan harga. Bila pemborong akan pergi masuk kampung, dia sudah tahu, dahulu RM1 sekilo, sekarang RM3 satu kilo. Kenapa? Sebab Sabah jual RM10, kita tahu.

Kita jangan perbodohkan orang kampung sekarang ini. Sama dengan kelapa tadi. Saya sokong kelapa naik harga sebab kelapa ini hasil orang kampung. Tetapi kalau minyak naik harga, itu betul kita marah, kerana kilang sudah proses, kilang yang naikkan harganya. Biar sekali sekala orang kampung dapat nikmat, biar supaya dihebohkan. Serupa dengan tembakau, saya sebutkan tembakau dahulu. Harga rokok naik, patut kita tentang habis-habisan sebab pengilang rokok telah ambil untung yang begitu banyak, tetapi harga daun hijau masih lagi harga yang sama, 85 sen satu kilo semenjak 20 tahun yang dahulu. Harga daun yang telah disalai masih lagi harga yang paling tinggi sekarang ini ialah RM14.80 - paling tinggi. Mana boleh hidup macam itu?

Jadi, kita sekarang ini kena jaga juga orang-orang kampung kita. Sekali sekala kalau harga itu, kita *check* dahulu sebelum kita mengamuk, sebelum kita persoalkannya, kita *check* dahulu siapa yang untung sebenarnya. Kalau ada sedikit sebanyak untung kepada orang kampung, biarlah harga itu naik. Serupa dengan beras pun, kalau harga padi naik, kita bagi sokonganlah sebab padi itu daripada orang kampung. Apabila dijadikan beras, masuk ke kilang, pengedar beras itu adalah orang lain, bukan orang kampung. Kalau harga beras naik, boleh kita persoalkan tetapi kalau harga padi naik, kita berterima kasih. Ini persoalannya, bukan kita hendak hentam semberono, tidak.

Baik, saya hendak tanya sekarang ini yang menyentuh masalah Butiran 00100 tadi. Saya hendak tanya sedikit sahaja. Pertama sekali saya hendak tahu masalah syarikat yang berada di bawah ROC sekarang ini. Saya hendak tahu berapa banyak sebenarnya syarikat yang berdaftar dengan Syarikat Berhad, kemudian syarikat sendirian berhad dan syarikat perkongsian. Di antara ketiga-tiga jenis syarikat ini, syarikat mana yang selalu tidak menghantar laporan kepada ROC?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Dan saya hendak tahu berapa banyak syarikat-syarikat ini yang mengalami kerugian dan bankrap khususnya, dan golongan mana yang paling ramai bankrap sekarang ini hasil daripada kita tidak berjaya untuk mengasuh ataupun untuk membaiki dan memberi kursus kepada mereka ini, akhirnya mereka mengalami kerugian setiap kali perniagaan.

Jadi saya harap kepada pihak kementerian ini dapat memberi penjelasan sedikit, adakah syarikat-syarikat bumiputera lebih ramai kalau hendak dibandingkan dengan syarikat-syarikat lain yang sudah bankrap ataupun yang telah gulung tikar. Kalau boleh saya ingin tahu juga berapa ramai yang telah muflis sekarang ini dan golongan mana yang ramai, yang telah diambil tindakan muflis oleh pihak tertentu. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ramai lagi, satu, dua, tiga, empat....enam. Bolehkah saya benarkan keenam-enamnya? Tetapi saya kena selesaikan sebelum jam 1.00 tengah hari. Sri Gadinglah.

12.21 tgh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi orang Islam, makanan halal ini amat penting. Tidak ada kompromi tentang ini. Kalau kita remehkan cerita ini ia akan terjejas macam-macam perkara.

Saya difahamkan oleh pelancong daripada Timur Tengah – Arab, kenapa dia memilih Malaysia sekarang. Ia kerana tiga perkara. Pertama kerana negara ini aman; yang kedua kerana barang-barang di negara ini murah jika dibandingkan dengan negara-negara lain; dan yang ketiga kerana makanannya halal.

Macam Ahli Yang Berhormat bagi Jerai katakan tadi, kalau kita tidak kawal ini, apabila kita hendak mengeksport ayam kita ke negara-negara Islam yang lain dia akan pertikaikan. Ini penting, Tuan Pengerusi .

Saya sebut 'bayam' tadi sebenarnya orang Kuala Lumpur menggelarnya 'bayam' sekarang – babi campur ayam jadi 'bayam'. Orang tidak makan bayam lagi. Ini maknanya dia tidak hendak makan ayam kerana ia di campur dengan babi seperti yang telah berlaku.

Tuan Pengerusi, dahulu di Kampung Ara, Damansara pusat memproses ayam ini tidak mengikut syarat. Dia bunuh dengan dicucuk elektrik. Semua orang tahu – orang China tahu, orang India tahu bahawa orang Melayu makan ayam yang disembelih. Semua orang tahu di campur-campur tidak boleh. Semua orang tahu.

Saya harap kementerian ini tolong ambil beratlah. Ini adalah satu isu yang sangat besar kalau tidak dibendung. Jika perkara ni berlarutan, Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimennya kena letak jawatan. Negara lain pun macam itu. Jangan main-main. Ini kepentingan orang awam. Jangan main-main. Jangan hendak *relax* sahaja seolah-olah ini dilepaskan kepada pegawai-pegawai di bawah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukup serius.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Serius. Tindakan seharusnya tidak bermusim. Tindakan tegas harus diambil - tutup perniagaan itu, tutup kedai itu, sita. Satu lagi, Tuan Pengerusi. Saya harap pusat-pusat penyembelihan ini ada senarai dan kalau boleh yang untuk orang Islam ini berilah lesen kepada orang Islam. Jangan bagi kepada orang bukan Islam supaya terjamin halalnya. Buat syarat bahawa pusat pemprosesan makanan untuk orang Islam ini mesti dipunyai oleh orang Islam sendiri – orang China yang Islam boleh, orang India yang Islam boleh, bukan soal bangsa tetapi soal Islamnya itu.

Kemudian, saya hendak mencadangkan kementerian ini, bolehkah buka talian awam? Buka talian awam untuk kalau ada maklumat-maklumat orang awam boleh menggunakan talian ini untuk diambil tindakan.

Tuan Pengerusi, saya berharap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna benar-benar mengambil perhatian yang amat berat. Saya tidak tahulah. Ini Menteri tidak datang, Timbalan Menteri sahaja yang ada, Setiausaha Parlimen sahaja yang ada. Saya tidak tahu ini. [*Memandang ke arah tempat duduk Menteri-menteri*] Menteri tidak datang mungkin kerana ada alasan. Soalnya pegawai-

pegawai yang ada? Pegawai-pegawai ini peringkat mana yang datang? Apakah pegawai-pegawai yang tidak cukup kelayakan hendak menyediakan jawapan?

Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen ini tukang baca sahaja. Soalnya bagaimana penyediaan bagi jawapan ini? Saya hendak tengok jawapan ini dan jawapan ini akan ditunggu-tunggu oleh seluruh orang Islam dalam negara ini. Ini tidak boleh kita remehkan, Tuan Pengerusi.

Saya berharaplah perkara-perkara yang berlaku ini tidak akan berulang lagi. Saya merayu sangat-sangatlah kepada kementerian ini, tolonglah. Di kementerian ini pun kebanyakannya orang Islam.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ketereh, apa yang hendak ditanya kepada Yang Berhormat?

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Saya hendak sambung sedikit, hendak tanya penjelasan.

Sekarang kita sedang berbincang mengenai soal bajet, satu perkara yang sangat penting yang memerlukan jawapan dan tindakan tetapi saya perhatikan tidak ada satu KSU pun yang datang. Saya tertengok satu TKSU dan satu SUB. Kenapa jadi begini sedangkan ini adalah soal pelaksanaan? Bolehkah Yang Berhormat bersetuju kalau kita minta supaya Menteri-menteri sebutkan dalam Kabinet pada hari Rabu ini, untuk bajet ini biar KSU, TKSU atau SUB yang akan datang bersama bagi mendengar dan melihat untuk dilaksanakan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ada Menteri pun takut dengan KSU dia. Inilah masalahnya. Saya tidak tahulah. Dia lebih takut dengan Ketua Setiausaha Negara daripada Menteri dia. Apa yang Ahli Yang Berhormat bagi Ketereh katakan tadi, Menteri sudah tidak datang, KSU kenapa tidak boleh datang? Fasal dia pandang bahawa Parlimen ini remeh, tidak penting. Inilah masalahnya.

Sebab itulah jawapan-jawapan ini sebenarnya jawapan hanya untuk menjawab. Untuk menjawab sahaja – kumpulan G. Ini menjawab hanya untuk menjawab. Sebab itu kadang-kadang Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen menjawab - kalau kita taruh engkau jangan marah – fasal jawapan engkau tidak..... astaghfirullah al Azim. Standardnya, astaghfirullah al Azim.

Ini, soal halal haram ini, berapa senarai kalau kita hendak tanya sekarang, saya hendak soal. Senarai pemprosesan ayam yang haram - berapa ada di Kuala Lumpur

ini? Benda ini ada. Boleh kemukakan atau tidak? Sebab itulah kadang-kadang Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen menjawab – oleh sebab jawapan ini terlalu panjang, maka saya akan menjawab secara bertulis. Ini semua temberang sahaja, hendak lepaskan tengkuk dia waktu sekarang sebab dia takut soalan tambahan. Ha, “Jawapan ini panjang sangat, saya akan jawab secara bertulis”. Eh, kita hendakkan jawapan secara lisan.

Kemudian, jawapan secara bertulis itu pun indah khabar dari rupa. Saya tidak tahu. Ini Parlimen ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh semak baliklah fungsi Parlimen ini bagaimana sebenarnya. Macam Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam kata, sampai ada yang salah tulis, merdeka pada tahun 1959. Tidak gilakah ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa Bagan?

Tuan Lim Hock Seng: Ya. Penjelasan. Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading. Pada setiap penggal Parlimen bersidang, kami dibenarkan untuk mengemukakan sepuluh Soalan Lisan dan lima Soalan Bertulis tetapi apabila mengemukakan soalan secara bertulis, langsung tidak terima jawapan, sampai setahun pun belum dapat jawapan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itulah sebabnya saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyemak semula fungsi Parlimen ini. Apakah janji-janji boleh secara bohong? Bolehkah kita lepaskan perkataan-perkataan yang tidak bertanggungjawab di dalam Dewan ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Balik kepada tajuk, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini tajuk dia sampai, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini dasar. Balik kepada tajuk jawatankuasa

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, tajuk saya 00300 ini hal ehwal pengguna juga. Ini ada kaitan dengan pengguna juga. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah 00 itu sengaja disebut sahaja?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, Tuan Pengerusi. Bukan saya sebut. Ini betul 030100, 030200 – Penguatkuasaan dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Masa cukup, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Astaghfirullah al Azim, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi janganlah begitu zalim dengan saya, Tuan Pengerusi. Belum habis lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya haraplah sedikit sebanyak yang sampaikan ini rintihan mewakili rakyat, Tuan Pengerusi. Rakyat memilih kami dan kami menyampaikan hasrat rakyat. Terima kasih, Tuan Pengerusi .

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya membenarkan lima minit bagi setiap ahli yang berucap. Kapit, sila.

12.30 tgh.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh maksud P,25, Butiran 03000 - Konsumerisme dan 030100 - Penguat Kuasa dan 030200 - Hal Ehwal Pengguna. Pertama, saya ingin mendesak kementerian ini supaya lebih bersungguh dalam pendekatannya untuk memantau serta mengawal dengan ketat bagi mengelakkan penjual-penjual terutamanya di kawasan pedalaman seperti di Kapit tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan segala harga barangan beralasan kenaikan harga minyak baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, maksud saya sebenarnya ialah penjual-penjual mestilah dikawal dari meraih keuntungan yang berlebihan atau tidak berpatutan. Saya mengerti benar apabila ada kenaikan kos seperti kos pengangkutan berikutan kenaikan harga minyak akan tetapi penjual-penjual janganlah dibiarkan menaikkan harga barangan mereka dengan kadar peratusan yang jauh tinggi dari kenaikan harga minyak.

Tuan Pengerusi, yang amat mendukacitakan kita ialah di pekan-pekan di pedalaman seperti di kawasan Kapit dan di Pekan Song selalunya pengguna-pengguna dieksploitasikan dengan kenaikan harga barangan dan harga perkhidmatan seperti tambang. Ini sering berlaku. Memang saya berterima kasih dan menghargai usaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini oleh kerana telah mewujudkan sebuah cawangan Jabatan Hal Ehwal Pengguna di Pekan Kapit sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Saya berharaplah cawangan ini dibekalkan dengan segala keperluan sumber seperti pegawai-pegawai dan kakitangan

yang mencukupi untuk mereka boleh memikul tanggungjawab mereka dengan baik untuk pengguna-pengguna di kawasan-kawasan Kapit.

Tuan Pengerusi, perkara kedua ialah mengenai pembekalan dan penjualan minyak di Kapit. Masalah minyak di Kapit ini bukan sahaja terhadap kepada kenaikan harga, yang lebih daripada itu ialah masalah betapa sukar mendapatkan minyak di Kapit dan di Song. Ada duit hendak beli tetapi tidak ada minyak. Mengikut maklumat yang telah diberi kepada saya daripada JPJ Kapit sehingga Disember 2003 sebanyak 4,049 buah pelbagai kenderaan berdaftar di Kapit termasuk di daerah Song juga. Di samping itu ada beribu-ribu buah motor sangkut yang turut bertumpu di satu-satunya stesen minyak yang ada pada masa ini.

Tuan Pengerusi, pada masa ini tinggal stesen minyak Esso sahaja yang masih beroperasi di Kapit. Shell sudah tidak ada dan Petronas pun berhasrat tidak mahu meneruskan menghantar minyak ke Kapit atas alasan kos terlalu tinggi iaitu kos pengangkutan serta *handling* yang sudah naik. Begitu *ironic* dengan izin. Petronas sudah merasai kenaikan kos pengangkutan akan menjejaskan juga penjualan minyak petrol di stesen-stesen di Kapit dan di Song. Bagaimana ini, bagaimana dengan kehidupan rakyat, pengguna yang memerlukan barangan yang amat diperlukan ini? Alasan yang telah diberikan oleh pengusaha-pengusaha petrol yang lain kenapa mereka kurang berminat bersama-sama turut serta membuka stesen petrol di situ pun sama disebabkan kos yang tinggi khususnya kos logistik bagi membawa minyak petrol dari bandar Sibu ke Pekan Kapit dan Pekan Song.

Justeru itu dengan peluang ini saya menyeru agar Kementerian Hal Ehwal Pengguna ini dapat memainkan peranan mengarah dan mendesak Petronas sebagai sebuah syarikat petroleum utama negara kita masih kekal membekalkan minyak kepada stesen-stesen minyak di kawasan Kapit. Lebih daripada itu Petronas sepatutnya mengembangkan perkhidmatannya ke tempat-tempat yang sama dengan Kapit juga di mana-mana tempat di negara kita ini. Saya percaya dan yakin Petronas dengan kewangan yang kukuh Petronas mampu memikul tanggungjawab sosial demi kesejahteraan penduduk di kawasan Kapit, kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, inilah yang tidak menyeronokkan apabila saya dan rakan-rakan seperjuangan dari Sarawak yang mewakili kawasan di luar bandar, kami mengetengahkan masalah-masalah untuk pembangunan dan lain-lain di luar bandar

selalunya kita diberi jawapan bahawa tidak ada *priority* oleh kerana tidak ramai orang duduk di sana, di kawasan-kawasan sebegini.

Saya ingat dalam tahun yang lalu saya berbahas dalam Dewan ini juga apabila berbahas tentang belanjawan, saya menyeru Bank Negara pada masa itu supaya mengarah bank-bank komersial untuk bertapak di Pekan Song. Kita juga telah menerima surat yang mengatakan oleh sebab dari segi bisnes atau perdagangan tidak mencukupi oleh kerana tidak ramai penduduk di Song akan tetapi Tuan Pengerusi perkara ini akan berkekalan oleh kerana tidak ramai yang berhijrah daripada luar bandar di tempat lain ke daerah-daerah yang dimaksudkan oleh kerana kita adalah di luar bandar dan kalau begitulah dasar kita ataupun pendekatan kita sudah tentulah kawasan-kawasan seperti Kapit, Song dan Bukit Belaga juga kita tidak akan ada perkhidmatan seperti bank ataupun pembekalan minyak seperti yang telah saya sebutkan sebentar tadi. Dengan itu Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rembau.

12.35 tgh.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya terus pergi kepada kepala 030000 - Konsumerisme. Kita sedia maklum sekarang ini heboh diperkatakan soal kenaikan harga barang. Pada hemat saya perkara ini perlu ditangani dengan menyeluruh. Selain daripada dipertingkatkan penguatkuasaan oleh pihak-pihak berkenaan, pihak rakyat, pihak pengguna sendiri, pihak media massa, NGO, Persatuan Pengguna, suri rumah sendiri dan juga Majlis Pengguna Daerah yang ada di tiap-tiap daerah juga harus memainkan peranan masing-masing kerana jika langkah-langkah yang proaktif dan juga reaktif tidak dijalankan dengan segera ia bukan sahaja memberi kesan kepada kerajaan yang memerintah malah juga akan memberi kesan kepada pelancong yang datang kerana mereka sedia maklum di Malaysia rata-rata kos barang-barang agak murah jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

Kemudian kenaikan harga barang ini juga akan memberi kesan kepada kakitangan kerajaan dan juga swasta khususnya mereka yang berpendapatan rendah. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya sebagai langkah jangka pendek dan jangka panjang mungkin kalau cili merah harga RM10 malah dilaporkan di dalam surat khabar ada yang naik sampai RM14 usahlah makan cili merah, kita makanlah cili hijau ataupun kita makanlah cili api, tinggal lagi cili api pedas sikitlah.

Kemudian dalam masa yang sama saya juga mencadangkan supaya Majlis Hal Ehwal Pengguna yang ada di tiap-tiap daerah yang ditubuhkan nampaknya tidak begitu berjalan dengan baik, kita tukar sahaja kepada Majlis Pengguna Peringkat Parlimen. Kita ada 219 ahli Parlimen dan kita lantik Ahli-ahli Parlimen ini menjadi Pengerusi kepada Majlis ini dan maknanya kita ada 219 Majlis Hal Ehwal Pengguna di seluruh Malaysia dan melalui jawatankuasa ini boleh bertindak sebagai *pressure group* untuk menjadi mata dan telinga kerajaan untuk melaporkan pekedai-pekedai ataupun peniaga-peniaga yang menaikkan harga barang dan dalam masa yang sama juga melalui Majlis Hal Ehwal Pengguna ini mungkin boleh jalankan aktiviti-aktiviti penggunaan yang boleh menyedarkan masyarakat tentang pentingnya mengambil tindakan-tindakan tertentu bagi menangani kenaikan harga barang ini.

Tuan Pengerusi, dalam masa yang sama juga mungkin pihak media massa juga boleh sama-sama memainkan peranan dan kesedaran kepada rakyat bersama-sama dengan Persatuan Pengguna yang ada di tiap-tiap negeri tetapi nampaknya sekarang ini senyap sahaja tetapi lebih penting lagi peranan suri rumah sendiri sebab suri rumah yang pergi beli barang, dia tahu berapa harga naik, berapa harga cili, berapa harga bawang dan mungkin kita ahli-ahli Parlimen sendiri boleh memulakan langkah ini mungkin cili tu kita tanamlah sendiri di rumah. Mungkin tanam dalam pasu atau tanam di kawasan-kawasan yang ada, mungkin kita boleh buat gerakan besar-besaran untuk menanam sendiri barang-barang keperluan yang kebanyakan kita import misalnya kita import bawang daripada Cina dan India, kita import selain dari daging, macam-macamlah yang jumlahnya lebih RM11 bilion setiap tahun.

Jadi, saya rasa dengan langkah-langkah ini, selain daripada tindakan pengguna sendiri yang kita minum teh tarik kalau harga teh tarik naik, tak usahlah minum sampai tiga kali. Sekali sudahlah. Lagi pun kalau banyak-banyak sangat Tuan Pengerusi, kena kencing manis pula. Jadi, minum air suam. Minum air suam [ketawa] Jadi boroi dan sebagainya.

Saya fikir ini perlukan pendekatan yang besar-besaran yang menyeluruh kepada semua pihak bukan sahaja pihak kerajaan sebab pihak kerajaan maklumlah terhad. Saya difahamkan perjawatan pun cuma ada 1,752 itu semua peringkat di kementerian. Mungkin kita sama-sama memainkan peranan dan saya yakin kalau ini boleh dijalankan, pihak peniaga tidak berani menaikkan harga barang dengan sewenang-wenangnya. Saya mohon menyokong Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Larut.

1243 th

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut bersama menyentuh di bawah Butiran B.030100 – Penguat kuasa dan B.030200 – Hal Ehwal Pengguna. Pertama sekali saya terus menjurus kepada keadaan yang berlaku pada hari ini di mana walaupun penguat kuasa telah diwujudkan tetapi masalahnya ialah saya tidak tahu di mana silapnya dengan adanya penguat kuasa masih lagi berlaku penyelewengan terhadap tindakan-tindakan.

Sebagai contoh, cetak rompak masih lagi berleluasa dan saya difahamkan sebagai contoh filem PGL sebagai contoh, boleh masuk ke pawagam sudah pun diedarkan VCD di kalangan pengguna. Maka sebab itu saya melihat betapa pentingnya penguat kuasa ini bukan sahaja ditambah dan dilantik tetapi kalau boleh janganlah kalau setakat hanya kakitangan atau pegawai kontrak mestilah yang tetap oleh JPA dan menganggapkan mereka ini amat penting. Kerana kita bimbang kakitangan penguat kuasa ini ada kalanya mungkin terdedah kepada unsur-unsur ugutan, ancaman semasa mereka hendak menjalankan tugas dan mungkin juga mereka ini jika keadaan elaun atau gaji mereka tidak cukup, mereka mudah disogok apabila ketika hendak menjalankan tugas mereka.

Oleh itu, saya berharap JPA terutamanya melihat supaya bahagian Penguat Kuasa ini penting kerana mereka adalah memberikan peranan untuk memastikan tidak berlaku kegiatan-kegiatan yang boleh mendatangkan tidak kebaikan kepada pengguna terutamanya sebab walaupun kita bercakap soal penguat kuasa ini masih lagi berlaku mereka yang mengambil kesempatan mengedar ataupun menjual barangan-barangan yang di bawah kawalan dan sebab itu saya berharap supaya penguat kuasa ini mestilah diberikan satu kedudukan supaya mereka juga merasakan tanggungjawab mereka itu besar ketika menjalankan tugas mereka.

Di bawah Hal Ehwal Pengguna ini, saya ingin mengambil perhatian supaya pengguna-pengguna juga diberikan keadilan terutama ketika mereka mendapatkan rawatan di klinik-klinik. Hari ini klinik-klinik masih lagi enggan untuk mengeluarkan resit-resit kepada pengguna dan mereka tidak tahu harga sebenarnya setiap jualan ubat sewaktu mereka mendapatkan rawatan.

Begitu juga tentang *direct selling* yang masih berleluasa. Saya rasa perlu ada satu akta ke atas pemilik-pemilik restoran kerana penjualan *direct selling* ini begitu berleluasa sehinggakan mereka mudah menggunakan restoran-restoran di mana adanya orang ramai atau pengguna berada di situ untuk mengedar jualan mereka. Ditambah lagi ada pihak-pihak yang menggunakan pekerja-pekerja asing untuk menjalankan *direct selling*, dengan izinnya.

Oleh sebab itu, perlu ada suatu akta di mana restoran-restoran ataupun tempat-tempat yang mendapat tumpuan pengguna juga diambil tindakan kalau mereka membenarkan apa-apa juga jualan terus berlaku di tempat-tempat yang telah saya sebutkan tadi. Terutama sekali saya berasa dukacita kalau para remaja masih lagi digunakan sebagai satu taktik untuk meraih simpati oleh penjualan terus ini ke atas pengguna-pengguna.

Saya ingin mencadangkan supaya oleh kerana pada ketika ini sistem SMS, dengan izin begitu berleluasa, apakah pihak kementerian boleh memulakan perkhidmatan SMS ini untuk orang ramai atau pengguna di mana-mana juga untuk membuat kompelin atau aduan pada setiap masa supaya tindakan ataupun aduan-aduan yang telah dibuat itu boleh diambil tindakan dengan seberapa segera.

Dengan cara itu, saya rasa ia akan dapat mendidik pengguna dan juga penguat kuasa kerana tindakan semata-mata atau penguat kuasa semata-mata saya tidak yakin usaha kita untuk membanteras apa juga yang menjadi cabaran kita pada hari ini boleh kita lakukan. Saya rasa pendekatan dari segi pendidikan penguat kuasa ini diberikan kursus bimbingan yang sebenarnya, insya-Allah masalah kita boleh diatasi dari semasa ke semasa. Dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tuaran. Lepas Tuaran, Ledang boleh bersedia.

12.46 tgh.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini bagi Butiran 040000 – Perbadanan Harta Intelek dan 060200 – Pembelian Harta Modal, 00900 - Institusi Pengajian Harta Intelek. Pertamanya Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah Perbadanan Harta Intelek ini sudah beroperasi ataupun tidak. Dalam tahun 2004, telah diberikan peruntukan token RM10 dalam peruntukan tahun 2005 ini

peruntukannya sifar, tidak ada apa-apa peruntukan. Saya ingin bertanya sama sudah beroperasi ataupun tidak.

Keduanya Tuan Pengerusi, ialah bagi Institusi Pengajian Harta Intelek. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan peruntukan sebanyak RM2.5 juta telah diperuntukkan dan tahun ini peruntukan sebanyak lebih kurang RM0.5 juta telah diperuntukkan. Saya ingin tahu berapakah kakitangan dalam institusi ini dan apakah semuanya kajian-kajian ataupun kegiatan-kegiatan dibuat oleh institusi ini.

Tuan Pengerusi, dalam soal harta intelek ini kita melihat bahawa ini adalah amat penting. Negara kita kaya dengan harta dari segi komoditi dan sebagainya tetapi dari segi kekayaan harta intelek adalah suatu khazanah atau kekayaan yang paling besar. Sebenarnya ini *infinite*, sesuatu yang kita tidak boleh sukat. Ia begitu luas sebenarnya.

Kita mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk mengadakan perundangan dalam hal ini dan juga pewujudan institusi-institusi tertentu untuk memastikan supaya harta intelek ini dapat dikembangkan sebagai salah satu daripada sumber perekonomian negara kita. Walau bagaimanapun, keadaan setakat ini nampaknya tidak digambarkan dari segi keseriusan kerajaan, dari segi peruntukan-peruntukan yang diberikan.

Ketiganya Tuan Pengerusi, saya ingin berbahas dalam soal hak intelek terhadap *tradisional medicinal plant*. Dalam hal ini Tuan Pengerusi, kalau kita lihat *Intellectual Property Right* dalam *traditional medicine* ini ada dua berbahasan. Pertamanya, hari ini yang beria-ia sangat, yang berusaha sangat untuk mendapatkan hak intelek ini ialah orang-orang *scientist*, orang-orang akademik dan juga orang-orang yang apa yang dipanggil *bioprospector* yang mencari *traditional medicine* ini. Sebenarnya sumber mereka hanya satu iaitu *indigenous people*, orang-orang tempatan, orang-orang bumiputera, Orang Asli dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun, apabila mereka mendapat penemuan, dikatakan penemuan, mendapatkan ilmu itu orang-orang kampung ini tidak mendapat apa-apa. Kalau kita lihat dari segi harta intelek ini, kita boleh lihat dari segi dalam dua hal iaitu dari segi penemuan dan dari segi ilmu dia. Ataupun barangkali dari segi *invention* dia.

Dalam hal ini, ilmu sudah wujud, *knowledge* sudah wujud, orang-orang kampung bumiputera, rakyat tempatan sudah tahu ilmu ini sudah ada pada mereka. Pengkaji-pengkaji ini atau *bioprospectors* ini cuma menemui. Akhirnya, mereka akan membuat paten dan apabila membuat paten, orang-orang kampung tidak mendapat

apa-apa dan mereka berusaha pelbagai cara. Mereka mengadakan *biodiversity convention* lah, mereka mengadakan penyelidikanlah, mengadakan perundanganlah untuk melindungi kepentingan mereka setelah mendapat ilmu tersebut atau setelah mendapat harta intelek tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian atau kerajaan melindungi hak orang-orang tempatan, Orang Asli, bumiputera minoriti. Kita kaya dengan ilmu ini, kita tahu hari ini yang termiskin di negara kita adalah di kalangan orang-orang asli, orang-orang bumiputera minoriti. Kita ini miskin, tetapi kita kaya dari segi harta intelek, tetapi sekali lagi kita tidak dapat manfaat sebab kita dimanipulasi, kita tidak dibela oleh pihak kerajaan dan saya meminta di Dewan yang mulia ini sekali lagi supaya pihak kerajaan membela hak orang-orang asli, orang-orang tempatan ini untuk mendapat nikmat, mendapat manfaat daripada harta intelek ini daripada ilmu mereka dan saya ingin mencadangkan dalam hal ini supaya pihak kerajaan memastikan supaya agensi-agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dalam harta intelek sama ada dua perbadanan yang saya sebut tadi ataupun agensi-agensi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Penyelidikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Minta tolong Tuan Yang di-Pertua, saya habiskan ini dulu, sebab ini penting. Sebagai contoh MARDI ataupun anak syarikat MARDI seperti MARDI *Tech*, supaya mengadakan perjanjian bertulis di antara agensi ini dengan *bio-prospector* dan melibatkan orang asli ataupun bumiputera minoriti orang tempatan supaya akhirnya apa-apa juga penemuan, apa-apa juga harta intelek yang akhirnya akan dipatenkan orang-orang kampung ini akan mendapat manfaat, ada dia punya bahagian sama ada dari segi kewangan ataupun *non-financial benefit*, barangkali dalam bentuk biasiswa, barangkali dalam bentuk bantuan perubatan atau apa jua bantuan tetapi yang penting ini cadangan kita ialah supaya diadakan perjanjian sebelum *bio-prospector* ini masuk kampung.

Orang-orang kampung ini dia *ignorant*, banyak perkara yang mereka tidak tahu dan mereka ini orang-orang yang baik-baik belaka. Apa bila *bio-prospector* masuk kampung dengan senang mereka menjadi pemandu, dia guide masuk hutan dan sebagainya tetapi akhirnya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Mereka tidak terbela dan saya mohon Tuan Yang di-Pertua, sebagai dalam peluang ini saya mohon supaya pihak kerajaan dengan agensi yang ditubuhkan tadi beroperasi cepat-cepat beri peruntukan di situ dan belalah orang-orang kampung, belalah orang-orang asli, belalah bumiputera minoriti di Sabah Sarawak yang kaya dengan ilmu tradisional *medicine plant* sini. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ledang. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab.

12.52 tgh.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih juga sebab hari ini jadi tekong sekali lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya menjurus kepada Butiran 20000 - Perdagangan Dalam Negeri dan 30000 – Konsumerisme. Seperti mana yang sedia maklum Tuan Yang di-Pertua bajet ini adalah bajet untuk orang ramai. Jadi Yang Amat Berhormat Menteri kewangan telah menekankan tentang *delivery system* di mana kita perlu melihat kepada keberkesanan daripada perbincangan pada hari ini. Perbincangan ke atas bajet pada hari ini terutama yang berkaitan dengan harga barang. Orang ramai sekarang sedang melihat, sedang meneliti tentang harga barang yang sedang meningkat akibat daripada kenaikan harga minyak cuma lima sen setiap satu liter.

Tuan Pengerusi, saya melihat tidak secara *straight forward* tidak semestinya kalau satu liter naik lima sen, satu tangki penuh lori naik RM20 misalnya barang tiba-tiba barang tidak boleh naik, satu lori tidak boleh naik melebihi RM20. Ada seperti Tuan Pengerusi, disebut tadi ada faktor-faktor sampingan seperti tayar lori pun naik dengan sebab kos pengangkutan lori tadi meningkat, kos pengangkutan tayar lori kerana minyak juga meningkat, banyak lagi. Jadi pada pandangan saya Tuan Pengerusi, sebelum kita mengambil tindakan mesti ada suatu kajian dibuat di peringkat pegawai untuk meneliti kesan-kesan, faktor-faktor yang berlaku yang menyebabkan harga barangan melambung walaupun minyak cuma naik lima sen setiap liter.

Jadi, Tuan Pengerusi, pada hari ini saya bukan mencabarlah, saya mintalah pegawai daripada kementerian membuat kajian tentang kenaikan harga ini sebelum membuat sesuatu tindakan dan pada hari ini saya cabar, tadi saya minta, ini cabar,

saya cabar NGO iaitu Persatuan Pengguna Malaysia di mana peranan mereka, adakah mereka setakat menyalak sana menyalak sini, menyatakan membuat statement kita boikot sana boikot sini tetapi mereka mesti keluar dengan cadangan kepada kerajaan kepada orang ramai bagaimana cara yang paling berkesan untuk mengatasi masalah kenaikan harga.

Kedua, Tuan Pengerusi tentang cetak rompak, CDBGS Puteri Gunung Ledang, saya datang daripada Ledang. Kos pembikinan filem tersebut melebihi RM20 juta yang kalau yang rugi *producer* tidak apa, tetapi yang menerima keuntungan paling banyak ialah orang tengah. CD cetak rompak PGL boleh didapati di mana-mana. Tuan Pengerusi, di Muar ada dijual tiga ringgit, lima ringgit maknanya tidak ada keberkesanan tentang kawalan ke atas cetak rompak, tidak ada, kalau ada pun setakat macam Rantau Panjang sebut tadi hangat-hangat tahi ayam. Jadi Tuan Pengerusi, kita perlu satu tindakan yang berterusan dan tidak perlulah kita hangat-hangat tahi ayam.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya hendak menyebut satu sahaja iaitu tentang Butiran 900 - Institut Pengajian Harga Intelek. Maksud saya kita perlu membudayakan reka cipta di kalangan orang ramai. Kita perlu memberi inisiatif yang paling maksimum kepada orang ramai supaya menghasilkan reka cipta-reka cipta baru, inovasi, *invention* dan sebagainya supaya hasrat kerajaan untuk meletakkan negara pada tahap yang setanding dengan negara-negara lain di mana kita mengeluarkan barangan-barangan yang terbaru, barangan-barangan yang dibaharui dan akhirnya memberikan impak dalam bentuk ekonomi dan lain-lain kepada rakyat Malaysia keseluruhannya. Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat timbalan menteri.

12.56 tgh.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Parlimen yang telah berbahas seramai 11 orang. Semua soalan-soalan yang ditujukan adalah penting dan ada juga Ahli Parlimen yang sebut bahawa Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen mereka tidak tahu begitu banyak tentang kementerian, hanya pegawai-pegawai yang tahu. Tetapi bagi pengetahuan semua Ahli-ahli Yang Berhormat. semua Menteri semua Timbalan Menteri dan semua Setiausaha Parlimen

yang dilantik oleh kerajaan Barisan Nasional adalah *hands-on* dengan izin, mereka tahu tentang kementerian mereka dan apabila disebut seperti KSU hanya takut kepada KSN dan bukan kepada Menteri ini tidak benar kerana sesiapa pun tidak perlu takut dengan sesiapa yang mustahak adalah kerjasama sebagai satu keluarga. Jadi di Kementerian saya KSU, Menteri, Timbalan, dan Setiausaha Parlimen dan semua pegawai bekerja sebagai satu keluarga untuk menjalankan dan untuk menguatkuasakan undang-undang yang ada dan untuk memberi yang terbaik kepada pengguna dan juga kepada peniaga, itu adalah moto kita.

Bagi Menteri saya beliau baru balik dari luar negeri dan sibuk hari ini dengan tugas untuk menentukan bahawa barang-barang keperluan tidak terus naik dan beliau ada beberapa mesyuarat yang penting untuk mengatasi masalah ini. Dan KSU saya ada di luar negara sebab itulah Timbalan KSU dan pegawai-pegawai yang lain yang bertanggungjawab ada di sini.

Semua butir yang diberi telah diambil nota dan kementerian akan menerima semua teguran daripada Ahli-ahli Parlimen dan menjalankan tugas supaya pengguna dan peniaga terus dapat maju dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat daripada Kinabatangan telah sebut tentang penguatkuasaan di tempat sembelih dan lain-lain dan juga berkaitan dengan penjualan barang-barang halal. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain yang menyentuh perkara yang sama, Kementerian Pertanian dan juga JAKIM dengan Jabatan Penguat Kuasa daripada kementerian saya sentiasa melawat tempat-tempat di mana dilesenkan untuk menyembelih lembu, kambing dan lain-lain binatang dan memastikan mereka akur kepada lesen yang dikeluarkan itu seperti di negeri India beberapa tempat sembelih telah ditutup kerana mereka tidak ikut lesen.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tiba masa untuk kita rehat Yang Berhormat boleh sambung pada petang ini.

Dato' S. Veerasingam: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila sambung jawapan.

2.32 ptg.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Sri Gading dan Rantau Panjang yang telah menyebut tentang rumah penyembelihan. Tindakan penguatkuasaan yang dijalankan adalah secara proaktif dan juga berasaskan aduan yang diterima. Dalam hubungan ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bekerjasama rapat dengan pihak JAKIM. Seramai 79 orang pegawai JAKIM dan JAIM telah dilantik untuk menguatkuasakan Akta Perihal Dagangan 1972 berhubung dengan halal.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Dato' S. Veerasingam: Beberapa perkara utama adalah dalam penguatkuasaan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kinabatangan bangun Yang Berhormat. Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi. Saya kelirulah dengan kenyataan penguat kuasa proaktif. Kalau proaktif tidak berlakulah persoalan-persoalan yang kita hadapi pada hari ini. Tetapi nampaknya penguat kuasa kita tidak proaktif, tidak berkesan dan tidak menjalankan tugas, sebab kalau contohnya rumah dikawal, pencuri tidak akan masuk. Tetapi kalau pengawalnya tidur, pencuri akan masuk. Jadi, antara lain beginilah.

Jadi perkataan dan kenyataan proaktif saya lihat tidak setuju sebab kalau proaktif tidak berleluasalah penyembelihan sebegini. Bermakna perlulah melakukan sesuatu supaya benar-benar proaktif dan boleh mendatangkan *input* yang baik

sehingga perkara seumpama ini tidak lagi kita debat sebab tidak berlaku dalam keadaan negara kita hari ini, terima kasih. Minta penjelasan.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Pengerusi, kalau kita fikir tentang kecurian yang berlaku di rumah-rumah, walaupun tuan punya rumah begitu berwaspada, kecurian masih berlaku juga, begitu juga dalam semua perkara. Kita mahu semua yang beretika dan semua yang baik, tetapi yang tidak baik sentiasa berlaku juga. Jadi, kita mengambil tindakan proaktif maknanya kita membuat pemeriksaan dan menjalankan tugas supaya ianya tidak berlaku.

Tetapi jika ada orang yang tidak bertanggungjawab selepas lawatan pegawai, mereka buat sesuatu, sesiapa yang tahu tentang perkara ini seperti Ahli Yang Berhormat boleh membuat aduan dan tindakan akan diambil terus. Sebanyak 75 kes telah dibawa dalam perkara ini, kita sentiasa mengambil tindakan. JAKIM yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan Logo 'halal' itu, sesiapa lain tidak boleh keluarkan pada masa ini dan kita membantu JAKIM untuk menentukan ianya dapat dikuatkuasakan.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di pertanggungjawabkan untuk menjaga rumah-rumah penyembelihan seperti di negeri India, Jabatan Pertanian dan agensi-agensi lain telah pergi dan melawat semua rumah-rumah penyembelihan yang mereka dapati tidak mengikut lunas-lunas Islam dan lesen mereka telah dibatalkan, sehingga hanya tinggal tiga buah sahaja yang mengendalikan penyembelihan pada masa ini, begitulah pegawai-pegawai begitu prihatin. Ini adalah satu perkara yang kita sama-sama prihatin. Apa benda yang dijual, yang disebut 'halal' jika ianya benda haram dijual kepada orang Islam itu menjadi satu dosa yang besar.

Jadi, kita sama-sama bertanggungjawab untuk menentukan benda-benda seperti ini tidak dijual dan diberi peluang untuk dijual pun. Macam di *hyper market* dan *supermarket*, pegawai-pegawai penguat kuasa telah memberi arahan supaya barang-barang yang tidak halal diasingkan dan tidak dijual dengan tempat yang sama dan berapa banyak pemeriksaan dibuat. Setakat ini premis-premis dalam tahun ini sahaja kita telah memeriksa lebih 74,000 premis dalam tahun ini sahaja. Ini bermakna begitu ramai pegawai-pegawai tiap-tiap hari ada pemeriksaan dijalankan, kalau tidak, kita tidak boleh mencapai satu angka yang besar seperti ini dan tindakan juga sentiasa diambil.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Jerai, Rantau Panjang, Kapit, Rembau, Larut dan Ledang telah menyebut tentang kenaikan harga yang disebut sebagai pesta kenaikan harga kerana ada surat khabar yang mengatakan harga barang-barang ini semua naik dan ianya dianggap sebagai pesta kenaikan harga kerana petrol dan diesel naik 5 sen. Kita telah mengadakan satu perjumpaan pada 8 Oktober 2004, dengan pengeluar, pemborong dan pengangkutan. Pihak pengangkutan telah memberi jaminan bahawa mereka tidak akan menaikkan harga pengangkutan kerana kenaikan 5 sen itu. Pemborong-pemborong juga memberi jaminan bahawa mereka tidak akan menaikkan barang-barang sewenang-wenangnya.

Ini adalah pasaran terbuka, hanya barang-barang kawalan 12 barang yang dikawal oleh kementerian, ianya tidak diberi kebenaran untuk naik harga. Tetapi barang-barang lain mengikut pasaran, kadangkala perlu kenaikan harga, seperti sayur-sayuran dan ikan. Pada masa ini musim hujan jadi pengeluarannya kurang. Jadi kalau seorang sudah belanja RM10,000 untuk hasilkan barang itu, dia kena dapatkan balik RM10,000 itu.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: *[Bangun]*

Dato' S. Veerasingam: Kalau tidak, petani yang miskin itu akan menghadapi banyak masalah lagi. Petani jual satu harga, kemudian pemborong jual satu harga, kemudian runcit pula jual satu harga. Ini adalah musim sahaja bukan sepanjang masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri ada dua yang bangun. Hendak beri jalan yang mana?

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat. Sebelum itu saya hendak perkenalkan ada rombongan daripada sekolah-sekolah rendah dalam Parlimen saya Tuan Pengerusi, melawat Parlimen. *[Tepuk]*

Saya ucap Selamat Datang. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenaikan harga ini perlu kita kawal kerana kalau tidak kita akan menghadapi keadaan inflasi dan saya ingat negara akan menghadapi banyak masalah. Yang penting saya kira, usaha kerajaan memang kita puji untuk mengawal ini. Tetapi penguatkuasaan saya ingat *enforcement* dengan izin Tuan Pengerusi, yang harus diperketatkan. Kalau kita boleh perketatkan *enforcement* saya ingat, insya-Allah kita boleh pastikan harga-harga barang tidak naik mendadak dan rakyat tidak menjadi mangsa kepada kenaikan harga.

Dato' S. Veerasingam: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna membuat pemantauan dan kajian harga pada setiap minggu ke atas 255 jenis barang. Pemantauan harga ini dibuat di seluruh negara melalui 57 cawangan kementerian di peringkat negeri dan daerah.

Senarai barangan hasil daripada pemantauan yang dibuat pihak kementerian, mendapati memang terdapat kenaikan harga bagi beberapa jenis barangan pengguna daripada 255 barang yang dipantau, pada tempoh antara 27 September hingga 4 Oktober 2004. Kenaikan tertinggi bagi sayur-sayuran dalam tempoh tersebut adalah bagi cili merah, kailan, kacang panjang dan sawi. Harga ayam bersih mencatat kenaikan antara 3% hingga 12%. Manakala ikan kembung tempatan mencatat kenaikan harga 14% hingga 16%.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menjalankan pemeriksaan berterusan ke atas premis-premis perniagaan. Bagi tempoh 1 Januari 2000 hingga 30 September 2004, sebanyak 754,020 premis perniagaan telah diperiksa. Selepas pengumuman kenaikan harga petroleum dibuat, kementerian telah mempertingkatkan aktiviti pemeriksaan dan telah memeriksa 12,259 premis perniagaan bagi tempoh 1 hingga 8 Oktober 2004. Hasil pemeriksaan tersebut, sebanyak 86 kes melibatkan rampasan bernilai RM18,719 dan nilai kompaun sebanyak RM16,980 meliputi pelbagai kesalahan, terutamanya kegagalan meletakkan tanda harga dan menggunakan alat timbang yang tidak disahkan, telah dikesan.

Di samping itu kementerian juga sedang melakukan pemeriksaan ke atas 245 jenis barangan tambahan termasuk makanan dimasak, minuman, sos, biskut, barangan elektrik, perabot serta pakaian. Hasil pemeriksaan ke atas barangan tersebut dijangka akan diketahui pada akhir bulan Oktober 2004. Aktiviti berkaitan dengan kawal seliaan harga barangan keperluan pengguna dikuatkuasakan oleh kementerian melalui peruntukan di bawah Akta Kawalan Harga 1946, Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Perihal Dagangan 1972, Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Akta Timbang dan Sukat 1972. Akta-akta berkenaan mempunyai peruntukan mengenai jenis kesalahan dan hukuman yang boleh diberi.

Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Pengangkutan dan lain-lain kementerian yang berkenaan supaya kita sentiasa dapat mengawal kenaikan harga barang-barang. Kita

tidak mahu harga barang-barang dinaikkan sewenang-wenangnya dan memberi masalah besar kepada pengguna dan juga kerajaan. Kita merayu, tiap-tiap kali kita merayu, kita ada mesyuarat, perbincangan supaya pemborong dan juga peruncit dan lain-lain yang terlibat dalam pengeluaran barang-barang makanan sepatutnya tidak menaikkan harga.

Kita mengawal harga 12 jenis barangan. 12 barangan ini telah ditetapkan harga di bawah Akta Kawalan dan ia tidak boleh dinaikkan, macam minyak masak, beras, tepung dan lain-lain barangan yang diperlukan. Pada musim perayaan bermula seminggu sebelum Deepavali dan seminggu selepas Hari Raya, sepanjang masa ini 26 jenis barang-barang akan dikawal dan kita akan umumkan kepada orang ramai supaya mereka mengetahui harga sesuatu barangan ini dan sesiapa yang menjual dengan harga lebih mereka akan didakwa. Mereka boleh dikenakan denda sebanyak RM15,000 atau dipenjarakan selama dua tahun. Jadi saya minta kerjasama daripada semua pihak supaya kita dapat membanteras masalah kenaikan harga.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk S. Veerasingam: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Hendak tanya sedikit, apa pasal 26 sahaja barang-barang yang dikawal sedangkan perayaan Deepavali dan Hari Raya disambut pada masa yang hampir sama, Yang Berhormat dengan kita hampir menyambutnya bersama-sama, sedangkan barang keperluan ini kita tengok keperluan seharian ia merangkumi 80 jenis barangan. Apa pasal kementerian hanya kawal 26 jenis barangan sahaja? Bererti barangan yang lain-lain itu dia boleh jual suka-suka. Minta penjelasan.

Datuk S. Veerasingam: Tuan Pengerusi, ini adalah barang-barang yang diperlukan untuk membuat kuih-muih dan untuk meraikan Hari Raya dan juga Deepavali. Jadi dalam tempoh ini kita menetapkan harga yang dikawalkan seperti itu dan juga pada hari perayaan Cina dan lain-lain hari perayaan. Jadi apabila kita buat kawalan harga, ia menjadi satu *benchmark* untuk menetapkan harga pada sepanjang masa. Kita berharap supaya peruncit, pekedai-pekedai jika boleh jual pada harga itu pada masa perayaan, mereka juga boleh menjual dengan harga itu pada sepanjang masa. Itu adalah tujuan kementerian.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Menyampuk]

Datuk S. Veerasingam: Kita mengikut pasaran dan pengguna juga ada hak mereka sendiri. Mereka boleh beli barang dari kedai yang menjual barang dengan harga yang berpatutan. Jika ada kedai yang menjual dengan harga yang tinggi, jangan beli. Seperti ada seorang Yang Berhormat kata yang dia menanam cili dan lain-lain tanaman, semua itu kita boleh buat – kita boleh tanam di rumah sendiri dan apabila kita ada barangan itu, harganya dengan sendiri akan turun. Jadi kekuatan ada pada tangan pengguna dan kita menggunakan kekuatan kita jika harga barangan dinaikkan sewenang-wenangnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya minta maaf, saya hendak ke belakang sedikit, iaitu isu penjualan barang haram, halal dan percampuran barangan ini. Terima kasihlah Timbalan Menteri menyatakan ini bukan sahaja sebagai suatu kesalahan malah ini satu dosa. Oleh kerana itu kita juga ingin merakamkan tahniah kerana sampai berapa ribu 74,000 lawatan telah dibuat.

Saya hendak bertanya, apakah suatu bentuk hukuman yang khusus, yang harus dikenakan kepada pesalah ini kerana perkara ini telah pun berlaku berulang kali dan ia akan berulang lagi. Salah satu daripada cadangan yang Sabak Bernam ingin buat ialah, bolehkah atau tidak mereka yang melaporkan tentang perkara ini akhirnya diberikan satu insentif hadiah. Mungkin ini boleh membantu pihak penguat kuasa. Terima kasih.

Datuk S. Veerasingam: Tuan Pengerusi, itu adalah satu cadangan yang kita boleh kaji. Selain daripada itu, Akta Perihal Dagangan 1972 (*Trade Description Act 1972*) dengan izin, jika didapati salah, kalau perseorangan ia boleh didenda sebanyak RM100,000; kalau badan-badan, boleh didenda sebanyak RM250,000 atau boleh dipenjara selama dua tahun – denda RM100,000 atau dipenjara selama dua tahun. Jadi ini adalah tindakan-tindakan di bawah akta yang sedia ada dan kita mintalah ... yang mustahak sekali ialah kerjasama untuk menghapuskan gejala ini. Jika ada bukti, harap laporkan kepada kementerian ataupun menelefon talian-talian terus supaya kita dapat membanteras masalah ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun lagi, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: Sedikit sahaja, sedikit sahaja Timbalan Menteri. Terima kasih. Setakat ini dengan peraturan ataupun dengan denda yang sedemikian, setakat manakah penguatkuasaan ini telah dilaksanakan? Umpamanya berapakah pihak yang telah didenda RM100,000, RM200,000 dan penjara. Saya anggap ini sebagai penting kerana hebahan ini akan menghindar pihak-pihak lain, insya-Allah daripada melakukan kesalahan ini. Terima kasih.

Datuk S. Veerasingam: Tuan Pengerusi, kes-kes yang kita bawa ke mahkamah, mahkamah akan menentukan dendanya. Jadi tadi ada saya sebut lebih kurang 70 kes telah dibawa ke mahkamah dan mahkamah akan menjatuhkan hukuman mengikut akta. Yang saya sebut itu RM100,000, RM250,000 adalah yang tertinggi sekali. Jadi terpulang kepada mahkamah berapa denda yang diputuskan. Berapa ramai yang telah didakwa ataupun berapa banyak yang telah didenda, saya tidak ada maklumat itu. Jika perlu saya boleh beri maklumat itu secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu telah menyentuh tentang kenaikan harga barangan yang sudah saya jawab tadi. Satu lagi perkara yang beliau sebut ialah mengenai tidak ada penguatkuasaan akta kawalan harga tetapi kita sudah ada akta, Yang Berhormat. Akta yang diguna pakai ialah Akta Kawalan Harga 1946, begitu lama, kita menggunakan akta itu. Apabila seseorang melakukan kesalahan menjual barangan melebihi harga yang ditetapkan, ia boleh dikenakan denda sebanyak RM15,000 atau dipenjarakan selama dua tahun ataupun kedua-duanya sekali. Biasanya kita boleh kenakan kompaun juga. Baru-baru ini 40 orang telah dikompaun, dalam tiga empat hari ini, kerana menjual barangan tidak mengikut syarat yang ditetapkan.

Yang Berhormat bagi Jerai telah menyebut tentang barang-barang halal dan siapa yang mengeluarkan sijil "Halal". Tanggungjawab ini telah diberi kepada JAKIM. Hanya JAKIM yang boleh mengeluarkan tanda "Halal". Pada satu masa dahulu ada lebih daripada satu pihak yang mengeluarkan tanda "Halal", maka ia menimbulkan banyak masalah. Jadi sekarang hanya JAKIM sahaja yang boleh mengeluarkan tanda "Halal" dan ada beberapa syarat yang dikenakan oleh JAKIM sebelum logo "Halal" boleh dikeluarkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sentuh tadi soal barang produk dari negara jiran, Thailand contohnya. Mereka juga ada mengeluarkan tanda “Halal”, jadi bagaimanakah perjanjian antara kerajaan dengan kerajaan ataupun agensi kerajaan ini berhubung dengan pengeluar-pengeluar di Thailand untuk memastikan bahawa barang yang mereka pasarkan di negara kita ini betul-betul halal dan barulah dikeluarkan tanda “Halal”, sebab kita tengok di mana-mana sahaja – supermarketkah, pasar raya ataupun kedai-kedai kecil ada dijual barangan berupa ikan sardin, sotong dan sebagainya, yang Made in Thailand tetapi “Halal” katanya. Minta pandangan.

Dato’ S. Veerasingam: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, berkaitan dengan perkara ini memang kita sedar tentang masalah itu. Sesiapa sahaja yang import barang-barang dari luar negara, kalau dia ingin sebut bahawa barang itu adalah barang halal, dia mesti pastikan barang itu barang halal. Kalau dia jual barang yang tidak halal tetapi tulis di situ barang halal, kita boleh mengambil tindakan atas undang-undang yang sedia ada.

Maka berkaitan dengan perkara ini kita telah ada perbincangan dengan pemborong yang membawa barang dari luar negara dan kita telah minta supaya mereka memastikan bahawa barang-barang yang mereka beli itu adalah sebenar-benarnya halal. Kalau orang ramai was-was tentang barang-barang yang dijual, jangan beli barang itu. Ini juga terpulang kepada pengguna sendiri, kalau was-was jangan beli, tetapi yang mustahak sekali di sini adalah bahawa kementerian akan terus memantau seperti kata Yang Berhormat bagi Kinabatangan tentang barang-barang yang datang dari luar negara, kalau ada logo halal, kita juga boleh minta kerjasama daripada JAKIM untuk menentukan barang-barang itu halal dan pengimport dari luar negara boleh dapat satu lagi tanda daripada JAKIM.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam....

Dato’ S. Veerasingam: Jika tidak ada tanda JAKIM, itu bermakna benda itu tidak halal. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam dan Batu Pahat bangun.

Dato' S. Veerasingam: Siapa bangun dahulu?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Dato' S. Veerasingam: Okey, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Walaupun saya bukan seorang Islam, tetapi saya memang prihatin tentang isu halal. Saya tidak tahan bila melihat daging yang tidak halal dicampur dengan daging ayam yang dikatakan halal. Kita berjiwa kemalaysiaan. Kita kena lihat perkara ini sebagai satu perkara yang serius kerana negara kita berazam menjadi satu "*halal hub*" di dunia.

Jadi, tentang perkara ini saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah tindakan secara spesifik terhadap mereka yang mencampuradukkan pengendalian daging khinzir dengan daging ayam yang berlaku baru-baru ini, apakah impak daripada gejala atau insiden ini dan apakah pemantauan ataupun adakah jawatankuasa *ad hoc* dibentuk untuk membendung perkara ini kerana ini adalah satu isu negara. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat kerana begitu prihatin. Memang semua Ahli Parlimen prihatin juga tentang perkara ini. Sebenarnya jika seseorang buat macam itu, dia adalah seperti saya kata tadi, dia adalah seorang yang tidak bertanggungjawab, dia juga berdosa walau dari mana-mana agama kalau dia buat begitu.

Jadi, bukan sahaja kita dengar perkara itu, kita juga ada dengar bahawa ada orang yang campur daging kambing dengan kerbau sebab daging kambing dijual sehingga RM15 dan daging kerbau RM7, dia campur dua dan jual sebagai daging kambing. Ini adalah perkara yang memang salah kerana dia hendak cari keuntungan sahaja, dia tidak fikir tentang perasaan...

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [Bangun]

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: [Bangun]

Dato' S. Veerasingam: Nanti dahulu, saya habiskan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, bagi dia habiskan dahulu.

Dato' S. Veerasingam: ...perasaan orang yang menganut agama itu. Maka, kita semua sama-sama bertanggungjawab dalam hal ini jika perkara ini berlaku dan kalau dapat tahu, buat aduan terus kepada kita supaya kita boleh mengambil tindakan. Kita di kementerian memang serius. Memang kita ingin mengambil tindakan kerana ini adalah satu perkara yang kita tidak boleh benarkan berlaku kerana kita mahu menjadikan negara kita sebagai satu negara "*halal hub*" bagi produk-produk halal untuk dijual ke seluruh dunia.

Kalau kita ada orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang sedia membuat apa-apa untuk mencari keuntungan, kita perlu mengambil tindakan dan salah satu tindakan ialah kita batalkan lesen-lesen mereka supaya mereka tidak dapat mengeluarkan benda-benda lagi.

Serupa macam cetak rompak juga, kita telah berbincang kalau siapa-siapa yang kita dapati mengeluarkan bahan cetak rompak, kita boleh batalkan terus lesen itu supaya mereka tidak boleh masuk dalam industri ini lagi. Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, jangan...

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Minta penjelasan. Tadi soalan saya, yang berdosa ini sebenarnya dihukum semasa di akhirat. *[Disampuk] [Ketawa]* Tetapi saya hendak tahu apakah tindakan undang-undang yang ada sekarang, siapa yang bertanggungjawab untuk mendakwa mereka di mahkamah dan bagaimana pula hukuman yang boleh dikenakan? Itu sahaja soalnya. Berdosa ini mungkin di akhirat baru kita rasa.

Seorang Ahli: Cantik, cantik, cantik.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: *[Bangun]*

Dato' S. Veerasingam: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya sudah jawab soalan ini. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' S. Veerasingam: Tadi saya sudah jawab soalan itu, nanti *refer* balik kepada *Hansard* boleh dapat jawapan. Saya sudah sebut bahawa tindakan di bawah Perihal Dagangan 1972 di mana kita boleh denda sebanyak RM100 ribu untuk perseorangan dan RM250 ribu untuk syarikat-syarikat dan juga boleh dipenjarakan dan kita telah dakwa lebih 70 kes dan telah dibawa ke mahkamah dan kita akan terus mengambil tindakan. Bagi pihak kementerian, saya bagi jaminan. Kita juga begitu

serius tentang perkara ini iaitu penjualan barang-barang halal. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Pahat, Yang Berhormat.

Dato' S. Veerasingam: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Fasal apa, "*halal hub*" lagi? [Ketawa] Cukuplah, Yang Berhormat. Janganlah berpanjangan, pindah ke isu lain.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Tidak panjang, tidak panjang. Cuma saya hendak menyentuh sedikit tentang Yang Berhormat bagi Kinabatangan yang menyatakan bahawa pemasaran ataupun pengimportan barang-barang makanan dari Thailand dan kita ada juga akta-akta yang tertentu. Cuma soalan saya, siapakah yang memantau? Siapakah yang memastikan penghasilan dari Thailand tadi itu ialah yang halal sebenar-benarnya?

Kalau kita berharap kepada yang mengimport, mereka boleh men"*declare*"kan berbagai-bagai dan juga apabila dapat maklumat daripada Yang Berhormat bahawa kita sudah ada akta, saya cuma hendak dapat kepastian berapa ramai yang telah dikenakan tindakan. Sekian, terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Pengerusi, itu pun saya sudah jawab tadi, sudah ada dalam jawapan saya. Jadi, kalau kita ulang-ulang perkara yang sama...

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Kalau sudah jawab, saya tidak tanya.

Dato' S. Veerasingam: ...perkara yang lain saya tidak dapat jawab. Hanya daripada yang...

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Saya tanya Thailand.

Dato' S. Veerasingam: Thailand pun tadi Yang Berhormat bagi Kinabatangan sudah tanya tentang Thailand. Tentang siapa yang mengawasi, Tuan Pengerusi, sebenarnya kita ada pegawai-pegawai JAKIM seramai 75 orang yang saya sebut tadi termasuk daripada penguatkuasaan, kita sama-sama akan menguatkuasakan. Jadi, benda dari Thailand, yang mengimport adalah tanggungjawab *importer* ataupun pemborong yang beli barang itu. Kawal seliaan ataupun *enforcement* dilakukan oleh JAKIM dan kementerian saya dan apabila melihat barang-barang itu tidak seperti yang disebutkan, kita mengambil tindakan atas pemborong. Jadi, ini adalah satu kebiasaan yang berlaku dan saya juga telah memberi jaminan bahawa kita akan teruskan penguatkuasaan.

Ini bukan bermakna Kementerian saya tidak menjalankan tugas atau JAKIM tidak menjalankan tugas, kita begitu serius menjalankan tugas untuk menentukan barang-barang bukan halal dijual sebagai halal.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' S. Veerasingam: Kita ada syarat-syarat dan kita akan menggunakannya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pindah ke tajuk lain.

Dato' S. Veerasingam: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam...

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [*Bangun*]

Dato' S. Veerasingam: Ada yang lain daripada perkara itu?

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' S. Veerasingam: Okey.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Pengerusi, sedikit sahaja, sedikit sahaja. Walaupun sebelah sana diam, tetapi ini tentang tanda halal. Tanda halal ini saya terima kompelin ada macam-macam bentuk, ada yang putih, ada yang hitam, ada yang hijau, ada macam bulan, macam-macam. Jadi, adakah Kementerian memandangi ini sebagai satu perkara yang serius dan ada tanda yang lebih standard supaya orang ramai tahu dan orang ramai yakin dan akhirnya orang di luar Malaysia dalam dunia ini yakin bahawa Malaysia ini betul-betul sebagai "*halal hub*". Terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, itu hal yang semua boleh terima adalah tanda JAKIM. Kita mesti ada tanda JAKIM bila kita membeli barang-barang halal.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam telah sebut tentang hak cipta dan beliau juga sebut tentang kutipan royalti. Ada dua kumpulan yang diberi konsortium itu untuk kutip royalti, bukan PPM sahaja. PPM dan MACP, satu untuk menjaga *performance*, dengan izin, *sound recording* dan lain-lain dan satu lagi menjaga semua filem-filem. Jadi, ada kutipan royalti.

Kalau ada sesiapa tidak bersetuju dengan kutipan royalti itu boleh buat aduan kepada Tribunal Hak Cipta di bawah PHIM iaitu Perbadanan Harta Intelekt Malaysia yang telah pun dijalankan selama dua tahun ini dan mereka bersama-sama dengan PPM dan MACP mengadakan ini supaya orang yang melibatkan diri dalam industri seperti penyanyi kita, penghibur kita, pelakon kita, seniman kita, semua ada dapat pulangan daripada apa yang mereka labur. Sebab itu kita ada hal ini, tetapi ini adalah

infancy stage, dengan izin, bukan seperti Amerika Syarikat dan lain-lain negara yang begitu lama. Jadi, bila ada apa-apa kesilapan, kita boleh betulkan. Jadi, mereka yang buat aduan, kita akan mengambil tindakan macam kedai kopi tadi. Kedai kopi ada lagu-lagu, kita juga mengambil tindakan. Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Dato' S. Veerasingam: Ya.

Ir Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya menyebut MACP dengan PPM sekali mungkin tidak dicatat tadi. Ini apa yang disebut tribunal itu sebenarnya tribunal hak cipta ini, mereka ini tugasnya untuk mempertimbangkan satu kadar yang berpatutan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pemansuhan secara mutlak yang saya anggap tadi kedai kopi. Kedai kopi itu penting kerana dia meletakkan TV dan radio, dahulu kerajaan mengutip RM24, sekarang rakyat di bawah pimpinan Barisan Nasional kita mansuhkan, tetapi kena bayar pula kepada PPM atau MACP saya rasa itu ada satu yang tidak adil. Orang mempersalahkan kerajaan, itu saya meminta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk S. Veerasingam: Tuan Pengerusi, satu masa dahulu, bila kita tidak ada TV semua kita pergi ke kedai kopi kita tidak menonton TV dan lain-lain. Tetapi sekarang menjadi fesyen semua kedai kopi mengadakan TV, ada *wrestling* dan seperti itu sehari penuh, tetapi yang pemegang *copyright* di Amerika Syarikat dan lain-lain juga berkata bagaimana kita membenarkan benda mereka digunakan tanpa bayaran *copyright*. Jadi, ini menjadi satu masalah kepada kerajaan, mereka meminta mengapa kita tidak melaksanakan ataupun menguatkuasakan akta ini. Tetapi seperti kata Yang Berhormat tadi kalau orang mati dan membawa semua, itu tidak perlu bayar.

Ada pengecualian juga di beberapa peringkat dalam badan itu. Jadi, jika sesiapa merasa mereka tidak patut membayar itu, mereka boleh membuat secara tulisan kepada tribunal dan tribunal boleh mengambil tindakan dan itu akan menjadi muktamad. Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat, saya hendak membuat satu cadangan dan pandangan kepada kementerian berhubung dengan simbol ataupun lambang 'halal' ini iaitu terdapat bermacam-macam lambang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu sudah habis Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak, berbalik sedikit, saya hendak mencadangkan kepada kementerian, sebab ini perlu. Saya ingin menyarankan kalau boleh kementerian dengan pihak JAKIM, Jabatan Perdana Menteri membuat satu perbincangan iaitu kalau boleh benda-benda halal ini hendaklah mengikut *bar coding*. Jadi kalau kita was-was di *supermarket* ada komputer yang dibekalkan oleh Jabatan Perdana Menteri, JAKIMkah. Jadi, kita periksa, kita *cursor* benda ini. Kalau dia keluar simbol yang dibenarkan, maka dia halallah kita tidak was-was lagi.

Sebab ini betul-betul mengelirukan, jadi kalau boleh Yang Berhormat membawa Pasca Kabinet membincangkan perkara ini. Jadi, mungkin dapat menyelesaikan masalah kita, terima kasih Yang Berhormat.

Datuk S. Veerasingam: Terima kasih Yang Berhormat. Kita mengambil cadangan yang baik itu untuk dibincangkan selanjutnya. Satu lagi perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam adalah berkaitan dengan pindah milik kepada nama syarikat-syarikat, maka ini adalah satu perkara yang kita sedang bincangkan di kementerian dan ini telah dibawa ke pasca dan pegawai-pegawai sekarang sedang mencari jalan bagaimana kita boleh membantu.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan berkenaan dengan pendaftaran syarikat. Tempoh pendaftaran syarikat apabila tamat dan kepunyaan syarikat sudah lalai atau gagal untuk memperbaharunya. Setelah diketahui kemudian maka beliau hendak memperbaharunya tetapi pendaftaran itu telah dibatalkan dan kementerian boleh memberi pembaharuan ini tetapi dengan nombor syarikat telah ditukar. Walaupun ini kelalaian tuan punya kedai tetapi ini menyulitkan kerana kedai itu mesti ada *DO delivery order*, ada *voucher*, ada *invoices*, ada akaun bank dan lain-lain.

Jadi, jikalau nombor syarikat yang lama telah dibatalkan yang diberi satu nombor syarikat yang baru, ini akan menyulitkan. Bolehkah Yang Berhormat juga

membawa perkara ini supaya nama syarikat, nombor syarikat dikekalkan. Polisi insurans nyawa pun ada satu bulan *grace period*. Jadi, saya berharaplah ini juga ada satu *grace period*.

Datuk S. Veerasingam: Tuan Pengerusi, memang ada *grace period*, bukan satu bulan, lebih dari satu bulan. Apabila pembatalan telah berlaku mereka boleh membuat permohonan untuk memperbaharui, tetapi oleh sebab pembatalan sudah dimasukkan kita semua sudah *computerizekan*, maka yang nombor baru itu mesti di bawah sekali, bukan di atas kerana syarikat itu adalah di atas nama baru. Jadi, perkara ini pun telah dibawa kepada perhatian menteri kita, dan kita sedang berbincang bagaimana kita boleh mengatasi masalah. Barangkali kita gunakan nombor yang sama tetapi kita tulis di sana 'A' 'B' atau 'C' supaya berbeza daripada syarikat pertama yang telah dibatalkan itu.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam juga telah menyebut tentang menjual kereta kepada agen dan kemudian agen tidak membayar kepada *finance* kerana dia mengisi borang yang tertentu. Ini adalah satu kesilapan bagi pihak penjual juga, apabila dia menjual keretanya, dia perlu mengisi borang penuh dan menentukan semua kaedah diselesaikan. Kalau dia mengisi dan sain sahaja dan memberi borang kosong, apa-apa boleh berlaku. Kes seperti ini ada melebihi 40 kes yang telah dibawa kepada perhatian kita di bawah Akta Sewa Beli 1967. Mereka mesti mengisi borang yang penuh dan setakat ini 78 kes pelbagai kesalahan telah diambil oleh kementerian bagi tahun ini sahaja.

Pihak kami mengalu-alukan sebarang aduan mengenai perkara ini agar tindakan terus dapat diambil jika ada perkara seperti ini berlaku. Sebagai seorang pengguna beliau juga boleh membawa ke tribunal kalau dia tertipu, kalau kurang daripada RM25,000 dia boleh membawa perkara ini kepada tribunal. Selain daripada itu beliau juga boleh melaporkan kepada kementerian dan juga boleh mengambil tindakan mahkamah, kalau kos itu lebih tinggi.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang telah menyebut tentang tempat penjualan arak. Yang lain-lain semua saya telah jawab. Beliau juga menyebut bahawa Ahli-ahli Parlimen yang lain tidak menimbulkan perkara ini kerana kita tidak membenarkan orang Islam mengambil arak. Itu semua Ahli-ahli Parlimen tahu dan mereka boleh didakwa di bawah undang-undang syariah. Yang kedua, kita

melesenkan hanya tempat-tempat tertentu untuk menjual arak kerana kita ada bukan Islam dan juga kita ada melebihi 13 juta pelancong yang datang ke negara kita.

Jadi, kerajaan memang sedar dan sentiasa mengawal seperti di Kelantan juga mereka mengeluarkan lesen, sebab kita ada bukan orang Islam yang juga tinggal di Kelantan. Berkaitan dengan itu beliau juga menyebut tentang..

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Mengenai arak apa yang saya bangkitkan tadi lesen itu, memang sama-sama mengeluarkan lesen tetapi lesen arak ini dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, cuma lesen premis yang dikeluarkan oleh negeri masing-masing. Apa yang saya persoalkan ialah pengawalan tempat minuman itu. Macam di Kelantan selain daripada kita membenarkan juga orang-orang yang bukan Islam minum tetapi dia tidak mempamerkan tempat minum itu supaya kalau kita pamerkan terbuka di tempat yang bebas, maka orang Islam yang dahulunya ketagih arak, maka dia akan terasa semula apabila melihat arak di depan matanya.

Sebab itu kita membuat satu bilik yang tidak boleh dilihat oleh orang Islam. Dengan yang demikian kalau di Kuala Lumpur secara terbuka misalnya kita pergi di Bukit Bintang umpamanya, kita pergi ke Bangsar, kita tengok yang mana bercampur semua sekali, sebelah sini meja orang minum arak, orang yang tidak Islam, di sebelah sini orang Islam. Jadi, orang yang biasa minum arak dia akan terasa ketagih itu akan kembali semula. Sebab itu kalau boleh kita *control* sedikit. Kita bukan hendak menyekat tetapi sekurang-kurangnya dalam keadaan Islam Hadhari ini kita mengurangkan sedikit. Itu maksud saya.

Datuk S. Veerasingam: Terima kasih Yang Berhormat. Satu lagi perkara Yang Berhormat bagi Rantau Panjang sebut adalah tentang barang-barang di mana kenaikan harga dan beliau berkata pengeluar iaitu orang miskin yang menjadi petani dan cara-cara lain mereka bila mendapat sedikit keuntungan.

Ini sebenarnya, apa yang saya sebut tadi, kalau dia belanja RM10 ribu, dia perlu dapat balik RM10 ribu. Kalau dia dapat balik RM5 ribu sahaja, dia rugi begitu banyak. Misalnya macam harga cili, bulan September RM2.35 sen, keluar di ladang, petani menjual. Pemborong pula jual pada harga RM3.53 sen, dan peruncit menjual RM5.01 sen. Bagi 7 hari bulan Oktober, di ladang pula, iaitu petani menjual RM3.99

sen, pemborong yang membeli RM3.90 sen, jual RM5.22 sen dan peruncit pula jual RM6.75 sen. Jadi, kenaikan harga itu peratusnya tidak besar, mereka menjual supaya mereka dapat sedikit keuntungan. . Ini adalah cara yang sama untuk benda-benda lain juga.

Yang Berhormat bagi Rantau Panjang juga sebut tentang ROC – berapa banyak syarikat yang didaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia? Sebanyak 661,785 ribu yang berdaftar dengan ROC ataupun Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Ini adalah syarikat-syarikat *limited companies* yang dibubarkan dalam tahun 2003. Dibubarkan bukan kerana menjadi muflis, kerana mereka tidak berfungsi lagi atau mereka lama tidak hantar laporan syarikat mereka, jadi kita ambil tindakan untuk tutup. Tahun 2003 sahaja kita sudah tutup sebanyak 3,924 syarikat. Bagi 2004 setakat ini kita telah tutup sebanyak 1,009 syarikat.

Berkaitan dengan berapa ramai bumiputera yang menjadi muflis dan lain-lain perkara. Saya tidak ada angka dengan saya. Jadi, kalau Yang Berhormat perlu saya boleh beri angka-angka itu secara bertulis.

Yang Berhormat bagi Sri Gading juga sebut tentang makanan halal yang kita telah pun bincang panjang lebar. Hanya satu sahaja yang tertinggal iaitu talian terus yang kita ada, di mana aduan boleh dibuat kerana kenaikan harga dan lain-lain. 1800886800 – saya ulang talian terus aduan 1800886800. Jadi, unit aduan yang kita ada, 0322748276. Bilik Gerakan – ini adalah waktu pejabat, juga kita boleh hantar aduan kita, 0340437888, 0340436888. Jadi, aduan boleh dibuat supaya kita boleh mengambil tindakan.

Yang Berhormat bagi Kapit juga sebut tentang *consumerism* dan harga barang-barang yang saya telah jawab. Dia juga sebut tentang penjualan minyak di Kapit. Saya akan bincang perkara ini supaya Petronas terus memberi sumbangan mereka kepada masyarakat di Kapit supaya mengadakan stesen Petronas untuk menjual minyak kepada penduduk-penduduk Kapit. Yang Berhormat bagi Rembau juga telah sebut tentang kenaikan harga dan beliau juga telah mencadangkan supaya kita adakan satu jawatankuasa pengguna.

Untuk pengetahuan semua Yang Berhormat tiap-tiap daerah ada jawatankuasa pengguna yang dipengerusikan oleh pegawai daerah dan ahli-ahlinya adalah termasuk Ahli Yang Berhormat, Ahli Parlimen dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri dan beberapa orang kenamaan supaya mereka boleh menganjurkan kursus-

kursus dan juga boleh memberi tahu kepada orang ramai tentang penggunaan dan hak-hak pengguna, dan lain-lain gejala berkaitan dengan beberapa perniagaan di mana mereka boleh membantu kita. Kita juga ada satu jawatankuasa menyelia harga barang-barang di seluruh negara. Setakat ini kita ada lebih kurang 15,000 ahlinya. Mereka, semasa perayaan-perayaan akan memantau harga bagi kementerian dan mereka akan melaporkan supaya harga-harga yang ditetapkan dijual dengan harga yang telah ditetapkan itu.

Yang Berhormat bagi Larut telah sebut tentang.....

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Krai bangun, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tahu, tadi Yang Berhormat kata ada ditubuhkan jawatankuasa pengguna di tiap-tiap Parlimen.

Dato' S. Veerasingam: Tiap-tiap daerah.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Ya?

Dato' S. Veerasingam: Tiap-tiap daerah.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Tiap-tiap daerah. Sejauh manakah jawatankuasa ini berfungsi? Tadi ada saya tanyakan pernah atau tidak, pegawai-pegawai yang kecil di daerah ini, disertakan dengan jawatankuasa pengguna untuk memantau harga-harga barang. Dari segi talian tadi saya syorkan supaya ditulis besar-besar di pejabat daerah supaya dapat rakyat menghubungi dengan lebih baik. Terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, nasihat itu akan diambil kira dan kita boleh pameran nombor-nombor ini di tiap pejabat daerah untuk tindakan.

Yang Berhormat bagi Larut sebut tentang cetak rompak masih berleluasa dan beliau juga sebut tentang kakitangan penguat kuasa yang diancam. Saya rasa ini berlaku baru-baru ini di Pulau Pinang, di mana seorang pegawai dipukul semasa beliau menjalankan tugas dan pada masa itu seorang wanita, pegawai kita yang ada di situ, dia pegang orang itu dari belakang dan tarik dia dan kemudian pegawai itu pun menyerang balik orang yang telah memukul dia. Jadi ini adalah satu kejadian.

Saya berharap kejadian seperti ini tidak berlaku, kerana semua pegawai menjalankan tanggungjawab mereka. Cetak rompak ini menjadi satu masalah yang besar. Kita disebut sebagai “*top 20 trading nation in the world*”, kita begitu gembira. Tetapi kita juga disebut berkenaan dengan cetak rompak sebagai “*top three nation in the world*” yang melibatkan diri dalam cetak rompak. Tuan Pengerusi, ini adalah satu perkara yang kita berasa malu kerana disebut sebagai “*top three in the world*”. Jadi, kita sentiasa mengambil tindakan. Kita telah membuat beberapa banyak tangkapan – masih dijalankan. Macam Puteri Gunung tadi, yang disebut Puteri Gunung Ledang. Sehari, dua sebelum gambar itu keluar, *tape* sudah keluar.

Ada seorang *producer* jemput saya untuk menonton satu wayang Tamil, saya sampai sana, dia beri saya satu *tape*, hari pertama. Saya fikir *tape* itu, bagi sebab hadiah, rupa-rupanya *tape* itu cetak rompak. Dia kata, wayang saya belum ditayangkan, cetak rompak sudah keluar. Apa yang berlaku kebiasaannya VCD dikeluarkan barangkali sebulan atau tiga bulan sebelum sesuatu wayang ditayangkan. Sudah ditayangkan satu atau tiga bulan, baru dikeluarkan VCD yang sah.

Jadi, apa yang berlaku, yang dibuat secara cetak rompak dia keluarkan sebelum atau pada hari semasa. Jadi, orang ramai yang beli, dia sanggup bayar wang yang dikenakan supaya dia boleh tengok cepat di rumah.

Datuk Ronald Kiandee: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Beluran, bangun.

Dato’ S. Veerasingam: Jadi, yang mustahak sekali – sekejap, Tuan Pengerusi. Yang mustahak sekali ialah pengguna di sini. Pengguna menentukan, jangan beli cetak rompak itu. Apabila kita beli cetak rompak:

- (i) kita juga menjatuhkan imej negara; dan
- (ii) kita menjejaskan perindustrian itu.

RM20 juta untuk gambar itu. Kalau keluar sebagai tiruan itu ataupun cetak rompak, industri itu jatuh, kerana banyak orang lain tidak akan melabur dalam industri itu sehingga industri itu boleh hancur. Ada *producers* dari India datang jumpa saya, dia kata, dahulu dia ada buat gambar 160 lebih, sekarang sudah jadi 64 kerana cetak rompak. Begitu banyak mereka rugi, mereka tidak boleh mengeluarkan lagi. Jadi, mereka pun mengadu supaya kita membanteras masalah ini. Oleh itu kita sama-

samalah, kalau ada Ahli Parlimen dia masuk kedai, tengok ada cetak rompak, boleh beritahu kepada kita.

Cetak rompak ini biasanya di dalam ada satu nombor – dalam filem itu, VCD atau CD itu ada satu nombor. Itu menunjukkan di mana ia dikeluarkan. Dia orang padam nombor itu dengan *ink* dan mereka menjual CD itu. Kalau kita dapat itu – kadangkala kalau kita dapat nombor itu, kita boleh tahu mesin mana ia dibuat dan kita boleh mengambil tindakan untuk menutup kilang yang mengeluarkan benda itu. Kerajaan memang serius tentang perkara ini.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [*Bangun*]

Datuk Ronald Kiandee: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih, Timbalan Menteri. Pembeli VCD haram ini, sama ada dia membeli di kedai atau di pasar malam, dia cuma *the third line offender, second line offender, third line offender*, ataupun *fourth, fifth line offender*. Tetapi *the main culprit* - dalam pengeluaran VCD haram ini, *is the manufacturer*.

So, dalam usaha kerajaan saya rasakan bahawa tumpuan harus pergi kepada ini, *the root cause is the manufacturer*. Saya senang hati dengar Timbalan Menteri bahawa dalam VCD/DVD ada kod pengilang ini. Saya rasakan bahawa setelah begini lama sekian lama penguatkuasaan kementerian dijalankan tentulah sekarang ini ada *clue* tentang *factory* mana yang terlibat di dalam pengeluaran VCD haram, daripada kementerian sendiri.

Masalahnya, tumpuannya kementerian harus menumpu kepada *factory* dan saya sarankan agar langkah dan pendekatan yang lebih agresif dilakukan terhadap pengeluar ini, *this is the first line offender* dalam kes pengeluaran VCD haram dan saya yakin bahawa pengalaman lebih 10 tahun yang ada, 20 tahun yang ada di kementerian-kementerian dan penguatkuasaan yang rapi tentulah masalah ini akan dapat diselesaikan ke *root causenya* dan bukan ke atas pembeli-pembeli hiliran atau *third, fourth line offender*. Terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita sedar tentang perkara ini, Tuan Pengerusi. Kalau pengguna tidak beli, tidak ada pengeluaran, itu satu. Yang kedua, kita memang cari yang mengeluarkan untuk

mengambil tindakan dua, empat atau lima syarikat yang kita telah tangkap setakat ini dan telah dibawa ke mahkamah dan sedang mengambil tindakan.

Baru-baru ini pun kita telah menangkap satu syarikat di mana mereka ada lebih 1 juta VCD. Kita tangkap syarikat yang besar, jadi sesiapa sahaja kita tidak kira dia ada *support* di belakangnya, siapa sahaja kita dapat maklumat kita mengambil tindakan kerana ini boleh menjejaskan negara kita, kita perlu dan kita tidak mahu disebut sebagai sebuah negara yang mengeluarkan barang-barang cetak rompak dan tiruan sahaja, maka kita perlu mengambil tindakan tegas supaya kita boleh mengatasi masalah ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' S. Veerasingam: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini kita pun nampak Malaysia ini sudah lebih kurang *top* dalam soal-soal negatif seumpama ini sehingga kita boleh mencecah sehingga angka nombor tiga di seluruh dunia, pengeluar bendar-benda VCD dan sebagainya yang haram yang ditiru. Kalau kita nombor tiga mengeluarkan dengan *patent* sendiri, saya rasa kita lebih banyak untung.

Persoalan yang saya ingin tanya iaitu pada satu ketika kerajaan telah memutuskan harga VCD atau DVD ini dikawal tetapi sampai satu tahap ia tidak dilaksanakan. Jadi, mungkinkah polisi ini bertukar menteri, lain polisi, lain dasarnya dan sehingga kita menghadapi senario yang sama iaitu VCD haram dan sebagainya. Kalau harga ini dikawal, saya tengok kilang macam mana pun dia keluar haram ini kalau harga yang *original* dengan yang palsu ini sama, orang pilih yang *original*. Jadi apakah kementerian sudah bersedia untuk menghadapi harga yang baru ini supaya tidak lagi kita memerangi gejala seumpama ini. Baru-baru ini rakyat Malaysia ditangkap di Sri Lanka lagi, bikin VCD yang sama, ini rakyat Malaysia. Terima kasih, minta penjelasan.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Pengerusi, jika kita *control* harga VCD di Malaysia, ini bukan bermakna mereka tidak akan menjual VCD-VCD di Sri Lanka, Londonkah atau di tempat-tempat lain. Saya sudah sebutkan tadi, apabila satu tayangan gambar dikeluarkan, VCD hanya keluar sebulan atau tiga bulan selepas tayangan itu. Jadi pengguna enggan melihat ataupun menonton wayang itu pada

masa yang dikeluarkan. Jadi apa sahaja harga kita kurangkan, VCD haram tidak boleh dihapuskan kerana dia akan terus menjual barang itu sebab ada pengguna yang hendak menonton wayang itu sebelum ianya dikeluarkan secara benar, itu masalah besar kita.

Di luar negara pun serupa, sampai tayangan wayang dikeluarkan di Amerika Syarikat dia punya *hard copies* sudah sampai ke Malaysia kita sudah buat dia punya cetakan dan kita hantar ke luar negara. Begitu pandai peniaga-peniaga yang melibatkan diri dalam perkara ini kerana ini adalah *billion-dollar business*, bukan satu juta, dua juta, sebab itu mereka sanggup buat apa-apa dan kerajaan juga mesti terus mengambil tindakan supaya kita dapat membanteras kegiatan ini. Kegiatan ini kita perlu bantuan daripada semua pihak seperti kata Yang Berhormat tadi, *we have to go to the root cause of the whole team, the people who are involved in the industries, who are doing it we catch them*, kita *cancel* dia punya lesen, dengan izin, Yang Berhormat. Ini adalah satu perkara yang memang kita akan mengambil tindakan terus dan Yang Berhormat daripada.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat? Panjang lagikah?

Dato' S. Veerasingam: Sedikit sahaja, sudah habis. Yang Berhormat bagi Larut juga telah menyentuh tentang *direct selling*. Tuan Pengerusi, dalam *direct selling* kita memberi lesen kepada *direct selling*, syarikat-syarikat kita telah beri lebih 400 syarikat yang berlesen. Mereka memberi kad tertentu kepada pengedar mereka, ada nombor, ada *IC number* semua.

Jadi yang pergi ke kedai-kedai yang menjual barangkali bukan daripada syarikat-syarikat jualan langsung, mereka boleh beli barang-barang dari satu tempat menggunakan budak-budak kecil untuk menjual barang-barang di kedai-kedai kopi dan tempat-tempat lain. Ini adalah satu kesalahan kerana ada juga ramai budak-budak di bawah umur yang membuat perkara seperti ini. Jadi ini adalah juga masalah yang kita perlu membanteras tetapi bagi *direct selling* yang berlesen mereka ada menjalankan perniagaan yang baik.

Kementerian saya selalu memantau, perniagaan itu pada tahun 2003 sahaja telah menghasilkan sebanyak RM4.3 bilion dan kita juga ada syarikat-syarikat bumiputera yang berwibawa sekarang yang boleh menjual barang-barang mereka ke antarabangsa juga dan kita berharap lebih ramai akan mengambil bahagian dan

melibatkan diri dalam *direct selling*. Setakat ini ada lebih kurang 2 juta orang yang menjadi pengedar yang juga menggunakan *direct selling* sebagai karier mereka.

Satu lagi cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat adalah sistem SMS untuk membuat aduan, ini adalah satu cadangan yang baik yang kita boleh kaji.

Yang Berhormat bagi Tuaran juga telah sebut tentang *Intellectual Property* dan bagaimana kita boleh bantu orang-orang kampung dan lain-lain supaya mereka boleh *patent* produk mereka. Ini juga adalah satu perkara yang kita sedang bincang bagaimana kita boleh bantu bukan sahaja orang-orang kampung yang tidak ada cukup kewangan untuk *patentkan* produk mereka, bahkan juga budak-budak sekolah yang boleh hasilkan barang-barang yang boleh *dipatent*, kalau ada budak-budak seperti itu ataupun penduduk-penduduk kampung yang perlu bantuan, kita akan mencari jalan untuk membantu mereka untuk *patent* produk mereka.

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tuaran, Yang Berhormat.

Dato' S. Veerasingam: Sila.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Cadangan yang saya beri tadi ialah bagi kerajaan untuk mewajibkan kepada *bio-prospectus*. Apabila mereka masuk kampung untuk mencari katakan di sini *traditional medicine* ataupun *medicine plant*, mereka hendaklah membawa orang kampung juga dan mesti ada *agreement*, mesti ada perjanjian di antara kerajaan *bio-prospectus* dengan orang-orang kampung dengan menyatakan supaya orang kampung ini akan mendapat manfaat daripada penemuan nanti. Itu yang saya cadangkan tadi, terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Itu adalah satu cadangan yang baik, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Ledang juga sebut tentang harga barangan dan beliau juga sebut tentang cetak rompak dan tentang tayangan wayang Puteri Gunung Ledang, itu saya sudah jawab tadi. Jadi seramai 11 ahli-ahli telah mengambil bahagian dalam perbahasan dalam Jawatankuasa ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka.....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam bangun, Yang Berhormat.

Dato' S. Veerasingam:, Okey, *last!*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Akhir sekali, saya hendak tanya, sebenarnya saya memegang di tangan saya sebuah majalah yang saya beli semalam. Tajuknya '*Sensasi Lelaki*', hal-hal yang di dalam ini banyak berkaitan dengan perempuan. Sebenarnya saya tidak akan baca sebab ia agak sensasi, gambar pun sensasi.

Saya hendak tahu, saya hendak buat aduanlah pada dasarnya, siapa yang mengeluarkan permit ini dan adakah pihak yang menapis penerbitan seperti ini. Sebab kita rujuk kepada Kementerian Penerangan nampaknya katanya pihak lain. Kepada Komunikasi - pihak lain, kepada Pelajaran - pihak lain. Jadi dalam majlis ini oleh kerana ini pun ada kaitan dengan pengguna. Ini santapan rohani, intelek dan mungkin emosi, yang baca boleh jadi *emotional*. Jadi itu penerangan saya, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Terima kasih Yang Berhormat kerana begitu prihatin. Sebenarnya kementerian yang bertanggungjawab adalah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri kerana mereka mengeluarkan permit, walau bagaimanapun sebagai pengguna, Yang Berhormat ada hak untuk melaporkan perkara ini kepada kementerian saya supaya kita boleh meninjau perkara ini.

Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM213,761,800 untuk Maksud B.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM213,761,800 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM11,431,500 untuk Maksud P.25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM11,431,500 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2005.

**Maksud B.26 [Jadual] -
Maksud P.26 [Anggaran Pembangunan 2005] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.26 dan Kepala Pembangunan P.26 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi terbuka untuk di bahas. Ledang.

3.31 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus menjurus kepada Butiran 60000.

Pertamanya Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita sedia maklum, kementerian yang berkaitan dengan koperasi ini telah pun ditubuhkan sejak zaman Tun Razak lagi. Pada masa itu, Menteri yang berkenaan ialah Allahyarham Yang Berhormat Dato' Aziz Ishak. Pada masa itu koperasi dilihat sebagai suatu badan yang penting untuk membangunkan usahawan-usahawan kecil yang merangkumi individu-individu dalam sebuah kumpulan yang besar supaya mereka akhirnya dapat bersatu dalam sebuah badan ekonomi yang akhirnya memberi keuntungan kepada mereka.

Tuan Pengerusi, pada masa itu koperasi lebih menjurus kepada soal pinjam meminjam dan sebagainya dan tidak timbul soal hendak melabur dalam ekonomi besar. Tetapi sekarang suasana sudah berubah. Kita telah pun melampaui tempoh 30 tahun. Tetapi koperasi pada hari ini masih lagi umumnya tidak menunjukkan suatu tahap kejayaan yang kita nanti-nantikan. Buktinya ialah Tuan Pengerusi, kita tidak ada lagi gedung koperasi, tidak ada pasar raya seperti Carrefour, Giant dan Makro yang diwujudkan atau ditubuhkan oleh Koperasi. Tidak ada Menara Koperasi, ini kita hendak ukur dari segi yang nyata, yang ada di hadapan mata, bukan di atas kertas, tidak ada Menara Koperasi ada jugalah yang di Kampung Baru itu, KOBENA, tidak menjadi. *[Ketawa]* Tidak ada jutawan koperasi, tidak nampak di hadapan kita dan tidak ada juga syarikat-syarikat besar, GLC dan sebagainya, syarikat-syarikat yang disenaraikan di BSKL yang berasaskan koperasi, tidak ada, belum wujud lagi. Lebih malang lagi syarikat-syarikat yang selama ini besar tidak pun berusaha untuk bercantum, menjadikan Koperasi sebagai anak syarikat dan akhirnya menguntungkan orang ramai.

Tuan Pengerusi, saya melihat ini sebagai suatu perkara yang perlu kita fikirkan bersama dan sudah sampai masanya beberapa perkara yang akan saya sebutkan ini diberi perhatian. Banyak koperasi di kampung, di Ledang ada, saya fikir di Sipitang pun ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ada, ada Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tetapi Koperasi ini tidak ditadbir oleh mereka yang profesional, ia lebih ditadbir atau diuruskan oleh ahli-ahli jawatankuasa Koperasi itu sendiri. Mereka tidak mampu membayar gaji sedangkan sekarang ramai Tuan Pengerusi, ramai graduan dari Sipitang, dari Ledang dan lain-lain yang menganggur dalam bidang-bidang tertentu.

Jadi saya fikir mungkin sesuai dan sudah sampai masanya kementerian memberikan atau mengadakan insentif-insentif tertentu umpamanya Tuan Pengerusi, membayar gaji, pada peringkat permulaan, membayar elaun kepada graduan-graduan ini untuk berkhidmat dengan koperasi tersebut, supaya koperasi-koperasi di kampung misalnya, dapat bangun dan dapat melebarkan perniagaan mereka.

Kita juga ada teksi, lebih 8,000 di dalam negara kita, tetapi kita belum nampak satu koperasi yang berkaitan dengan teksi yang besar. Dahulu saya sebutkan tentang NGV, sepatutnya teksi sudah boleh menggunakan *Natural Gas for Vehicle*, tidak perlu menggunakan petrol, tidak perlu menggunakan diesel. Kalau koperasi ini wujud, mereka sudah boleh membina stesen-stesen gas NGV, tidaklah perlu bergantung dengan syarikat-syarikat lain dan mereka boleh menjadi gergasi koperasi yang besar di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, kalaulah segala cadangan atau segala rintihan ini difikirkan, saya tidak nampak suatu masa nanti gedung koperasi yang besar boleh diwujudkan, menara koperasi dan di sini kita mula menilai dan mula bertanya sejauh manakah peranan Bank Kerjasama Rakyat yang besar itu yang telah berjaya memberikan dividen tidak kurang dari 15%, alhamdulillah. Tetapi oleh kerana namanya Bank Kerjasama Rakyat Malaysia, mungkin sudah sampai masanya Tuan Pengerusi, mereka juga melihat koperasi-koperasi dalam negara Malaysia sebagai rakan kongsi mereka ataupun rakan bijak mereka, yang boleh mereka bangunkan bersama dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

Tuan Pengerusi, tadi saya menyebut bahawa koperasi-koperasi ditadbir oleh ahli-ahli jawatankuasa dan perkara ini tidak akan mendatangkan faedah yang besar, ia

tidak akan ke mana-mana. Mungkin sudah sampai masanya juga sesuatu undang-undang koperasi itu dirombak semula supaya pegawai-pegawai dan pengurus-pengurusnya bukan lagi di kalangan ahli-ahli jawatankuasa.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya lihat sekarang ada tiga jabatan utama yang mengambil tahu tentang koperasi. Pertama, Jabatan Koperasi itu sendiri di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Kedua, Lembaga Pertubuhan Peladang. Dan ketiga, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

Tuan Pengerusi, orang kampung pening, tidak tahulah di Sipitang. Yang ini hendak pergi ke Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, yang ini hendak pergi ke LPP, yang mana satu hendak pergi ke Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi? Katanya yang berasaskan pertanian ataupun perladangan ke LPP, mengapa tidak koperasi ini semuanya duduk di bawah Jabatan Koperasi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, barulah ada suatu keseragaman di dalam menguruskan koperasi. Menterinya pun satu, mudah dan kita ucapkan tahniah kepada menteri yang menang MKT ini.

Saya yakin di bawah satu Jabatan Koperasi, insya-Allah satu masa nanti koperasi-koperasi dalam negara Malaysia akan terbela, akan menjadi konglomerat koperasi negara Malaysia. Sekian, saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Rantau Panjang.

3.38 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ya terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak ambil bahagian sedikit sahaja, di bawah Kepala 00100 mengenai pinjaman yang diberi kepada negeri-negeri.

Di sini ditulis RM34,500,000 diberikan kepada negeri Kedah dan ada lagi tiga negeri yang telah diberi secara langsung oleh pihak Kerajaan Persekutuan melalui kementerian ini. Saya hendak tahu peruntukan sebanyak RM34,500,000 itu, apa kegunaannya di negeri tersebut? Kerana saya dimaklumkan di Kedah telah pun meminjam duit Kerajaan Persekutuan sudah lebih daripada RM1 bilion iaitu satu negeri yang paling banyak sekali hutang dengan Kerajaan Persekutuan. Tetapi nampaknya kali ini Kedah juga mendapat pemberian secara langsung sebanyak RMj34,500,000. Jadi saya ingin tahu apakah duit ini digunakan untuk kepentingan rakyat ataupun untuk

sesuatu yang tidak diketahui oleh rakyat? Jadi saya minta penjelasan dari pihak kementerian ini.

Yang kedua ialah di bawah 006002 – Maktab Rendah Sains MARA. Baru-baru ini diumumkan oleh Perdana Menteri tentang guru-guru di bawah Kementerian Pelajaran mendapat ataupun *post* baru walaupun sedikit, *post* itu ialah *post* JUSA. Kalau tidak silap saya JUSA C.

Kenapakah guru-guru yang berkhidmat di bawah Maktab Rendah Sains MARA ini masih tidak ada lagi *post* tersebut, sedangkan guru ataupun pensyarah-pensyarah yang ada di seluruh Malaysia di bawah Maktab Rendah Sains MARA ini begitu ramai, tetapi ianya tidak diberi peluang bagi *post* tersebut. Saya minta kepada kerajaan supaya memberi penjelasan mengapa perkara ini tidak berlaku dan apakah tahap guru-guru ataupun pengetua yang berada di Maktab Rendah Sains MARA ini tidak sampai kepada tahap yang boleh diberikan *post* tersebut, ataupun kerajaan hendak meragui tentang guru-guru ini, kerana sebilangan besar di kalangan guru-guru Maktab Rendah Sains MARA ini tidak menyokong kerajaan, seperti mana guru-guru di bawah Kementerian Pelajaran yang lain?

Maksud saya bukan *post* JUSA C itu di bawah Kementerian Pelajaran. Biasanya guru-guru di bawah Maktab Rendah Sains MARA ini dia ada *post* lain, misalnya *post* DG 1 umpamanya, masih tidak ada lagi di beberapa Maktab Rendah Sains MARA ini. Saya minta penjelasanlah.

Akhirnya ialah berkenaan dengan Butiran 06000 iaitu Pembangunan dan Koperasi. Ini saya minta penjelasan daripada kementerian ini, apakah nasib kepada Shamelin yang dahulunya pernah dipegang oleh seorang menteri, dan saya ingin tahu setakat ini kedudukannya sama ada sudah nazak ataupun masih berjalan seperti biasa, seperti mana koperasi-koperasi yang lain?

Demikian juga dengan kedudukan KOBENA dan saya dimaklumkan di akhir-akhir ini, iaitu di saat-saat kejatuhan KOBENA dan Shamelin ini, pemimpin politik yang memegang kedua-dua koperasi ini memainkan peranan untuk mencari pengaruh di kalangan ahli-ahli koperasi supaya menaikkan diri mereka di dalam arena politik. Sebab itulah kedudukan kedua-dua koperasi ini makin lama makin jatuh, makin lama makin jatuh, walaupun mereka yang memegang koperasi Shamelin ini juga akhirnya jatuh daripada Menteri Kabinet.

Saya minta penjelasan daripada pihak kementerian mengenai perkara ini dan kalau boleh – oleh kerana koperasi ini menjadi buah mulut kepada rakyat khususnya, kerana koperasi ini ada di merata tempat di seluruh Malaysia, tetapi “hidup segan mati tidak mahu”. Saya ingin tahu daripada kementerian ini sejauh manakah kementerian ini memainkan peranan memberi kursus pemahaman kepada mereka yang memegang jawatan dalam koperasi yang wujud di merata tempat ini, termasuk di sekolah-sekolah. Saya menyarankan supaya pihak kerajaan memberi kerjasama ataupun mencari jalan supaya di sekolah-sekolah juga ditubuhkan koperasi-koperasi ini bagi memberi ruang kepada pelajar-pelajar mengenali cara pentadbiran koperasi-koperasi ini. Jangan sampai peringkat keluar dari sekolah, bila kita dewasa barulah kita memegang jawatan di dalam koperasi dengan tidak ada pengalaman. Biarlah, kalau boleh masukkan satu subjek pengendalian koperasi ini di dalam sekolah-sekolah terutama di sekolah-sekolah menengah yang berada di seluruh Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Putatan.

3.44 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk turut membahas bagi Maksud Pembangunan P.26, Butiran 03005 - Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB); Butiran 04000 - Pusat Pembangunan Kemahiran dan Butiran 05200 iaitu menyentuh tentang Latihan Keusahawanan. Masalahnya ialah soal segulungan rakyat Malaysia yang ketinggalan jauh dalam segi ekonomi iaitu golongan yang digelar sebagai bumiputera minoriti dari negeri Sabah dan negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa wawasan negara kita ialah Wawasan 2020 yang bermisi untuk membangun negara maju. Bagaimana negara akan maju kalau segolongan rakyat yang masih mundur dan masih dalam kongkongan kemiskinan. Maksud saya rakyat kita bumiputera minoriti masih jauh ketinggalan dari segi ekonomi ini.

Saya ingin mengimbas kembali satu peristiwa apabila segolongan ahli usahawan KDN berkunjung hormat dengan Menteri Pembangunan Usahawan, bernama Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz pada 4 Januari tahun 2000, jam 8.00 malam di Hotel Hyatt, Kota Kinabalu. Apabila keluhan ditimbulkan oleh kumpulan ini kepada Yang Berhormat Menteri yang mereka itu suka

jika dapat bersaing dengan usahawan yang berbangsa lain. Maka apabila beliau mendengar hujah-hujah itu, saya tidak tahu kalau air mata beliau mengalir di pipinya, tetapi jelas beliau sungguh bersimpati dengan usahawan-usahawan bumiputera minoriti yang kecil, yang baru buka mata, yang baru cuba-cuba hendak berniaga ini, Tuan Pengerusi. Lalu mereka ini terus hanyut tenggelam dan akan mati lemas, jika mereka ini dicampur bersama dengan golongan bumiputera yang lain, misalnya usahawan-usahawan bumiputera Melayu.

Oleh itu beliau berjanji mengkaji jika golongan tersebut diberi satu *handicapping system*, dengan izin supaya mereka ini tidak ketinggalan terlalu jauh ke belakang. Pada masa yang sama juga dalam ingatan saya, beliau memuji pemilik-pemilik syarikat yang menggunakan nama-nama asli tempatan berunsur *local contact*, tetapi yang ingin bermain *global*.

Strategi kerajaan kita telah menggubal beberapa langkah bagaimana menangani soal ketidakseimbangan ekonomi antara semua rakyat jelata kita termasuklah di antara bumiputera-bumiputera di negara ini. Kita ada rancangan OPP yang digubal pada setiap sepuluh tahun, dan antara program yang diasas adalah BCIC atau MPPB dan seterusnya kita ada program pelaksanaan pada tiap-tiap lima tahun melalui Rancangan Malaysia atau RMK *during* di mana kita *delivering system* semasa itu.

Semasa ini kita dapat melaksanakan dasar-dasar kerajaan yang murni ini. Begitu jelas sekali dalam Dasar OPP3 itu - dasar kerajaan yang menyatakan kaum bumiputera minoriti juga akan turut dilindungi ke atas apa jua jenis program peningkatan ekonomi kepada semua rakyat di negara ini.

Jadi, saya tertanya-tanya dan terpisung-pisung, buku bajet yang tebal ini Tuan Pengerusi. *[menunjukkan sebuah buku]* Saya hendak cuba cari di manakah ada peruntukan khas untuk program khususnya untuk usahawan dari atas-atas bukit, di tebing-tebing sungai di Sarawak, tetapi malangnya saya tidak terjumpa. Mahupun Latihan Program Usahawan Muda Untuk Siswazah (PPUS) - saya tidak nampak.

Oleh itu Tuan Pengerusi tolonglah - kementerian harus prihatin dengan perkara ini. Malangnya, kalau Dato' Seri Mohamed Nazri ada di sini mungkin saya tanya beliau, tetapi mungkin beliau keluar sekejap. Mintalah Menteri sediakan peruntukan yang cukup, yang khusus bagi mewujudkan satu program untuk

menangani masalah kemunduran usahawan bumiputera minoriti ini terutama sekali kaum bumiputera di negeri Sabah dan Sarawak.

First and for most, panggillah wakil-wakil mereka ini berdialog bagaimana kerajaan boleh membantu. Menteri mesti boleh panggil sendiri, janganlah tunggu bila ada permohonan mahu berjumpa dengan wakil-wakil ini. Ini tugas Menteri, Tuan Pengerusi. Dia bertanggungjawab kepada rakyat dan bukan rakyat yang sepatutnya tanggung sama Menteri sepanjang masa. Tolonglah buat ini, Datuk Menteri, kalau ada. Tetapi malangnya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sahaja ada di sini. Kalau kementerian takut membantu kerana mereka ini masih ramai....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri ada Yang Berhormat. Timbalan Menteri ada mendengar.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Ada? Minta maaf, Timbalan Menteri. Maka saya bercadang buat *hand pick* dahulu. Pilih yang pandai-pandai itu dahulu, Timbalan Menteri. Latih mereka ini apa jua jenis latihan perniagaan – francais atau vendor, sebagai kontraktorkah, industri pengangkutan atau kenderaan*agro bussiness*kah latihlah mereka supaya mereka ini dapat mempertingkatkan kedayasaan mereka – supaya mereka dapat kedayataan mereka dan seterusnya kedayamaan mereka, supaya mereka ini juga dapat setanding dengan bumiputera-bumiputera yang lain, menjadi usahawan bumiputera yang berkualiti dan seterusnya dapat menerokai pasaran global, mudah-mudahan.

Mereka ini harus dibimbing, dipantau dengan ketat seketat yang boleh jangan sekali di'Alibaba'kan perniagaan mereka. Kerja disubkontrakkan, jangan diguna pakai oleh pihak parti-parti yang ketiga. Janganlah soal saya balik, sampai bila kita *spoon-feed* bumiputera ini. Jawapan saya ialah selagi Barisan Nasional memerintah kita mesti bantu bumiputera tetapi kerajaan mesti *straight* dan ikhlas dan tidak nampak kerajaan pilih kasih jikalau kita pilih segolongan sahaja tetapi kita mesti ada kepastian mereka ini betul-betul dapat berjaya sampai mereka dapat berdiri dengan dua kakinya sendiri. Kalau ia boleh berdiri dengan satu kaki, itu lebih hebat lagi, Tuan Pengerusi. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah.

3.51 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ribuan terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut bahas di bawah kementerian ini. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020100 - Pelesenan.

Perayaan akan sampai - Deepavali, Hari Raya dan Hari Krismas. Jadi setiap kali setiap tahun apabila perayaan menjelang tiba, kita akan nampak orang ramai akan berpusu-pusu balik ke kampung halaman mereka. Yang saya ingin bangkitkan adalah berkenaan bas ekspres. Semua bas dan teksi kena melalui pemeriksaan dalam enam bulan sekali kalau tidak silap saya tetapi masalahnya ialah saya hendak tahu adakah kementerian memastikan bahawa bas ekspres ini bukan sahaja ia dapat berfungsi, setiap *part* berfungsi dengan baik, ini dapat menjamin keselamatan penumpangnya tetapi juga keadaan dalam bas tersebut.

Saya amat terkejut, Tuan Pengerusi, saya baru-baru ini naik satu bas ekspres dari Ipoh ke Kuala Lumpur. Keadaan bas ekspres itu begitu teruk sekali. Mungkin ahli-ahli sana tidak naik bas ekspres lagi, semua ada pemandu tetapi pihak saya sini dan orang ramai. Ini adalah yang dialami oleh orang biasa yang tidak ada pangkat macam Ahli Parlimen dari Barisan Nasional. Satu, berbau bas ekspres itu selepas itu kerusi tercabut, ketiga boleh nampak serangga berjalan atas cermin, kain langsir warna hitam saya rasa, asap-asap kerana *aircondnya* tidak berfungsi dengan baik. Serangga itu macam lipas kecil saya nampak. Saya rasa ini adalah amat tidak baik dan ini menjejaskan imej negara kita sebab kita boleh tahu kalau pada masa yang sama Kementerian Pelancongan cuba menarik pelancong untuk ke negara kita tetapi apabila mereka naik bas ekspres, ini keadaannya. Saya haraplah pihak kementerian akan memberi perhatian terhadap perkara ini, keadaan dalam bas ekspres tersebut.

Perkara kedua, berkenaan teksi. Saya rasa perkara ini telah banyak kali, berulang kali dibangkitkan dalam Dewan. Kita nampak teksi-teksi banyak di hadapan Mid Valley, banyak di hadapan Puduraya, di hadapan hotel-hotel *five-star*, KL Sentral juga. Teksi-teksi ini semua tak hendak gerak, sebab apa? Dia hendak tunggu penumpang yang rela adakan *bargain* dengan dia.

Saya dimaklumkan salah seorang Ahli Parlimen kita di sini, dia naik teksi dari Kuala Lumpur Hotel hendak pergi Petaling Jaya dia kata RM30. Jadi perkara ini jangan kata saya hanya bangkitkan dalam Dewan, saya pernah tulis kepada pihak

Lembaga dan memberi nombor kenderaan teksi-teksi yang tidak bertanggungjawab ini. Saya pernah tulis dan jawapannya ialah “Kami akan ambil tindakan. Terima kasih”.

Kalau pihak kementerian hendak orang ramai memberi kerjasama sekurang-kurangnya beritahu kita apa tindakan yang telah diambil. Kita boleh nampak bas-bas ekspres dan teksi ada nombor aduan SMS 39900 kalau tidak silap Yang Berhormat bagi Larut, betulkah? Saya pernah SMS, saya kata bas ini asap hitam, apa nombor bas. Jawapan yang saya terima balik, dia kata salah format, itu *message* kata salah format, kena tulis LPKP kah, UiTM kah, UTM kah.

Jadi kalau hendak kita bekerjasama biarlah dengan jelas, jangan hanya tulis nombor aduan SMS apa-apa. Kenalah dengan terang, kalau hendak format yang betul, biar tulis dengan betul di atas papan notis itu yang dilekatkan di atas setiap kenderaan pengangkutan awam ini. Jadi kita tidak akan membazirkan wang dan juga kita boleh nampak pihak kementerian ada ambil tindakan. Apabila kita dimaklumkan pihak pemandu teksi itu telah digantung lesen, baru kita akan rasa yang memang pihak kementerian ada membuat kerjanya dan kita akan lebih rela dan sanggup bayar untuk SMS ini untuk bekerjasama dengan pihak kementerian.

Masalah sekarang ini, walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada kata kurangkan *red tape*, panggil kita semua e-mail kepada pihak Jabatan Perdana Menteri, yang punya orang hendak nampak apakah hasilnya. Biar satu jawapan balik bukan hanya tindakan sedang diambil dan kadang-kadang tidak ada surat, tidak ada jawapan. Jadi bagaimana kita ada keyakinan bahawa pihak kementerian memang hendak perubahan, hendak membaiki ke atas masalah yang timbul di bawah kementerian.

Perkara ketiga ialah berkenaan tiket bas. Saya percaya ini pihak kementerian juga boleh ambil perhatian selain daripada pihak yang mengendalikan Hal Ehwal Pengguna. Ini berkenaan bas ekspres. Ini juga pengalaman sendiri, Tuan Pengerusi. Saya melaluinya dengan sendiri, ini ialah pengalaman. Kalau kita naik bas, kalau kita ke kaunter menjual tiket, kita pergi dia akan tunjuk “Ini syarikat A”, dia bagi tiket selepas itu dia beritahu tunggu dekat mana dan pukul berapa. Bila bas itu datang bukan naik bas syarikat A tetapi naik bas syarikat B.

Saya bagi contoh, dia bagi tiket RM11.30 sen dari Ipoh ke Kuala Lumpur. Bila kita naik bas itu, bukan naik bas syarikat A walaupun beli tiket syarikat A, naik bas itu selepas itu ada seorang pegawai akan datang dia tukar tiket pula. Dia tukar tiket bas

ke syarikat B yang telah kami naik dan di atas tiket itu dia tulis *discount* RM1. Sebenarnya yang kami bayar ialah RM11.30 sen tidak ada *discount*.

Saya percaya syarikat-syarikat bas ini hendak bekerjasama, mana dan pukul berapa dan yang mana bas itu tidak penuh hendak ambil penumpang dari syarikat ini tetapi jangan tolak beban itu ke atas pengguna. Kalau naik bas dari Ipoh ke Muar, RM35, bila kita naik atas bas dia tukar tiket, atas tiket tulis RM31.50 kalau saya tidak silap. Saya haraplah pihak kementerian.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagan bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ini berkenaan dengan ekspres bas. Apabila kita naik ekspres bas sepatutnya dia jalan *highway* dari Kuala Lumpur hingga ke Butterworthkah, dari Butterworth ke Kuala Lumpurkah, dia patut jalan di lebuh raya tetapi suka-suka dia masuk kampung-kampung untuk singgah makan. *Driver* dapat makanan percuma, minuman percuma, tambahan dua kotak rokok. Jadi ini atas beban penumpang-penumpang. Adakah Yang Berhormat juga akan mendesak kerajaan menyiasat perkara ini?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat bagi Bagan, saya harap pihak kementerian ambil perhatian perkara ini.

Satu lagi perkara terakhir, Tuan Pengerusi, ialah dia kata tiket bas ini pukul 10.00, bila kita kejar bas 9.45 kita sampai bas belum sampai, selepas itu pukul 10.05 bas sampai dah tetapi semua penumpang sudah naik dalam bas, dia tidak jalan. Kita tunggu sampai 10.30 dia masih tidak jalan. Itu hari saya naik dari Ipoh ke Kuala Lumpur dia tunggu sampai 10.45 sebab dia hendak penuhkan bas, sebab dia ada jual tiket kepada penumpang yang naik bas pukul 10.30 Jadi *we have been short-changed*, dengan izin.

Saya haraplah pihak kementerian ambil perhatian perkara ini. Saya bukan hendak menghukum mana-mana atau pemandu bas, saya tahu kenaikan petrol, kenaikan petrol tak ada naik gaji, tak ada naik bonus. Ini adalah amat menyulitkan

pendapatan mereka. Jadi saya haraplah biar kita lebih bertanggungjawab. Saya mohon penjelasan kepada apa yang saya bangkitkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *[Bangun]*

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: *[Bangun]*

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa Ramai?

Tuan Lim Hock Seng: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *[Mengira Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangun]* 1, 2, 3, 4, 5, 6. Okey Tebrau, sila.

4.01 ptg

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya hendak membahaskan tajuk 020100 – Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung.

Tuan Pengerusi, di dalam kawasan bandar, khasnya kawasan taman-taman kediaman yang baru selalunya tidak diliputi oleh perkhidmatan bas awam. Penduduk-penduduk di situ terpaksa menaiki teksi sekiranya ada keperluan ke pusat bandar dan sebagainya. Percubaan telah dibuat untuk menghubungi syarikat bas supaya boleh mereka juga membekalkan perkhidmatan kepada kawasan-kawasan yang tidak diliputi oleh bas awam. Tetapi alasannya ialah kawasan-kawasan itu bukan kawasan lumayan. Mereka tidak mendapat keuntungan yang cukup untuk membiayai perkhidmatan itu.

Saya cadangkan dalam melesenkan kenderaan perdagangan khasnya bas awam, perlu mensyaratkan syarikat-syarikat bas awam supaya mereka juga dikehendaki meliputi kawasan-kawasan taman-taman kediaman yang kini tidak diliputi oleh perkhidmatan bas awam.

Ini adalah penting untuk golongan penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah kerana mereka tidak memiliki kenderaan peribadi. Sebenarnya syarikat bas ini boleh merancang dan menyediakan strategi untuk menyerap kos membekalkan perkhidmatan kepada kawasan yang kurang lumayan sekiranya mereka sanggup

berbuat demikian. Saya harap kementerian dapat memberi perhatian kepada masalah-masalah yang sedia ada ini.

Yang kedua, saya ingin menyentuh Butiran 050000 – Pembangunan Usahawan. Kita sedia maklumat bahawa kerajaan menyediakan rumah kos rendah dan rumah kedai kos rendah untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah. Dalam hal membekalkan rumah kedai kos rendah ini sering saya menerima aduan bahawa harga rumah kos rendah itu terlalu tinggi.

Misalnya di Johor, rumah kedai kos rendah itu berharga RM150,000. Harga ini dianggap terlalu tinggi bagi orang-orang miskin yang ingin memulakan perniagaan kecil khususnya bagi golongan generasi muda yang berminat untuk menguji kebolehan mereka untuk berniaga secara kecil-kecilan. Ini adalah perlu diberi perhatian jika boleh, harga rumah kedai kos rendah itu boleh diturunkan sehingga mungkin RM100,000 sahaja. Sungguh pun harga ini ditetapkan oleh kerajaan negeri tetapi memang saya berharap kementerian dapat memberi perhatian memujuk kerajaan negeri memberi kemudahan kepada golongan miskin dan golongan mungkin generasi muda supaya mereka berpeluang untuk mencuba berniaga secara kecil.

Segala perniagaan yang besar-besar itu, bermula dari perniagaan kecil-kecilan. Kalau kita tidak memberi kemudahan kepada orang-orang yang berminat berniaga macam mana kita hendak menghasilkan atau memberi peluang, memberikan latihan kepada golongan rendah yang sanggup mencuba mencapai kejayaan dalam perniagaan.

Dalam usaha mewujudkan bakal usahawan oleh kementerian ini, saya harap perkara ini perlu diberikan perhatian dan tindakan yang sewajarnya diambil untuk memberi peluang kepada orang-orang yang ingin berniaga.

Perkara yang ketiga, saya ingin menyentuh ialah di bawah Butiran 020400 – Pusat Khidmat Kontraktor. Kita dapati banyak kontraktor yang mengendalikan projek-projek kerajaan khasnya di bawah PBT didapati tidak berkebolehan. Kita dapati mereka sentiasa tidak dapat menyiapkan projek-projek pembangunan itu mengikut jadual. Ini telah menjejaskan projek-projek pembangunan kerajaan.

Saya ingin minta penjelasan dari kementerian apakah syarat-syarat yang dikenakan bagi pendaftaran kontraktor kerja untuk memastikan kontraktor-kontraktor yang didaftarkan betul-betul berkeupayaan dan berkebolehan. Adakah kementerian juga memantau tentang prestasi melaksanakan projek-projek yang diamanahkan, dan

jika ada apakah tindakan yang diambil untuk kontraktor-kontraktor yang telah disenaraihitamkan kerana berulang kali tidak dapat menyiapkan projek-projek yang diamanahkan.

Kontraktor-kontraktor yang sering kali atau berulang kali tidak dapat menyiapkan kerja projek pembangunan mengikut jadual itu seharusnya tidak akan diberikan peluang untuk mengendalikan projek-projek kerajaan. Ini adalah penting kerana kontraktor-kontraktor yang tidak berkebolehan telah menjejaskan imej kerajaan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan. Sekian, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Setiap Ahli berucap lima minit. Larut.

4.07 ptg

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak mengambil bahagian dalam P.26 dalam Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi di bawah butiran 00604 – Institusi Kemahiran MARA (IKM) dan 00602 – Maktab Rendah Sains MARA (MRSM).

Pertama saya hendak mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kementerian berkenaan di bawah kepimpinan bekas menteri dan juga Ahli Parlimen Padang Rengas yang telah pun meluluskan satu projek yang dikira yang pertama di negeri Perak iaitu Institusi Tinggi Kemahiran MARA menelan belanja RM80 juta di kawasan Parlimen saya yang dicadangkan di Bukit Beliat, di Hulu Selama yang telah pun dipecahkan tanahnya pada masa pilihan raya yang baru lalu yang boleh menempatkan kira-kira 3,000 orang pelajar yang menelan belanja sebanyak RM80 juta yang mana projek ini adalah untuk peringkat diploma.

Masalahnya, setelah kementerian bertukar tangan, kami penduduk-penduduk kawasan Parlimen Larut tertunggu-tunggu kerana kontraktor telah pun dipilih dan telah pun dilantik dan pecah tanah telah pun dibuat. Kenduri pun telah diadakan. Jaminan telah pun diberikan oleh bekas menteri yang lalu.

Masalahnya ialah apa telah terjadi kepada projek ini? Kerana saya sendiri sering kali dengan kontraktor yang berkenaan. Bahkan perkara ini juga telah

dibangkitkan beberapa kali di peringkat atasan pihak MARA kerana projek ini dijadualkan boleh mengambil dengan izin *intake* pertama pada tahun 2007. Saya berharap kementerian berkenaan terutamanya Timbalan Menteri orang Perak kebetulan ada di sini dapat memberi satu penjelasan yang positif. Takkanlah bila menteri bertukar tangan, projek pun bertukar tangan. Sedangkan perkara ini sudah dicanangkan, sudah diumumkan, sudah diadakan majlis, kerana ini adalah janji pilihan raya.

Saya yakin dan percaya ianya akan diteruskan, cuma saya ingin tahu kedudukan sebenarnya Institut Tinggi Kemahiran MARA ini, kerana ini adalah satu-satunya projek pendidikan di kawasan Parlimen Larut, sebuah kawasan luar bandar yang amat ketinggalan dari segi projek pembangunan. Saya berharap dengan adanya projek ini, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Menteri yang lalu akan membuka satu era baru, pembangunan baru di kawasan Parlimen Larut dan juga di kawasan-kawasan yang berhampiran, terutamanya kawasan saya ini bersempadan dengan kawasan Menteri Penerangan iaitu Kulim-Bandar Baharu, jadi saya minta sangatlah satu penjelasan daripada pihak kementerian tentang kedudukannya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung, ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, sikit lagi. Projek ini, selain daripada projek MRSM yang juga telah pun diumumkan baru-baru ini di kawasan saya, juga dicadangkan di Parlimen Selama. Jadi saya berharap dapat satu penjelasan daripada pihak kementerian tentang kedudukan perkara ini. Sekian terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Aman.

4.03 ptg.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 020400 - Pusat Khidmat Kontraktor. Pada amnya Tuan Pengerusi, saya memang puas hati dengan Pusat Khidmat Kontraktor, nampaknya mereka ada pejabat yang tersusun, yang ditadbir dengan baik di Kuching dan juga di Medan MARA, kalau saya tidak salah. Tetapi saya masih ingin merayu dan mencadangkan beberapa polisi PKK ini hendaklah diubahsuai, ditukar oleh kerana saya mewakili komuniti masyarakat yang masih belum begitu berkecimpung dalam bidang perniagaan, dan saya nampak mereka menghadapi beberapa kesusahan.

Yang pertama, pejabat. Masyarakat saya masyarakat Iban, masyarakat Dayak kita tidak ada budaya berniaga. Jadi tidak ada pejabat di pekan, kalaulah mereka minta untuk didaftar sebagai kontraktor Kelas 'F', saya rasa apa salahnya kalau mereka menggunakan pejabat di rumah panjang mereka - itu tidak menyusahkan siapa-siapa.

Yang kedua, ada juga sekarang sekatan satu pejabat tidak boleh digunakan oleh tujuh, lapan syarikat untuk Kelas 'F', ini mereka menggunakan pejabat sebagai alamat sahaja, apa salahnya kalau kita bagi kelonggaran supaya mungkin 10 orang yang hendak cuba mendaftarkan sebagai kontraktor Kelas 'F' berkongsikan pejabat itu.

Seterusnya mereka mesti menunjukkan bahawa mereka ada wang dalam simpanan sebanyak RM5,000.00 - itu juga saya rasa menyusahkan kerana ini *presuppose* dengan izin, ini minta mereka ada wang dulu baru berniaga. Kalaulah mereka berbaik dengan orang yang sudah maju, mungkin orang yang sudah maju nanti kalau mereka ada projek kecil untuk kontraktor Kelas 'F', dapat membantu mereka dan seterusnya apabila minta tambah bidang juga memakan masa. Kadang-kadang mereka ini, mereka tidak tahu apa yang harus mereka buat, jadi mereka pilih satu, dua ataupun tiga bidang. Tetapi setelah mencuba bidang-bidang itu mereka rasa lebih selesa dengan bidang-bidang lain. Pada masa sekarang perkara permohonan tambah bidang itu memakan masa yang begitu panjang dan selepas itu mengenai pembaharuan lesen. Kadang-kadang apabila hendak membuat pembaharuan memakan masa begitu lama juga dan apabila pemilik syarikat itu hendak mengambil bahagian dalam urusan sebut harga ataupun tender mereka tidak boleh, tidak dapat mengikut urusan itu, oleh kerana masa lesen itu sudah luput.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh satu perkara lagi, ini saya rasa adalah satu kes yang *isolated*, tetapi ia adalah bagus untuk renungan kita semua. Pada tahun yang lepas saya ada seorang kawan yang mengadu kepada saya, beliau ibu tunggal berkongsi syarikat dengan anak beliau nama Syarikat Nizam Bersaudara alamat 111 Kampung Hulu, Sri Aman, nama anak beliau Nizam Shamat dan nama ibu tunggal ini Johara binti Zain. Apabila hendak minta tambah bidang untuk berkecimpung dalam urusan membuat jalan kampung, beliau ditemu duga di Kuching, tetapi pegawai yang menemu duga beliau ini membelasah beliau dengan perkataan-perkataan yang menghina mengatakan, beliau bodohlah tidak tahu apalah, tidak tahu itulah, tidak tahu ini, jadi beliau sudah tidak ada *confident* lagi.

Jadi, kelmarin dan tadi juga saya telefon beliau, saya tanya, “Adakah kamu cuba mendaftarkan syarikat kamu lagi?” Kata beliau.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Jimmy Donald: “Saya tidak dapat berjumpa dengan pegawai itu, saya tidak ada *confident*, saya rasa hendak ‘mampus’ bila saya tengok pegawai”. Jadi kata saya, “Pegawai itu dari mana?”, dia kata, “Pegawai itu perempuan dari Kelantan”, tetapi itu tidak ada hal, tetapi hal dia yang besar kepada saya ialah saya rasa sikap yang begini dari pegawai kita tidak harus wujud pada masa sekarang, kerana kita ini semua telah diisi dengan nilai-nilai yang murni, dengan diminta bersopan santun, diminta berkhidmat dengan rakyat dan saya harap Pengarah PKK ini orang yang baik, orangnya baik dia selalu membantu kita semua. Jadi saya rasa hendaklah diadakan satu lagi kursus supaya pegawai-pegawai yang di hadapan ini memang diisi dengan nilai murni, dengan sopan santun dengan akhlak yang mulia supaya mereka .

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukup.

Tuan Jimmy Donald: Untuk membantu rakyat kita di Malaysia khususnya Sarawak, Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Kedah.

4.06 ptg.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala kedah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin turut bersama membahaskan Kepala Bekalan B.26, P.26 - Program enam dan tujuh Butiran 050000; Butiran 060000 dan Butiran 01500.

. Tuan Pengerusi, bekalan kepada kementerian yang kita bahaskan pada hari ini adalah salah satu kementerian yang sangat penting dalam mencapai Dasar Ekonomi Baru dan umum mengetahui bahawa Dasar Ekonomi Baru, baru mencapai 18.7% ekuiti bumiputera dan umum juga mengetahui banyak bantuan dan pertolongan daripada kerajaan sudah diberikan kepada usahawan-usahawan bumiputera dan juga koperasi-koperasi yang berlindung di bawah kementerian ini.

Masalahnya ialah walaupun dibantu, tetapi koperasi-koperasi dan juga usahawan-usahawan bumiputera ini masih lagi bertongkat dan tidak mahu melepaskan tongkat mereka, mereka tidak dapat membantu diri mereka sendiri setelah dibantu oleh kerajaan. Akibatnya usahawan-usahawan ini telah dihantui oleh kerugian yang besar dalam urusan perniagaan mereka dan akhirnya gulung tikar.

Masalahnya dan persoalannya ialah, adakah kementerian membuat apa-apa kajian berkenaan dengan masalah ini. Mengapa mereka gulung tikar? Apakah kementerian sendiri memantau masalah mereka berkenaan dengan prestasi dan juga hala tuju mereka. Saya pun ingin mencadangkan dalam Dewan ini supaya kementerian mengkaji sedalam-dalamnya masalah usahawan-usahawan bumiputera dan juga koperasi-koperasi yang bermasalah ini, selepas mereka dilatih dan dibantu mereka juga hendaklah dipantau sehinggalah mereka benar-benar berjaya dan mampu untuk berdaya saing di dalam dunia yang mencabar ini, dalam globalisasi ini dan mampu bertahan dalam masa kemerosotan ekonomi dunia. Kajian ini kalau kementerian boleh lakukan dapat membantu kerajaan dan juga membantu usahawan-usahawan bumiputera dan juga koperasi.

Saya juga mencadangkan supaya koperasi-koperasi dan usahawan-usahawan bukan sahaja dibantu dari segi material tetapi dilatih dan juga diberi kewajipan untuk dimasukkan ke dalam latihan-latihan yang diwajibkan oleh kementerian kerana semasa memberi bantuan modal dan juga apa-apa pertolongan daripada pihak kementerian, saya cadangkan supaya satu klausa dimasukkan ke dalam perjanjian di antara kementerian dengan usahawan-usahawan dan juga koperasi-koperasi. Ini supaya mereka boleh diwajibkan untuk turut sama dilatih supaya mereka boleh berdaya saing dan hidup sendiri dalam dunia yang penuh mencabar ini.

Satu lagi masalah yang saya ingin utarakan dalam perbahasan ini ialah berkenaan dengan program TEKUN. Program ini saya dapati di kawasan saya terlalu ramai orang yang mendapat bantuan TEKUN RM2,000 hingga RM3,000 seorang dan masalahnya ialah bantuan program TEKUN ini pinjaman yang telah diberikan kepada mereka ini telah disalahgunakan. Tidak banyak penerima-penerima daripada pinjaman TEKUN ini yang menggunakan pinjaman-pinjaman mereka untuk berniaga tetapi sebaliknya menggunakan perbelanjaan mereka untuk kegunaan harian.

Akibatnya, di kawasan saya beratus-ratus orang yang menerima bantuan TEKUN ini telah dihujani dengan surat-surat untuk menuntut balik hutang daripada pihak yang berkenaan, daripada TEKUN. Tetapi mereka ini sebenarnya banyak juga yang daripada kalangan muda-mudi yang cuba berniaga ada yang menggunakan hanya untuk membeli *handphone* dan sebagainya, menyalahgunakan bantuan ini.

Jadi, saya ingin menyarankan dan mencadangkan kepada kementerian supaya kementerian mengkaji dahulu ciri-ciri dan juga syarat-syarat yang patut dikenakan

kepada orang-orang yang akan menerima bantuan pinjaman daripada TEKUN. Dengan itu pihak TEKUN boleh memastikan bahawa jumlah wang rakyat yang begitu banyak dikeluarkan kepada penerima-penerima TEKUN ini boleh digunakan dan tidak membazirkan wang rakyat dan memberi hasil kepada membantu usahawan-usahawan kecil.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Hashim bin Jahaya: Tuan Pengerusi, menggulung perbahasan ini saya memohonlah supaya kementerian ini membuat kajian di dalam pelbagai aspek usahawan bumiputera dalam pencapaian dasar ekonomi baru yang dibantu oleh kementerian ini, masalah-masalah koperasi dan juga masalah-masalah pemberian pinjaman TEKUN ini dikaji secara terperinci dan apabila hasil kajian itu diperolehi, saya haraplah supaya kementerian ini dapat membincangkan sesama sendiri dan juga dengan profesional-profesional yang ada, dengan Dewan Perniagaan Melayu dan sebagainya supaya masalah ini dapat diatasi dengan sebaik mungkin untuk kesejahteraan rakyat semuanya di Malaysia ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Jahaya: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sabak Bernam.

4.24 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sabak Bernam ingin menyentuh Maksud B.26 Butiran 050100, 050200, 050300. Jadi Sabak Bernam ingin merakamkan tahniah kepada kementerian ini yang banyak melahirkan usahawan. Kejayaan itu harus ada *indicatomya*, oleh kerana itu Sabak Bernam mencadangkan supaya satu buku panduan kejayaan usahawan ini disediakan yang akan merekodkan usahawan peringkat IKS, usahawan kelas menengah dan juga usahawan peringkat atas. Itu perkara yang pertama.

Perkara yang keduanya ialah Sabak Bernam sangat menyokong usaha untuk mewujudkan program usahawan muda di peringkat sekolah-sekolah. Sungguhpun demikian pihak Sabak Bernam ingin juga melihat usahawan peringkat sekolah ini apabila menjadi belia mereka itu juga diatur ataupun diberikan bantuan untuk

mendapatkan kerjaya di peringkat masing-masing kerana pada ketika ini sangat ramai belia kita yang walaupun menerima kursus ataupun terlibat dalam kursus usahawan muda ini, begitu juga dengan kursus usahawan mereka masih belum mendapat pekerjaan.

Perkara yang seterusnya ialah melibatkan Butiran 00608. Banyak cerita kejayaan, tidak kurang juga cerita kegagalan. Oleh kerana itu Sabak Bernam ingin memberikan pandangan agar kejayaan dan kegagalan ini juga dikaitkan dengan pegawai. Jadi maknanya kalau satu projek itu gagal maka kita anggap pegawai itu juga gagal. Maka dia harus diambil tindakan sewajarnya.

Perkara yang keempat, projek TEKUN. Program ataupun dana TEKUN ini telah pun dibawa masuk ke Sabak Bernam kira-kira tiga bulan yang lalu. Kalau mengikut janji pegawai TEKUN sebelum bulan puasa ini maka bantuan ataupun dana pinjaman itu akan diserahkan kepada pemohon kerana strategi yang dijelaskan daripada pengalaman TEKUN yang lalu khususnya usahawan kecil bumiputera itu apabila menjelang bulan puasa ramai yang berjaya dalam keusahawanan ini.

Yang akhir sekali ia melibatkan 00611 di mana pihak MARA ataupun pihak kementerian telah pun menghantar pegawai untuk mewujudkan Pusat Giat MARA di Sabak Bernam. Jadi lawatan tapak telah pun dibuat dan Sabak Bernam berharap supaya projek ini diteruskan kerana rakyat menunggu dengan penuh harapan.

Dengan itu Sabak Bernam menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kudat.

4.27 ptg.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya untuk membahaskan Butiran 050100 iaitu Pembangunan Perniagaan di bawah Pembangunan Usahawan dan juga Butiran 020200 Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah.

Di dalam Pembangunan Perniagaan terdapat objektif yang ingin diwujudkan daripada Pembangunan Perniagaan iaitu Pembangunan Usahawan ini ialah mewujudkan usahawan bumiputera yang berdaya tahan, berdaya maju dan berdaya saing melalui program-program Pembangunan Perniagaan dan memberi khidmat nasihat dan bimbingan serta bantuan maklumat kepada usahawan dan bakal usahawan khususnya berkaitan dengan program-program Pembangunan Perniagaan.

Kita amat berbangga dengan kewujudan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan usaha-usaha yang telah dibuat selama ini. Tetapi saya ingin mencadangkan bahawa program-program Pembangunan Usahawan ini haruslah dilebarkan bukan sahaja kepada orang awam tetapi juga diberikan perhatian khusus kepada pelajar-pelajar yang belajar di universiti dan juga di institusi-institusi pengajian awam disebabkan mereka ini adalah orang-orang yang akan keluar daripada universiti dan kita dapat tahu bahawa sehingga kini masalah pengangguran adalah merupakan satu masalah yang serius.

Mengikut statistik yang terbaru bahawa terdapat 60,000 penganggur di seluruh negara dan kebanyakan daripada mereka ini adalah graduan-graduan daripada universiti sama ada daripada universiti awam atau universiti swasta. Disebabkan kebanyakan daripada mereka ini mempunyai satu expectation bahawa apabila mereka graduate daripada universiti, mereka mengharapkan untuk mendapat peluang pekerjaan. Tetapi alangkah baiknya kalau Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan juga universiti-universiti awam ini membuat satu perkongsian iaitu satu paradigm shift dalam usaha untuk membangunkan usahawan-usahawan ini ialah dengan masuk ke universiti-universiti.

Saya percaya dengan segala keupayaan yang dimiliki oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, mereka akan dapat membantu universiti untuk melahirkan usahawan bumiputera atau bukan bumiputera yang benar-benar mempunyai kemampuan dan kebolehan apabila mereka menamatkan pengajian mereka di universiti. Kita tahu bahawa universiti juga melahirkan banyak profesional sama ada mereka itu bergiat di dalam profesional seperti peguam ataupun seorang akauntan, demikian juga sebagai jurutera. Mereka ini walaupun mempunyai kelulusan profesional tetapi tidak mempunyai dari segi kemahiran keusahawanan dan juga kemampuan untuk memulakan usaha perniagaan adalah begitu kurang.

Alangkah baiknya sekiranya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi masuk ke universiti dan memberikan kursus-kursus, bukan sahaja kursus-kursus teori tetapi juga praktikal dan seterusnya membimbing mereka apabila mereka keluar daripada universiti dengan memberikan mereka bukan sahaja dari segi peluang, tetapi juga memberikan bantuan-bantuan, sama ada bantuan dari segi pinjaman selepas mereka menamatkan pengajian di universiti dan juga memberikan mereka

latihan-latihan yang mencukupi, yang membolehkan mereka menjadi usahawan yang berjaya apabila mereka tamat pengajian daripada universiti.

Jadi saya rasa ini adalah merupakan satu usaha yang perlu kerana kita mahu melahirkan usahawan yang benar-benar berilmu dan usahawan yang boleh mencapai kejayaan. Hari ini kita dapat melihat mereka hanya mengharapkan pekerjaan. Mengapa kita tidak melahirkan graduan-graduan yang mempunyai keupayaan untuk menjadi seorang pengusaha daripada mengharapkan peluang pekerjaan sahaja?

Yang kedua, seperti yang saya katakan tadi, mengenai Butiran Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah. Seperti mana yang kita tahu, Kota Kinabalu telah pun diisytiharkan sebagai bandar raya tetapi apa yang menjadi kemusykilan dan menjadi sesuatu masalah di Kota Kinabalu ini ialah dari segi kalau kita datang ke Kota Kinabalu, kita akan dapat melihat bahawa sebahagian besar daripada perkhidmatan bas di Kota Kinabalu ini adalah dilesenkan kepada mini-mini bas, dan mini-mini bas ini adalah suatu perkhidmatan yang tidak begitu efisien, sesuatu perkhidmatan yang nampaknya tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan yang baik dan tidak menggambarkan bahawa suatu pembangunan yang telah meningkat bagi sebuah bandar raya seperti Kota Kinabalu.

Jadi saya mencadangkan supaya Lembaga Pelesenan Kenderaan membuat usaha-usaha tertentu, khususnya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, untuk melihat perkara ini ialah misalnya menggabungkan kesemua syarikat-syarikat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, gulung ya.

Tuan Abdul Rahim bin Bakri: Ya, syarikat-syarikat kenderaan perdagangan ini untuk bersatu dalam satu konsortium dan menubuhkan satu syarikat kenderaan yang benar-benar berkualiti dan dapat memberikan perkhidmatan yang benar-benar efisien dan juga dapat dibanggakan oleh rakyat negeri Sabah. Saya mohon menyokong.

Ir. Shaari bin Hassan: *[Bangun]*

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanah Merah tadi ada bangunkah?

Ir. Shaari bin Hassan: *[Menganggukkan kepala]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bila saya buat keputusan, buat kiraan, Yang Berhormat ada bangun, ya?

Ir. Shaari bin Hassan: *[Mengangguk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, sila.

4.32 ptg.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas bagi Butiran 00611, 00604, 00602 bagi Program Giat MARA, IKM dan juga MRSM.

Tuan Pengerusi, kita lihat kerajaan, melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, sehingga hari ini banyak melahirkan usahawan, banyak melahirkan tenaga pakar, tenaga mahir untuk negara kita. Melalui Program Giat MARA, kita nampak seluruh negara kita, di mana-mana, di merata-rata tempat adanya Program Giat MARA dan juga IKM dan kita pasti kerajaan hari ini begitu bersungguh-sungguh untuk melatih rakyat selepas persekolahan yang mana pelajar-pelajar yang gagal ataupun kurang cemerlang di dalam peperiksaan dapat mengikuti program-program yang dianjurkan oleh kerajaan seperti Program Giat MARA, IKM dan sebagainya.

Jadi saya ingin membangkitkan satu cadangan supaya kerajaan memberi penerangan kepada pelajar-pelajar di peringkat persekolahan lagi berkenaan dengan program-program yang dianjurkan oleh kerajaan melalui Pusat Giat MARA dan juga IKM. Setelah pelajar-pelajar menghadapi peperiksaan, mereka ini telah didedahkan kepada program-program yang disediakan oleh kerajaan dan mereka ini ada matlamat untuk terus belajar selepas peperiksaan dan sekiranya mereka ini tidak mendapat keputusan yang cemerlang, sudah pasti tempat yang sudah dikhaskan ataupun tempat yang sesuai untuk mereka meneruskan pengajian telah disediakan oleh kerajaan.

Di Tanah Merah, Program Giat MARA sekarang ini telah ada tetapi keadaannya tidak sempurna kerana tempatnya disewa, suatu tempat yang agak tidak sempurna, tempat yang kecil dan saya mencadangkan kepada kementerian supaya memberi perhatian kepada Program Giat MARA di Tanah Merah supaya diberi satu tempat khusus atau tempat khas supaya Program Giat MARA ini dapat dibangunkan di Tanah Merah kerana saya pasti rakyat di Tanah Merah cukup ramai, cukup memerlukan Program Giat MARA.

Bagi Butiran 00602 – MRSM, saya difahamkan bahawa Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada tahun lepas telah mengumumkan untuk meluluskan satu Maktab Rendah Sains MARA di Tanah Merah dan saya percaya dengan Menteri baru, saya memohon supaya meneruskan kelulusan yang telah diumumkan oleh Menteri terdahulu dan saya memohon supaya program ini dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti.

Bagi Butiran 020400 – Pusat Khidmat Kontraktor, kita nampak sekarang ini bumiputera lahir, usahawan bumiputera bagi kontraktor lahir daripada Pusat Khidmat Kontraktor ini begitu ramai sekali, terutamanya bagi kontraktor Kelas 'F', dan sekarang ini kerajaan telah menaik taraf nilai kerja bagi kontraktor Kelas 'F' dari RM100,000 kepada RM200,000. Ini sudah pasti memberi cabaran kepada kontraktor-kontraktor yang baru, yang ingin menceburi bidang kontraktor dan saya menyarankan kepada Pusat Khidmat Kontraktor supaya memberi latihan yang mencukupi, lebih sedikit kepada kontraktor Kelas 'F' ini kerana tanggungjawabnya sebagai kontraktor sudah lebih, bukan sekadar untuk membaiki pintu ataupun membaiki tandas. Sekarang ini kontraktor Kelas 'F' telah didedahkan untuk membina bangunan dan juga kepada pembinaan jalan raya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung.

Ir. Shaari bin Hassan: Dan saya pasti juga sekarang ini kita telah dapat lihat bahawa limpahan kontraktor terutamanya kontraktor Kelas 'F'. Saya sarankan kepada Pusat Khidmat Kontraktor supaya mengkaji semula, supaya tidak berlaku limpahan yang melampau sehingga menjejaskan ataupun persaingan yang begitu tinggi di kalangan kontraktor dan menyebabkan ramai yang tutup kedai. Saya sekali lagi sebagai penggulangan, menyeru kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi supaya meneruskan program-program yang telah ada dan pastikan supaya mengkaji semula program-program yang telah ada ini supaya ditambah baikkan supaya dapat memberi manfaat kepada rakyat supaya dapat membangunkan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Ir. Shaari bin Hassan: usahawan bumiputera. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tuaran. Saya peringatkan lima minit ya. Harap bekerjasama ya. Lima minit.

4.38 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini bagi Butiran 060000 – Pembangunan dan Koperasi dan juga Butiran 060300 – Pembangunan Koperasi Peringkat Negeri.

Pertama sekali, saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana diberi tanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal koperasi yang telah dipindahkan daripada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dahulu. Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil perhatian kementerian tentang agenda kerajaan dalam soal transformasi pertanian.

Dalam Bajet ini kerajaan telah memberi peruntukan sebanyak RM300 juta kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, khusus untuk membantu dalam transformasi pertanian yang akan diberikan sebagai *seed capital* kepada *GLCs (Government Linked Companies)*. Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian mengkaji bagaimana koperasi-koperasi yang ada di negara kita ini akan dapat diberi juga *seed capital* oleh pihak kerajaan untuk terlibat sama dalam proses transformasi pertanian, untuk melibatkan diri dalam perniagaan tani.

Di kawasan saya, Tuan Pengerusi, terdapat banyak koperasi dan koperasi setakat ini hanyalah terlibat dalam perniagaan runcit dan saya amat yakin jika sekiranya pihak kerajaan memberi bantuan modal ataupun *seed capital* kepada koperasi-koperasi ini, koperasi ini boleh terlibat dalam pemasaran hasil-hasil pertanian. Dalam peringkat perbahasan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani baru-baru ini, hebat kita menceritakan tentang peranan FAMA, tentang kegagalan FAMA dalam pemasaran dan sebagainya, dan dalam soal ini barangkali pihak koperasi ataupun kementerian ini boleh melihat peranan koperasi dalam soal pemasaran dan juga sekali gus dalam memperbesarkan lagi kegiatan perniagaan koperasi-koperasi, sama ada di peringkat kampung mahupun di peringkat *primary cooperative* ataupun *secondary cooperative*.

Tuan Pengerusi, saya akan beralih kepada Butiran 050000 – Pembangunan Usahawan dan Butiran 03000 – Pembangunan Keusahawanan, khususnya dalam masyarakat perniagaan dan perindustrian bumiputera.

Tuan Pengerusi, saya ingin bersama-sama dengan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah menyatakan bahawa dalam Wawasan 2020, salah satu daripada cabaran

strategi kita ialah untuk mendirikan masyarakat perniagaan dan perindustrian bumiputera terutamanya.

Yang kedua, saya juga ingin bersama-sama dengan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah menyatakan bahawa dalam Dasar Ekonomi Baru, sasaran kita ialah 30% penyertaan ekuiti bumiputera dalam perniagaan dan perindustrian. Dalam hal ini, saya ingin mengambil iktibar. Saya tidak tahu barangkali yang menteri ini pun menang juga dalam Pemilihan UMNO baru-baru ini, saya baca dalam surat khabar tentang perbahasan Persidangan UMNO baru-baru ini menyatakan bahawa sepatutnya kita mengadakan pemantauan dalam pencapaian ekuiti bumiputera dalam perniagaan dan perindustrian, seperti mana Bank Negara memantau pertumbuhan ekonomi, GDP dan sebagainya.

Dalam hal ini kita sedar bahawa banyak kementerian dan agensi yang turut serta terlibat dalam membantu bumiputera dalam perniagaan dan perindustrian. Walau bagaimanapun, kementerian ini dinamakan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, tentu sekali kementerian ini adalah kementerian yang telah bertindak sebagai *lead agency*. Dalam hal ini saya ingin bertanya sama ada kementerian ini memantau setiap bantuan yang diberi kepada bumiputera dan penyertaan bumiputera dalam perniagaan dan perindustrian.

Dalam hal ini juga sama ada kementerian ini memperincikan jenis-jenis bumiputera. Ada juga jenis yang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung ya.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ya, ya, saya. Seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Putatan, bumiputera minoriti, sejauh mana penyertaan kita dalam perniagaan dan perindustrian.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini saya ingin mencadangkan kalau boleh kementerian ini membuat satu unit pemantauan di peringkat kementerian supaya kita dapat melihat bagaimana setiap program dilaksanakan, dan apakah cabaran-cabaran yang dihadapi supaya kita dapat setibanya di akhir Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga - dalam OPP3 ini, kita akan dapat mengkaji semula apakah cabaran-cabaran dan masalah-masalah yang telah kita hadapi supaya kita akan dapat mengatasi salah satu daripada cabaran Wawasan 2020, iaitu menjadikan masyarakat perniagaan dan perindustrian bumiputera.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

4.43 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam memberi pandangan, cadangan dan saranan dan juga menyentuh beberapa isu berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Terima kasih kepada 12 orang Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian sebentar tadi.

Bagi menyentuh ucapan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Ledang berhubung dengan koperasi, sememangnya kita dalam proses menyusun semula koperasi-koperasi yang ada di negara ini, kalau pada masa dahulu kita berbentuk kepada kebajikan ataupun pinjam-meminjam, kita sekarang telah pun beralih kepada koperasi *entrepreneurship* ataupun koperasi keusahawanan.

Jadi, dengan cadangan dan saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat sebentar tadi berkenaan dengan perniagaan-perniagaan, konsortium ataupun teksi yang dimaksudkan, memanglah kementerian ini menuju ke arah itu. Sebab itulah baru-baru ini dalam Dasar Koperasi Negara yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita telah pun mengubah supaya pelaksanaan koperasi dapat diurus tadbir, bukan daripada Lembaga Pengarahnya, tetapi kita boleh import daripada pakar ataupun usahawan yang memang mempunyai kebolehan dalam mengurus koperasi. Sebab itulah kita sedia dengan Maktab Kerjasama, dengan Angkasa dan sebagainya, untuk melatih ahli-ahli koperasi dan Lembaga Pengarahnya untuk menentukan koperasi kita terus berdaya maju.

Menyentuh kepada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang pun sudah tidak ada di Dewan ini. Sebenarnya kementerian tidak ada kaitan dengan guru-guru di MARA yang terlibat dengan pembangkang dan sebagainya. Sememangnya tenaga-tenaga pengajar yang ada di MRSM merupakan

tenaga pengajar yang memang menyokong kerajaan. Sebab itulah dia bekerja di MRSM yang merupakan agensi kerajaan.

Kalau dibandingkan yang mendapat JUSA daripada Kementerian Pendidikan, ia hanyalah lima orang sahaja. Persoalannya, adakah jumlah yang diperuntukkan juga akan diberi kepada guru-guru MRSM kita? Ia dalam perhatian pada masa ini.

Menyentuh perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam berhubung dengan pelancaran TEKUN di Sabak Bernam, buat masa ini kita belum pun diberi tarikh untuk pelancaran. Taklimat telah diberi dan permohonan telah pun diterima. Dijangka dalam bulan puasa ini akan kita laksanakan. Tolong ingatkan kembali kepada pihak yang berkaitan dengan TEKUN.

Menyentuh perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Kudat, membawa permasalahan latihan dan sebagainya, MARA telah pun mewujudkan usahawan dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk mewujudkan usahawan teknokrat iaitu dalam bidang ICT. MARA juga sedang menguruskan usaha sama dengan Universiti Utara Malaysia untuk mewujudkan usahawan siswazah MARA yang akan menguruskan program dan juga dengan lain-lain universiti.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya MARA dan kementerian sendiri memang pun telah mengadakan Program Usahawan Muda di peringkat sekolah lagi, dan mereka kini di peringkat sekolah-sekolah telah pun mengadakan program ataupun persatuan usahawan dan koperasi usahawan dan kita sememangnya berfokus supaya apabila kita beri latihan keusahawanan ataupun pembudayaan keusahawanan, kita beri di peringkat awal. Apa yang kita harapkan, pelajar-pelajar kita nanti akan menuju ataupun memilih bidang di universiti nanti adalah dalam bidang keusahawanan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: *[Masih berdiri]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Terima kasih tadi berkaitan dengan TEKUN. Ada dua perkara lagi yang Sabak Bernam sebut iaitu yang pertamanya berkaitan dengan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat beri laluan, duduklah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Boleh Timbalan Menteri?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Apa? Boleh, sila. .

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih. Jadi, yang pertama berkaitan dengan Buku Panduan Keusahawanan dan yang keduanya ialah berkaitan dengan Pusat Giat MARA yang telah dilawati oleh pegawai MARA. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memang pun kita telah menyiapkan dan sedang menyediakan *database* untuk tujuan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Cadangan supaya pengusaha bas mini di Sabah digabungkan kepada satu konsortium, LPKP Sabah akan cuba mengadakan sesi dialog dengan semua pengusaha bas mini untuk mendapatkan maklum balas mengenai dengan cadangan konsortium ini.

Yang Berhormat bagi Kuala Kedah menyentuh syarat-syarat pinjaman TEKUN, syaratnya Yang Berhormat untuk mendapatkan pinjaman TEKUN ialah kepada bumiputera yang berumur antara 18 ke 60 tahun, mempunyai tempat perniagaan, lesen permit daftar perniagaan, hanya satu pinjaman dalam satu masa dan pinjaman yang sedia ada melebihi RM20 ribu tidak akan diberi lagi dan pemantauan dibuat setiap minggu, dan pegawai TEKUN sememangnya meninjau dan memantau atas pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh peminjam-peminjam TEKUN.

Berhubung dengan penerangan peluang belajar di IKM dan di Pusat Giat MARA, sememangnya ceramah-ceramah dan kerjaya dibuat di sekolah-sekolah seperti yang saya sebutkan tadi. Sebarang maklumat melalui ekspo, pameran dan pendidikan juga telah kita lakukan setiap tahun dan di setiap negeri juga diadakan ekspo-ekspo bagi mendedahkan maklumat-maklumat berhubung dengan keusahawanan.

Cadangan MRSM di Tanah Merah, kita telah pun masukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan akan dibuat di Bachok. Ia akan dibuat di Bachok.

Pusat Giat MARA...

Ir. Shaari bin Hassan: *[Bangun]*

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Ir. Shaari bin Hassan: Telah diluluskan di Tanah Merah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebelum mendapat kebenaran jangan bercakap lagi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, beri laluan?

Ir. Shaari bin Hassan: Saya inginkan penjelasan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Berikan laluan ya.

Ir. Shaari bin Hassan: Saya inginkan penjelasan di mana telah diluluskan di Tanah Merah tetapi akan dibuat di Bachok, pelik sedikit itu. Buat di Tanah Merahlah. Terima kasih.

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, ini adalah cadangan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Ia akan dibuat di Bachok dan di Tumpat sahaja. Jadi, kalau Yang Berhormat hendak dibuat di Tanah Merah, boleh kita rujuk semula ke kementerian untuk kita mengetahui kesahihan yang dipohon oleh Yang Berhormat.

Pusat Giat MARA di Sabak Bernam, projek ini akan kita teruskan.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah - Yang Berhormat bagi Batu Gajah tidak ada di Dewan, tidak payah jawablah. Tetapi sebenarnya berhubung dengan kualiti bas, semua bas ekspres kita wajib membuat pemeriksaan PUSPAKOM setiap enam bulan. Semua bas ekspres perlu mematuhi jadual tambang dan laluan yang ditetapkan oleh LPKP. Kementerian sedang mengkaji had usia kenderaan perdagangan untuk meningkatkan kualiti dan kepuasan pelanggan.

Teksi yang mengenakan tambang yang lebih. Teksi yang mengenakan tambang yang lebih boleh digantung dan dibatalkan lesen pengguna, boleh dibuat aduan - Talian Bebas Tol 1800 889 600 atau SMS di 39900. Maklumat nombor pendaftaran kenderaan, tarikh, masa dan jenis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Gajah tidak ada di sini untuk membuat catatan.

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Ya. Namun begitu inilah pembangkang bila menyoal tidak bertanggungjawab dan

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun.

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop:tidak ingin pun hendak tahu, sekadar hendak menyuarakan bagi menimbulkan kesangsian kepada rakyat.

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan Bagan.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau teksi yang *charge* lebih tinggi daripada meter, adakah dia boleh digantung kalau aduan dibuat? Bagaimana teksi yang tidak mahu mengambil pelanggan. Beberapa kali Ahli Parlimen dari sini hendak balik ke PJ, hendak balik ke Kuala Lumpur, teksi tidak mahu datang. Dari Kuala Lumpur dan juga PJ hendak menaiki teksi, *teksi stop* dan bila mengatakan hendak pergi ke Jalan Parlimen, mereka tidak mahu pergi.

Jadi, apakah masalah yang sebenarnya, adakah mereka tidak untung, tidak boleh mendapat keuntungan dan mereka tidak mahu datang ke sini ataupun apa sebabnya. Adakah kementerian telah membuat kajian, supaya kalau Ahli Parlimen hendak datang ke Parlimen atau hendak pulang boleh mendapatkan teksi dengan senang. Terima kasih.

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, semua teksi terpaksa berhenti apabila pelanggan berkehendakkan teksi, tetapi apa yang berlaku mungkin itu adalah *human factor* yang tidak boleh dibantu. Sama-samalah kita membantu supaya pengusaha-pengusaha ini dapat memenuhi kehendak-kehendak pelanggan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah sudah masuk, hendak beri jalan?

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Timbalan Menteri..

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Saya tidak perlu menjawab soalan Yang Berhormat bagi Batu Gajah kerana saya sudah menjawab habis berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Batu Gajah ada menyoalkan dan ada membuat pengaduan berkenaan dengan bas yang tidak mengikut masa, dibaca dengan tepat, dengan izin, "bas singgah di kampung-kampung untuk makan", adakah itu sudah dijawab? Tidak dijawab! Adakah

satu peraturan baru di mana bila Ahli Parlimen yang berucap di sini apabila sudah sampai masa untuk dijawab sekiranya beliau tidak ada di sini, tidak payah jawab. Adakah satu peraturan baru ini?

Cik Fong Po Kuan: Menteri pun tidak ada kadang-kadang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Kalau menteri tidak ada, kita tidak payah menyoal beliaukah, apa peraturan ini? Saya berharap Yang Berhormat.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jangan marah, ini Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Hock Seng: Bukan, kalau Ahli Yang Berhormat yang berucap tidak di dalam Dewan ini mungkin dia ada di luar, di mana-mana pun ada televisyen.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini terpulang kepada yang menjawab, saya tidak boleh memaksa dia.

Tuan Lim Hock Seng: Yang Berhormat Tuan Pengerusi ada hak untuk mengarahkan beliau menjawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat tidak ada memberi kuasa kepada saya.

Tuan Lim Hock Seng: Apa macam duduk sana?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh membuat pindaan memberikan kuasa kepada saya.

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Tuan Pengerusi, saya rasa Yang Berhormat bagi Bagan tidak payah *champion* kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Jadi, saya bercakap mengenai persoalan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan saya telah pun menjawab kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah..

Tuan Lim Hock Seng: Singgah di kampung makan sudah jawabkah?

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat duduk dahulu.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, janganlah gaduh Yang Berhormat. Jadi, sama juga kalau teksi enggan mengambil penumpang atau bas yang salah laluan dan sebagainya juga kalau dibuat aduan mengikut peraturannya kita boleh menggantung syarikat bas tersebut.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia tidak dapat jadi polis.

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Berhubung dengan Institut Kemahiran Menengah [IKTM] di Larut, kontraktor sebenarnya belum dilantik. Ia dalam proses pengambilan tanah dan setakat ini mungkin dia akan masuk ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat. Saya tidak tahu, apakah Yang Berhormat mendapat maklumat yang salah daripada pegawai. Saya minta pegawai berterus terang di dalam Parlimen, sebab pecah tanah telah pun dibuat oleh Yang Berhormat bekas Menteri yang juga Ahli Parlimen bagi Padang Rengas. Saya tidak boleh menyebut nama, sebab ini adalah Peraturan Mesyuarat, kita mengikut Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Menteri itu ada di Dewanlah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ada di Dewan, rajin datang selalu pula itu, di sebelah kiri saya, *handsome*. Jadi, janganlah.. saya tidak pernah hendak membangkitkan sesuatu melainkan perkara tersebut memang serius. Macam mana pula hendak masuk ke Rancangan Malaysia Kesembilan, sedangkan telah pun dibuat kenyataan bahawasanya pecah tanah selewat-lewatnya awal tahun hadapan akan dimulakan, *intake* pertama pelajar tahun 2007 paling lewat.

Macam mana pula daripada Institut Tinggi jadi menengah, saya pun tidak faham ada berapa banyak projek MARA ini. Jadi, saya minta Yang Berhormat betulkan semula, mungkin Yang Berhormat mendapat maklumat yang tidak betul. Saya tidak boleh menyalahkan Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri seorang yang rajin, pedulikanlah pembangkang di sana, dia bukan menyokong kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi, saya minta tolong perbetulkan semula fakta tadi di manakah silapnya. Kontraktor telah pun dipilih, cuma mungkin dari segi teknikal. Jadi, saya bawa dalam Parlimen tidak boleh main-main. Ini perkara fakta, jadi kalau hendak masuk Rancangan Malaysia Kesembilan bagaimana, siapa hendak menghadapi pengundi-pengundi di kawasan saya, kerana telah pun dibuat penyebaran, majlis. Jadi, saya minta Yang Berhormat memberikan penjelasan yang lebih jelas mengenai perkara ini. Terima kasih.

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, saya minta maaf, saya akan merujuk semula di kementerian berkaitan, kerana kalau saya jawab dan

menegaskan di sini mungkin ianya ada, kita akan rujuk dan akan memberi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasihlah Yang Berhormat, terima kasih banyak-banyak.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memohon maaf tetapi saya hendak memberitahu Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya minat dengan jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya masih ada dalam Dewan, semua perkara yang saya bangkitkan, saya dimaklumkan Yang Berhormat Timbalan tidak menjawab semua, jangan kata sudah jawab. Berkenaan teksi tadi saya ada membangkitkan di mana tidak mengikut meter. Semua tempat itu telah saya nyatakan. Jadi, saya hendak tahu apa tindakan proaktif, saya rasa orang ramai mengalami.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sudah dijawab, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Perkara yang kedua, tiket bas yang saya katakan di dalam syarikat 'A' tetapi dia tukar tiket syarikat 'B'. Saya berharap jangan lompat soalan saya.....

Tuan Lim Hock Seng: Lama-lama satu kali mari ke dalam Dewan

Cik Fong Po Kuan:soalan saya tidak diberikan jawapan *and some more you want to attack me*, dengan izin. Sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri, kadang-kadang kita bangkit dalam Dewan, Timbalan Menteri pun tidak ada dalam Dewan. Datang dengan – sedia jawapan oleh pegawai....

Seorang Ahli: Baca, baca.

Cik Fong Po Kuan: ...baca sahaja jawapan. Jadi, janganlah, *don't attack me like that*, kita dari negeri yang sama. *[Ketawa]*

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, saya boleh ulang balikkah Yang Berhormat, tetapi ini tidak bererti saya mengalah dengan Yang Berhormat. Kualiti yang Yang Berhormat maksudkan, kualiti perkhidmatan bas ekspres yang tidak memuaskan. Semua bas ekspres diwajibkan melalui peperiksaan PUSPAKOM enam bulan sekali.

Cik Fong Po Kuan: Itu lain.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Penjualan tiket bas ekspres.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini sudah jawab tadi.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Hah! Sebab itulah saya rasa saya tidak perlulah menunduk kepada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jawab yang belum jawab punya. Ini jawapan jangan ulang lagilah, Yang Berhormat.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Sebab Yang Berhormat ini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab yang jawabnya sudah jawab.

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jawab kepada soalan yang belum dijawab.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yes.

Cik Fong Po Kuan: Perjalanan masa yang tidak tepat, dia tidak mula....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Memang sudah menjadi amalan kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah memperkecilkan orang.

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, boleh saya tanya sedikit, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Oleh kerana tadi pembangkang ini selalu ganggu. Untuk rujukan Yang Berhormat, masalah yang saya bangkitkan tadi di Larut. Rujukan, Timbalan Ketua Pengarah MARA hadir sendiri di majlis yang sama, dia yang setuju dengan projek ini. Itu sebagai rujukan Yang Berhormat, betapa seriusnya saya dan ingatnya saya tentang

projek ini. Timbalan Ketua Pengarah MARA sendiri hadir di majlis pelancaran projek tersebut.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat, Timbalan Menteri sudah nyatakan dia akan kaji balik, akan semak.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya. Minta rujuklah, sebab itu direkodkan di sini boleh dirujuk kepada Timbalan Ketua Pengarah MARA. Seoranglah saya tahu, tidak tahulah nama, kot ada yang lain. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, itu akan diberi perhatian. Menyentuh Yang Berhormat bagi Tebrau, membawa permasalahan kawasan perumahan baru yang tiada perkhidmatan bas kerana dianggap tidak menguntungkan. Pihak berkuasa tempatan sentiasa memaklumkan kawasan perumahan baru yang telah diduduki tetapi tiada perkhidmatan bas kepada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan. LPKP mengadakan dialog dengan persatuan dan pengusaha bas untuk memberi perkhidmatan bas ke kawasan perumahan baru dari masa ke semasa.

Yang Berhormat bagi Tanah Merah telah membangkitkan latihan kepada kontraktor kelas 'F'. Latihan diberi dari masa ke semasa dan ada peruntukan khas tahun 2004, iaitu sebanyak 260 ribu latihan di setiap negeri telah pun diperuntukkan. Limpahan kontraktor kelas 'F', cadangan untuk membekukan pengeluaran kontraktor kelas 'F', ini juga dalam penelitian, kerana kita juga memangnya mementingkan kualiti kontraktor itu sendiri dalam menjalankan kerja-kerja bangunan yang mereka laksanakan. Program bagi meningkatkan kontraktor bumiputera iaitu kita memangnya membuat pelbagai kursus dan landskap dan untuk membaiki paip dan pelbagai lagi penambahan kemahiran ke arah penambahbaikan kepada pemilik kontrak kelas 'F'.

Bas ekspres daripada Bagan. Yang Berhormat bagi Bagan yang bangkit tadi. Tidak payahlah Yang Berhormat bagi Bagan, sudah jawab tadi. *[Disampuk]*

Tuan Teng Boon Soon: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tebrau bangun.

Tuan Teng Boon Soon: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi saya tanya tentang kontraktor yang sering kali gagal menyiapkan pelaksanaan projek mengikut jadual. Di Johor Baharu lanjutan masa itu berlaku sehingga lapan, sembilan

kali. Ini bukan satu kes sahaja, beberapa kes. Lanjutan masa lapan, sembilan kali. Jadi, apakah tindakan kementerian untuk memastikan kontraktor-kontraktor seperti ini tidak diberi peluang lagi untuk mengendalikan projek kerajaan. Minta penjelasan.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Memang menjadi amalan Yang Berhormat, kontraktor demikian tidak lagi diberi masuk sebarang tender dan memangnya kita senarai hitamkan jika ada aduan-aduan yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu.

Yang Berhormat bagi Sri Aman membangkitkan alamat rumah untuk pendaftaran kontraktor kelas 'F'. Penggunaan alamat rumah untuk alamat operasi sememangnya dibenarkan. Kontraktor kelas 'F' berkongsi alamat - dua, tiga kontraktor boleh digunakan satu alamat. Berhubung dengan syarat wang modal RM5 ribu, belum bercadang untuk naik atau turun kepada keadaan yang belum kita tetapkan. Jadi, Yang Berhormat-Yang Berhormat saya kira, saya sudah menyentuh semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Sekiranya, tertinggal saya mohon supaya

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Tuan Hashim bin Jahaya: *[Bangun]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada tiga Ahli Yang Berhormat bangun. Mana satu Yang Berhormat. Sudah habis. Yang Berhormat sudah habiskah?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat bagi Sri Aman, Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Pengerusi, saya tadi ada menyentuh tentang pegawai-pegawai yang menemu duga orang yang bakal-bakal kontraktor yang menggunakan cara yang kasar, yang menghina orang yang memang sudah takut, tetapi dihina juga dan apakah rancangan yang hendak dilaksanakan oleh kementerian supaya kita ada pegawai yang hendak membantu dan bukan yang hendak mematahkan semangat bumiputera-bumiputera yang hendak berkecimpung dalam dunia perniagaan.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya pun agak kesal jika terdapat pegawai yang begini rupa. Saya harap Yang Berhormat boleh beri saya tahu secara bertulis nama orangnya dan di mana kerana ini bukannya budaya kita untuk menjalankan tugas-tugas dengan melemahkan semangat usahawan kita. Saya harap selepas ini Yang Berhormat bolehlah hantar butir-butir yang lebih terperinci kepada kementerian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Putatan bangun.

Tuan Jimmy Donald: Sudah beri tadi, nama syarikat dan nama pemilik.

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya, terima kasih Yang Berhormat, mungkin kita sudah catat. Jadi,

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pun ikut berbahas tadi tetapi malangnya tidak terdengar jawapan ataupun tindak balas dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Perkara yang saya timbulkan tadi ialah bagaimana cara kerajaan untuk membantu golongan jenis bumiputera-bumiputera yang minoriti di Sabah dan Sarawak. Tidak ada jawapan tadi.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, saya perlu notis bagi soalan itu, kepada jawapan Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat-Yang Berhormat saya kira, saya telah jawab semua persoalan yang diberi oleh Yang Berhormat, yang tertinggal, seperti mana saya sebutkan tadi, sila majukan dengan bertulis

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

Dato' Khamsiyah binti Yeop:untuk saya beri jawapan terperinci jawapan-jawapan kepada Yang Berhormat sekalian. Sekian, terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan hari ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,303,546,600 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,303,546,600 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,430,827,800 untuk Maksud P.26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,430,827,800 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2005.

Maksud B.27 [Jadual] –

Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan 2005] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.27 dan Kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat bagi Bentong sila.

5.10 ptg.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berhubung dengan Maksud Bekalan 27, saya ingin menarik perhatian kementerian bahawa penyeliaan terhadap kerja-kerja pembaikan lebuhraya tidak kira Lebuhraya Utara-Selatan, mahupun lebuhraya daripada Pantai Timur, saya rasa kita telah pun swastakan kepada pihak swasta, tetapi pihak kementerian khususnya LLM perlu mengawal selia kerja-kerja pembaikan yang dijalankan di lebuhraya ini.

Satu contoh yang saya ingin berikan ialah baru-baru ini kita dapati bahawa lebuhraya daripada Kuala Lumpur ke Karak, kita tahu bahawa lebuhraya ini adalah satu lebuhraya yang penting untuk ke Pantai Timur dan ia apabila memerlukan pembaikan naik taraf, maka dia ditutupkan satu lorong laluan bagi kenderaan. Seluruh kenderaan itu kena melalui jalan yang lain, yang menyebabkan kesesakan yang keterlaluan. Tambahan pula pembaikan kerja yang dibuat ini sepanjang 3 kilometer jauhnya. Kalau kita hendak membaiki dan menaiktarafkan jalan ini biarlah berperingkat-peringkat, janganlah kita sekat jalan itu sampai 3 kilometer jauhnya dan membelokkan kenderaan-kenderaan ke sebelah jalan. Ini bukannya satu cara yang

mengikut *standard*, yang kita luluskan, saya harap LLM dapat mengawasi kerja-kerja yang dibuat oleh MTD. an

Semalam di Gua Tempurung ada tanah runtuh dan diberitahu bahawa ia akan tutup selama seminggu. Siapa yang memberi tarikh dan berapa lama tempoh masa ini? Tidak bolehkah kita singkatkan, tidak bolehkah kita memperbanyakkan jentera untuk memastikan bahawa jangkaan itu dapat kita singkatkan dan membolehkan kenderaan-kenderaan melaluinya, kerana kita tahu bahawa lebuh raya ini adalah satu lebuh raya yang penting. Apabila kita berhenti kenderaan akan menyimpang mereka masuk ke Tapah dan keluar melalui Gopeng dan ia mengambil masa yang begitu panjang dan kesesakan lalu lintas akan berlaku. Oleh itu saya rasa semua penyeliaan ini adalah amat diperlukan.

Saya juga ingin menyentuh tentang penyeliaan kerja-kerja yang dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya. Kita tahu bahawa banyak masalah timbul dari segi kurangnya penyeliaan yang dibuat oleh Jabatan Kerja Raya. Contohnya projek-projek besar seperti MRR2 di Kepong, satu lagi projek MATRADE yang sering kita bincangkan di Parlimen ini masalah utamanya kita lihat adalah masalah penyeliaan (*supervision*) daripada Jabatan Kerja Raya.

Satu projek MATRADE seperti bangunan MATRADE kosnya adalah lebih kurang RM167 juta. Tetapi oleh kerana tidak adanya penyeliaan yang rapi, dengan adanya kelewatan masa dan juga penukaran pelbagai jenis – jadi pelbagai masalah timbul selepas itu, kita lihat kosnya melambung tinggi. Sehingga sekarang kita hendak menyempurnakan bangunan MATRADE ini memakan belanja RM286 juta, hendak dekat satu kali ganda projek ini. Oleh itu saya rasa tidak kiralah projek ini *direct negokah* ataupun projek ini adalah diberi kepada kontraktor mana sekali pun, tanggungjawab JKR yang utama ialah menjaga harta rakyat, menjaga dan kita telah diamanahkan untuk memastikan bahawa harta rakyat ini dapat dijaga dengan baik. Bangunan kerajaan, bangunan MATRADE, ataupun lebuh raya ataupun MRR2 itu semua adalah harta rakyat, maka ia perlu dijaga dengan baik dan ia perlu diseliasa dengan baik dan pastikan tidak ada penyelewengan berlaku.

Saya menyerulah supaya kerajaan memandang berat tentang masalah dalam JKR ini. Selalu apabila dibangkitkan masalah ini dalam JKR, pegawai-pegawainya kita kasihan juga memang masalah mereka, mereka mengatakan bahawa tidak cukup kakitangan, itu satu - tidak cukup kakitangan.

Yang kedua, dia kata, tidak cukup latihan. Oleh itu kita menyeru kepada kerajaan berikanlah berapa peruntukan yang perlu kepada JKR. Tidak kira dari segi kakitangan mahupun dari segi latihan, saya rasa itu perlu. Kalau Jabatan Kerja Raya tidak dapat mengawasi projek-projek kerajaan dengan baik, akhirnya kerajaan yang susah, kerajaan pula yang akan menerima akibatnya kerana JKR sebagai satu agensi untuk mengawasi semua projek kerajaan tidak dapat menjalankan kerja dengan baik. Kerana alasannya tidak cukup peruntukan dan tidak ada latihan serta tidak cukup kakitangan. Saya rasa masanya sudah tiba, tidak boleh ada lagi alasan-alasan sebegini kerana kita tahu bahawa kita mempunyai cukup teknologi dan kita mempunyai cukup ahli-ahli pakar dalam semua segi. Kita boleh mengatasi semua projek, MRR2 adalah satu projek yang mudah sahaja. Jambatan berlapis adalah satu jambatan yang sering kali kita dapat lihat di negara-negara ketiga dan negara-negara mundur pun boleh membuat jambatan ini, tidak payahlah Malaysia buat jambatan sampai retak macam itu. Saya rasa itu satu projek yang memalukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulunglah Yang Berhormat.

Tuan Liow Tiong Lai: Saya harap JKR dapat mengambil inisiatif, kalau tidak cukup peruntukan kita memohon dan kita yakin Ahli-ahli Parlimen, kita akan sokong agar pastikan JKR mempunyai peruntukan yang cukup bagi memastikan semua pegawai diberi latihan yang baik dan memastikan kita ada kakitangan yang baik.

Tuan Pengerusi, satu lagi yang saya hendak sentuh mengenai jambatan. Banyak permohonan projek-projek JKR, Kementerian Kewangan sekat kewangan dia, kita potong kewangan JKR. Habis jalan-jalan dilebarkan, dia lebarkan bahu jalan, tetapi jambatan itu tidak dapat dilebarkan, jambatan sempit, kemudian jalan lebar. Itulah yang menyebabkan kemalangan berlaku. Saya harap masalah ini dapat diatasi, contohnya di kawasan Bentong. Daripada highway hendak masuk ke Bentong, ada berapa jambatan tidak dapat dibesarkan dan memang apabila kita lepas daripada highway, lebu raya masuk ke Bentong ada satu jalan yang besar dan didapati kenderaan begitu laju. Apabila sampai ke jambatan begitu sempit dan selalulah masalah kemalangan berlaku.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Liow Tiong Lai: Saya harap masalah ini perlu diatasi dengan segera. Saya minta pertolongan daripada JKR, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Larut.

5.18 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh P.27 Kementerian Kerja Raya, di bawah Butiran 09800; Butiran 09600; Butiran 00600 dan Butiran 2100. Tahniahlah kepada Timbalan Menteri kerana sudi datang ke Parlimen, nombor empat undi yang terbanyak. Tahniah dan syabas...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak ada masa lah!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, saya hendak terus pergi pertama sekali hendak tahu kedudukan tanah runtuh sebab esok saya akan balik Tuan Pengerusi ke Ipoh melalui Gua Tempurung. Kalau tidak silap saya sudah tiga kali tanah ini runtuh. Jadi kita hendak tahu, di mana silapnya, saya difahamkan gerakan tanah ataupun dengan izin *earth movement*. PLUS pula, janganlah habis tebang pokok-pokok belukar sampai sungai pun naik botak. Kita tahu belukar ini penting untuk pegangan air ataupun *hold water*, dengan izin. Jadi saya hendak tahu apakah pihak berkenaan sentiasa membuat pemantauan dan juga menyelidik sekiranya terjadi sesuatu yang tidak diingini, kita bimbang juga bila lalu.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kepong? Terima kasihlah Kepong sebab sudi tanya saya, jangan sentuh bola Kepong, ya!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Tahniah kepada Perak, tetapi Larut sekarang di Johor, betul tidak? Larut bukan di Perak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana Larut di Johor?

Beberapa Ahli: Peraklah.

Dr. Tan Seng Giaw: Perakkah?

Beberapa Ahli: Perak.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh Perak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat baru bangunlah, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: [Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Baru bangun tidurkah?

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana tidur pula? Saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat setuju dengan saya. Di Lebuhraya Utara Selatan ini, di Gua Tempurung ini baik dinamakan Gua Runtuhlah lebih baik, kerana dua, tiga kali sudah runtuh dan adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa ada satu projek di kawasan itu juga, Lebuhraya Utara Selatan sekarang ada RM900 juta sudah pun tendernya diberi kepada PLUS Expressway. Sama ada ini munasabah atau tidak, saya takut dia buat gua runtuh yang lain pula dengan RM900 juta ini. Adakah Yang Berhormat setuju kita mesti mempertimbangkan projek ini sama ada diberi kepada PLUS Expressway lagi?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, Timbalan Menteri ada di sini Yang Berhormat, janganlah jadi macam ikan kembung ikan kerapu, Yang Berhormat wakil Kepong wakil merapu, saya tidak setuju [*Ketawa*] hendak dinamakan Gunung Runtuh. Takut orang Yang Berhormat. Kita sudah ada nama sejarah, kekalkan. Kalau Kepong pun, saya rasa Yang Berhormat pun tidak setuju dengan nama Kepong. Jadi Yang Berhormat, belajarlah sejarah atau pun geografi. Saya di Perak, bukan di Johor.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia susah hendak pergi Johor, Yang Berhormat pun susah hendak pergi Johor.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, susah. Saya hendak teruskan Tuan Pengerusi, tentang masalah yang berlaku ini kerana kita bimbang pelancong datang ke negara kita ini terutamanya kita takut penerangan dan penjelasan berhubung dengan apa yang berlaku dalam negara kita ini boleh dipesongkan. Tengoklah tadi, belum apa-apa Kepong sudah hendak pesongkan dengan fakta. Adakah patut hendak dicadangkan nama Gunung Runtuh. Kita sepatutnya mengekalkan keindahan yang ada dalam negara kita ini. Tetapi sabar sedikit Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat seorang yang berwibawa, bersabar walaupun pindah dari Shah Alam ke Sepang. Tahniah dan syabas.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya hendak bertanya kepada pihak JKR. Pertamanya tentang projek yang saya hendak sentuh di bawah Butiran 09800 bernilai RM206 juta lebih dan juga B 00600 – Jalan Raya Baru yang bernilai RM120,140,000. Di kawasan saya, satu projek yang telah tersadai agak lama, kalau boleh dicatat, projek jalan raya dari Kampung Medan ke Ulu Selama iaitu di Bukit Bertam. Dahulu kontraktornya menarik diri kerana sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Kemudian awal

tahun projek ini telah diteruskan. Memang ceria penduduk kampung ini apabila hendak dapat projek baru tetapi tiba-tiba projek ini sekali lagi ditangguhkan. Di manakah silapnya?

Dalam mesyuarat pembangunan, saya telah diberitahu oleh pihak JKR kononnya peruntukan tidak cukup. Jadi, takkanlah kerana peruntukan tidak cukup, projek yang telah diluluskan tidak boleh diteruskan kerana masalah pengambilan tanah telah pun dibuat. Dahulu kurang dapat kerjasama daripada penduduk, sesetengah itu terpaksa memberi tanah dengan harga yang tidak dipersetujui tetapi akhirnya kerana pembangunan, tanah-tanah tersebut telah diserahkan.

Yang keduanya ialah tentang penerusan jalan iaitu dari Selama ke Kubu Gajah Ulu Setang. Saya hendak tahu bilakah jalan ini yang sedang dimajukan akan siap dilaksanakan kerana jalan ini amatlah berbengkang-bengkok dan kalau hendak dibandingkan dengan tempat-tempat lain, memang di kawasan saya yang agak teruk sedikit.

Yang akhir sekali, saya hendak tanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang B.2100 – Membina Persimpangan Bertingkat iaitu projek baru bernilai RM291,000,000 iaitu dahulu pernah diwar-warkan hendak buka *interchange*, dengan izin, di Alor Pongsu, itu memang cadangan asal bahkan saya difahamkan perkara ini telah pun sampai ke peringkat kerajaan negeri. Jadi, saya ingin tahu bilakah projek ini hendak dimulakan?

Saya juga ingin mencadangkan di sini kalau bolehlah iaitu berhampiran dengan Tol Ampang di Ipoh supaya dapat diadakan satu *interchange* kerana pada hari ini, kalau hendak ke Utara, memang tidak ada masalah bagi orang-orang di Ipoh, mereka boleh menggunakan di tepi laluan tol itu cuma kalau hendak ke Selatan, ini amat menyukarkan. Jadi saya mencadangkan supaya satu lagi kalau boleh *interchange* diwujudkan di situ terutama sekali kalau kita hendak mempromosikan limau tambun yang begitu popular pada hari ini khususnya di Tambun dan juga keseluruhannya di negeri Perak.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya menyokong tetapi menolak cadangan daripada Kepong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan.

5.26 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya harap Tuan Pengerusi boleh membenarkan saya menghabiskan ucapan saya dan tidak perlu sambung kepada besok pagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Empat minitlah.

Tuan Lim Hock Seng: [*Ketawa*] 030000 – Sektor Bangunan. Tuan Pengerusi, pengubahsuaian bangunan Parlimen sekarang sudah dekat siap dan kita dengar ada ura-ura kata kosnya lebih kurang RM80 juta. Kepada orang ramai dan Ahli-ahli Parlimen tidak yakin RM80 juta hendak membuat pengubahsuaian kepada Parlimen ini. Jadi, saya berharap pihak kerajaan boleh memberi satu angka yang sebenar mengapa ia menelan satu belanja yang begitu besar untuk membuat pengubahsuaian dan sekiranya kita masuk ke tandas, masuk ke liku-liku atau sudut-sudut tangga di bangunan yang tinggi di sebelah sana, semua itu tidak dibuat apa-apa lagi. Semua sampah sarap, kalau orang nampak dari luar, semuanya *marble* tetapi masuk ke dalam sana, semua *cockroaches* ada di sana.

Ada satu peruntukan di mana 060200 – Bayaran Pampasan Tol – RM121 juta disediakan untuk membayar pampasan tol. Saya berharap kerajaan boleh membuat penjelasan berkenaan dengan jumlah ini dan mengapa ia perlu.

02000 – Skim Mengatasi Kesesakan Lalu Lintas Pulau Pinang, RM50 juta diperuntukkan. Saya minta kerajaan memberitahu apa projek yang akan dijalankan di Pulau Pinang ini yang menelan belanja RM50 juta.

13000 – Dewan Undangan Negeri Perlis, RM20 juta diperuntukkan. Bukankah ini bangunan kerajaan negeri iaitu Kerajaan Negeri Perlis? Mengapa Kerajaan Pusat kena memperuntukkan RM50 juta untuk membina Dewan Undangan Negeri Perlis ini? Adakah angka ini dipinjamkan kepada kerajaan negeri?

050000 – Pengurusan JKR, 050600 – Pengurusan Projek Jambatan Pulau Pinang. Kita telah dengar banyak kali Jambatan Pulau Pinang ini akan dilebarkan, sudah berulang-ulang kali. Bukankah benar bahawa dalam Perjanjian Konsesi, pihak konsesi perlu membina atau perlu meluaskan jambatan ini pada tahun 2000? Sekarang sudah tahun 2004, masih tidak ada apa-apa kerja dijalankan. Saya minta satu tarikh atau satu unjuran di mana kerja-kerja pelebaran ini akan bermula? Jangan

kata lagi hendak mula, kesesakan trafik di jambatan ini memang tidak boleh dipandang rendah lagi.

Tuan Pengerusi, pelebaran di Jalan Duta dekat India High Commission, ini selalu kami melalui tempat itu, sesak. Saya tidak nampak orang kerja sekarang, nampaknya macam ia terbengkalai. Mengapa ia boleh terjadi begini?

Berkenaan dengan Hospital Sultan Ismail, banyak kenyataan telah dibuat di luar, di dalam surat khabar baik pun Menteri Kesihatan, baik pun Menteri Kerja Raya berkenaan dengan hal ini. Saya minta satu kenyataan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Di mana tempatnya Hospital Sultan Ismail?

Tuan Lim Hock Seng: Di Johorlah yang ada *fungus* itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah, Yang Berhormat tidak sebut.

Tuan Lim Hock Seng: Jadi, saya minta satu kenyataan rasmi diterangkan dalam Dewan yang mulia ini dan bukannya di luar sana.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat tidak mahu.....

Tuan Lim Hock Seng: Ya, lagi satu perkara...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak mahu sambung, boleh duduklah.

Tuan Lim Hock Seng: Tidak, saya sudah kata, saya mahu habiskan ini. Berkenaan dengan penggelongsoran Gua Tempurung. Adakah sebarang *marker* atau *sensor* dipasang di semua cerun bukit di sepanjang lebuh raya ini supaya pengawasan dan juga kesan awal boleh ditemui sebelum gelongsor ini berlaku? Nasib baiklah ia tidak membawa maut. Kalau ia membawa maut, itu satu tragedi. Sekian sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada orang hendak cakap lagi ya?

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ketereh.

Seorang Ahli: Masa sudah cukup....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila.

5.31 ptg.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Ahli-ahli Dewan yang sedia menunggu walaupun sudah pukul 17.31 petang. Saya sedang menanda beberapa perkara dan saya ingin membincangkan untuk turut membahaskan JKR ini di bawah tajuk 51000, 60000, 61000, 70000, 71000, 80000, 81000 dan juga Pembinaan Jalan di bawah 31000, Jalan-jalan Raya Baru - 00660. Semuanya saya mengambil berkenaan dengan jalan kerana saya perhatikan jumlah jalan yang dibuat oleh kerajaan ini sebenarnya bertimpa-timpa.

Kita ambil satu contoh, ya. 60000 ialah Naiktaraf Jalanraya dan Laluan - RM477 juta, 61000 ialah Naiktaraf Jalan-jalan (Projek Baru) - RM462 juta, 70000 - Memperelok Jalan-jalan, RM345 juta. 80000 - Membina Jalan-jalan Baru - RM785 juta, Membina Jalan-jalan Baru (Projek Baru) - RM492 juta, Jalan-jalan Raya Baru - RM120 juta. Kalau di campur semua ini hampir RM2 bilion kerajaan menggunakan untuk membina jalan raya.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan JKR kerana memikirkan perkara ini, sebab jalan raya di negara kita ini adalah di antara jalan raya yang terbaik di Asia, bahkan di dunia sekalipun. Cuma, saya perhatikan kesemua projek-projek ini kecuali 00500 iaitu Jalan Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang dan Kuala Berang, kesemuanya adalah berada di sebelah Pantai Barat Semenanjung Malaysia, tidak ada butiran, kalau ada butiran saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri atau pihak kerajaan memberikan butiran jalan-jalan baru yang akan dibina di Kelantan, di Terengganu dan di Pahang. Sebab ini adalah kawasan yang termundur dan adalah merupakan kawasan kaum bumiputera, kawasan yang ramai orang Melayu.

Kalau kita asyik membina jalan sahaja, kita buang beratus-ratus juta, kita buang beribu-ribu juta membina tempat yang memang sudah maju, akhirnya kawasan yang maju itu tidak akan maju.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyatakan di sini bahawa JKR telah menswastakan projek *maintenance* jalan kepada satu syarikat besar di Pantai Timur. Dalam kawasan saya, oleh kerana *maintenance* ini dibuat oleh syarikat swasta, maka mereka sentiasa memperelokkan kawasan ini. Maka dibaikilah longkang-longkang kerana hendak memperelokkan jalan. Tetapi dalam mereka memperbaiki longkang,

dalam kawasan saya ini daripada Sekolah Menengah Kaduk sehingga ke Persimpangan Kaduk mengambil jarak jalannya adalah 2 ½ kilometer.

Semasa mereka membuat longkang baru ini, mereka hanya memikirkan soal *water surface runoff* daripada jalan raya tanpa memikirkan soal kampung-kampung di persekitaran, sehingga menyebabkan kampung yang dahulunya menggunakan parit yang di tepi jalan itu untuk mengalirkan air, sekarang ini setiap kali musim hujan akan banjir. Bukan sahaja setiap kali musim hujan, kalau hujan berlaku, dahulunya kawasan ini boleh ditanam padi tetapi kawasan ini sudah tidak boleh ditanam padi. Kawasan ini adalah kampung – nama kampung ialah Kampung Paya Lada.

Saya telah bercakap sendiri, kebetulan dengan sahabat saya yang merupakan Pengurus Besar Kanan, syarikat penswastaan *maintenance* jalan ini tetapi beliau memberitahu bahawa walaupun projek ini projek dia, ianya adalah di bawah seliaan JKR Daerah Kota Bharu. Apabila saya berjumpa dengan Jurutera Daerah Kota Bharu, beliau pula memberitahu bahawasanya ini tidak ada kena mengena dengan projek kerajaan. Ianya adalah di bawah projek penswastaan. Yang menjadi masalah kepada saya ialah penduduk di Kampung Paya Lada di kawasan sekitar Kaduk ini yang jumlah *acreage* padinya adalah lebih kurang 125 hektar sudah tiga tahun tidak boleh membuat padi dan kawasan saya adalah kawasan membuat padi.

Saya pohon kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kerajaan supaya menangani segera masalah ini kerana sekarang ini sudah bulan Oktober, musim padi yang lalu sudah habis dan musim padi yang kedua akan datang, banjir akan datang dan saya yakin, sekiranya longkang ini tidak dibaiki, tidak di pulih semula, maka ianya akan menyebabkan bukan sahaja kawasan itu akan jadi banjir tetapi punca pendapatan rakyat kawasan saya ini juga akan hilang.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membincangkan 00500 yang saya sebutkan tadi, Jalan Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang yang diperuntukkan dengan peruntukan sebanyak RM42 juta. Kawasan Lojing adalah merupakan suatu kawasan pertanian yang masih belum diterokai. Ianya mempunyai satu kawasan yang hampir sama suburnya dengan kawasan Cameron Highlands. Terbinanya jalan ini akan membolehkan kawasan ini menjadi kawasan yang maju. Walau bagaimanapun, saya telah diberitahu bahawa projek ini sudah dua kali tertangguh. Saya mengharapkan supaya projek ini dapat disegerakan agar kawasan Lojing dan kawasan Gua Musang ini walaupun ianya bukan kawasan saya, akan dibangunkan dengan segera dan ianya

mbolehkan satu lagi laluan baru bagi orang Kelantan sama ada untuk balik berhari raya atau untuk bercuti atau untuk datang ke Kuala Lumpur dan juga untuk bercuti di Cameron Highlands.

Pada masa ini kalau orang Kelantan hendak datang ke Cameron Highlands, dia terpaksa datang ke Kuala Lumpur dahulu kemudian baru pergi ke Tapah dan naik ke Cameron Highlands. Tetapi dengan siapnya jalan ini, insya-Allah hubungan antara Kelantan dan Pantai Barat akan ada hubungan yang kedua selain daripada jalan Lebuhraya Timur Barat.

Akhir sekali saya juga ingin menegur seperti juga sahabat saya tadi, beberapa perkara yang berlaku dalam JKR. Kadang-kadang kita mengambil satu *simplistic approach*, misalnya dalam kes MRR 2. Yang Berhormat Menteri pernah menyebut bahawasanya sesiapa sahaja yang mengatakan bahawasanya, "Kalau jambatan yang rosak itu adalah kerana *design fault*, maka saya akan saman". Tetapi ternyata selepas dibuat kajian ianya adalah merupakan *design fault*.

Saya harap dalam membuat kenyataan, JKR yang mempunyai peruntukan yang begini banyak, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapatlah memberitahu Yang Berhormat Menteri supaya jangan lepas cakap sahaja, ambil mudah, seolah-olah Yang Berhormat mempunyai *millage* untuk bercakap sebab Yang Berhormat sekarang Ahli Majlis Tertinggi UMNO Nombor 4. Kita bagi kedudukan yang tinggi untuk mewakili suara UMNO, untuk mewakili suara rakyat, bahawasanya JKR ini, *you cannot take in for a ride. Don't just simply do what you want to do*, dan jangan membuat sebarang kenyataan semata-mata kita sudah lama duduk di situ.

Saya menegur ini adalah kerana hendak tengok Kerajaan Barisan Nasional mempunyai sebuah kerajaan yang mantap, kukuh dan bertanggungjawab dalam kenyataan. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pontian. Yang Berhormat Pontian boleh berucap hari esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.39 petang